

**AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQAB DI SELANGOR:
ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH**

WAN NORDIANA BINTI WAN YUSOFF

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQAB DI SELANGOR:
ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH**

WAN NORDIANA BINTI WAN YUSOFF

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: WAN NORDIANA BINTI WAN YUSOFF

No. Matrik: IGA 150030

Nama Ijazah: SARJANA SYARIAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQAB DI SELANGOR:
ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH

Bidang Penyelidikan: FIQH (SAINS KEMASYARAKATAN)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQAB DI SELANGOR: ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH

ABSTRAK

Asnaf *al-riqāb* di Selangor telah ditafsirkan sebagai seseorang yang terbelenggu di bawah suatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Usaha yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor terhadap perluasan tafsiran *al-riqāb* telah dapat mengekalkan pengagihan zakat terhadap asnaf ini pada ketika masyarakat beranggapan bahawa tidak perlu lagi dilakukan pengagihan terhadap mereka kerana golongan hamba telah tiada pada masa kini. Namun begitu, berlaku ketidaksamarataan dalam pengagihan yang dibuat ke atas setiap asnaf dan *al-riqāb* didapati sentiasa menerima jumlah agihan kedua terendah daripada keseluruhan agihan. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi menjelaskan konsep asnaf *al-riqāb* serta menganalisis agihan zakat terhadap asnaf ini di Selangor dari perspektif fiqh. Analisis dari sudut pentafsiran, kaedah, kadar serta manfaat agihan menjadi tumpuan utama kajian. Hasil kajian mendapati bahawa perluasan tafsiran *al-riqāb* yang diamalkan di Selangor adalah suatu pendekatan yang patut dicontohi kerana ia adalah suatu pentafsiran yang berasaskan realiti semasa yang berlaku di Selangor yang mana masalah sosial dan akidahnya sangat mengancam keharmonian masyarakat. Kaedah agihan secara tidak langsung yang diamalkan pula diizinkan syarak dengan mengambilkira keadaan asnaf yang tidak mampu menguruskan agihan dengan cara yang betul sekiranya diberikan secara langsung. Demikian juga agihan ini telah membawa manfaat dalam usaha memulihkan akhlak dan akidah asnaf melalui pembiayaan kepada aktiviti dakwah dan program keagamaan serta terhasilnya Modul Istitābah. Di samping itu kajian turut mencadangkan agar jumlah agihan yang diperuntukkan untuk asnaf ini dapat dinilai semula supaya lebih banyak program dapat dilaksanakan untuk membantu mereka keluar daripada belenggu yang dihadapi.

AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-RIQAB DI SELANGOR: ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH

ABSTRACT

Asnaf al-riqāb in Selangor has been interpreted as a person who is bound under a situation which is very difficult for them to live in a better life. The efforts were taken by the Selangor Fatwa Committee on the expansion of *al-riqāb*'s interpretation was to maintain the distribution of these asnaf at the time when the community assumed that there is no need for distribution to them as the slave has not existed today. However, there is an inequality of the distribution made on each asnaf and *al-riqāb* is always received the lowest second distribution amount of the total distribution. Therefore, this study was carried out to explain the concept of asnaf *al-riqāb* and to analyze the distribution of zakat in Selangor from a fiqh perspective. There will be an analysis from the point of interpretation, method, rate and benefits for the focus of the study. The findings show that the expansion of the *al-riqāb* practiced in Selangor is an approach that should be emulated because it is a current reality-based interpretation of what is happening in Selangor whose social and faith problems are threatening public harmony. This distribution method practiced is also allowed by Islamic law by looking into the condition of these asnaf that were not able to manage well if the distribution is given directly to them. Moreover, this distribution has brought benefits in the effort to restore morality and faith asnaf through funding to da'wah activities and religious programs as well as the development of the Istitābah Modul. In addition, this study suggest that the amount allocated for these asnaf can be re-evaluated so that more programs can be implemented to help them out from the fetter encountered.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur bagi Allah SWT yang telah mengurniakan kehendak dan kekuatan kepada pengkaji sehingga mampu jua menyempurnakan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan seluruh para sahabat baginda yang telah berkorban jiwa dan raga demi Islam.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Luqman Bin Haji Abdullah dan Dr. Muhammad Ikhlas Bin Rosele selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta berkongsi kepakaran mereka di bidang fiqh khususnya zakat bagi menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Semoga Allah SWT membalas budi baik mereka dengan ganjaran yang lebih baik.

Penghargaan yang teristimewa pengkaji hadiahkan kepada ayahanda dan ibunda tercinta, Wan Yusoff Bin Wan Ali dan Rahmah Binti Ahmad yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada diri ini. Ketahuilah bahawa kalianlah jiwaku dan menjadi pembakar semangat dalam meneruskan perjuangan dalam kehidupan. Terima kasih atas segala pengorbanan dan doa yang tidak putus-putus dikirimkan. Tanpa doa kalian berdua mustahil kajian ini dapat disempurnakan. Mudah-mudahan Allah SWT merahmati keduanya sebagaimana mereka menyayangi diri ini sejak dari kecil sehingga kini.

Ucapan terima kasih juga pengkaji tujukan kepada semua individu dan pihak yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada Sāhibul Samāhah Dato[™] Dr.Haji Anhar Bin Haji Opir, Timbalan Mufti Selangor, Dr. Azman Bin Ab. Rahman, Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor, Puan Hafizatul Akmal Binti Abdul Jalil, Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* MAIS, Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak, Eksekutif Syariah (Agihan) LZS, Ustaz Izhar Bin Ismail, Penguasa Pusat

Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ustaz Makhi Bin Adnan, Penguasa Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan, Cik Noor Huda bt Tajudin, Kaunselor Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan serta En.Mahdan Bin Mohamed dan En.Idris Bin Hussin daripada Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi. Pengkaji mendoakan mudah-mudahan Allah SWT merahmati mereka semua.

Akhir sekali, pengkaji juga mendoakan agar kajian ini mampu memberikan sumbangan yang bermakna kepada perkembangan ilmu pengajian Islam.

Sekian, terima kasih.

WAN NORDIANA BINTI WAN YUSOFF

Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

17 Disember 2018

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Panduan Transliterasi	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Kependekan	xiii
Senarai Statut	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop dan Batasan Kajian	10
1.6.1 Skop Kajian	10
1.6.2 Batasan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Kajian Lepas	13
1.9 Metodologi Kajian	26
1.10 Sistematika Penulisan	31

BAB 2: KONSEP ASNAF *AL-RIQĀB* DARI PERSPEKTIF FIQH

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Sejarah Dan Sistem Perhambaan Dalam Islam	35
2.2.1	Sejarah Perhambaan	35
2.2.2	Perhambaan Dalam Islam	37
2.3	Konsep <i>Al-Riqāb</i>	42
2.3.1	<i>Al-Riqāb</i> Pada Bahasa	42
2.3.2	<i>Al-Riqāb</i> Pada Istilah Al-Quran	43
2.3.3	<i>Al-Riqāb</i> Pada Istilah Hadith	48
2.4	Tafsiran <i>al-Riqāb</i> Menurut <i>Mufasssirīn</i>	51
2.5	<i>Al-Riqāb</i> Pada Pandangan Mazhab Empat	57
2.5.1	Mazhab Hanafī	57
2.5.2	Mazhab Mālikī	58
2.5.3	Mazhab Shāfiī	60
2.5.4	Mazhab Hanbalī	62
2.6	Persepakatan dan Perbezaan Pandangan Fuqahā“ Mazhab Empat	63
2.7	Pentafsiran <i>Al-Riqāb</i> Menurut Ulama Semasa	66
2.8	Kesimpulan	70

BAB 3: AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-RIQĀB* DI SELANGOR

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Pentadbiran Zakat di Selangor	73
3.3	Pengurusan Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor	78
3.3.1	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	78
3.3.2	Bahagian Pemulihan <i>Al-Riqāb</i>	79
3.3.3	Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial	82

3.4	Perundangan Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor	84
3.5	Fatwa Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor	86
3.5.1	Pentafsiran <i>Al-Riqāb</i> Di Selangor	86
3.5.2	Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf <i>Al-Riqāb</i> Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial	87
3.5.3	Kriteria <i>Al-Riqāb</i>	87
3.5.4	Konsep Agihan <i>Al-Riqāb</i>	88
3.5.5	Jenis Bantuan	88
3.5.6	Pihak dan Golongan Yang Berhak Menerima Bahagian <i>Al-Riqāb</i>	89
3.5.7	Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya	91
3.6	Kaedah Agihan Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor	92
3.7	Kadar Agihan Zakat <i>Al-Riqāb</i> Di Selangor	100
3.8	Manfaat Agihan Zakat <i>Al-Riqāb</i>	102
3.8.1	Program Dakwah <i>Al-Riqāb</i>	102
3.8.2	Program Pemulihan Akhlak	103
3.8.3	Program Pemulihan Akidah	106
3.8.4	Program Pemulihan Pesakit HIV	109
3.9	Kesimpulan	111

BAB 4: ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-RIQĀB* DI SELANGOR DARI PERSPEKTIF FIQH

4.1	Pendahuluan	112
4.2	Pentafsiran Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor Dari Perspektif Fiqh	113
4.3	Kaedah Agihan Zakat Kepada <i>Al-Riqāb</i> di Selangor Dari Perspektif Fiqh	126
4.4	Kadar Agihan Zakat Kepada <i>Al-Riqāb</i> di Selangor Dari Perspektif Fiqh	135
4.5	Manfaat Agihan Zakat Kepada Asnaf <i>Al-Riqāb</i> di Selangor Dari Perspektif Fiqh	147

4.6	Kesimpulan	150
-----	------------	-----

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Rumusan	151
5.1.1	Konsep <i>Al-Riqāb</i> Di Selangor	151
5.1.2	Selangor Mempelopori Agihan Zakat Kepada <i>Al-Riqāb</i>	152
5.1.3	Kaedah Agihan Yang Diizinkan Syarak	153
5.1.4	Agihan Zakat <i>Al-Riqāb</i> Dalam Membasmi Masalah Sosial dan Akidah	154
5.1.5	Modul <i>Istitābah</i> Merupakan Modul Pertama Di Malaysia Yang Diguna Ke Atas Pesalah Akidah	155
5.1.6	MAIS Menjadi Majlis Agama Islam Negeri Yang Pertama Melaksanakan Usahasama Dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	156
5.2	Cadangan	156
5.3	Penutup	159

BIBLIOGRAFI	160
--------------------	-----

LAMPIRAN	169
-----------------	-----

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا, ء	a, ʿ	ز	Z	ق	Q
ب	B	س	S	ك	K
ت	T	ش	Sh	ل	L
ث	Th	ص	ṣ	م	M
ج	J	ض	ḍ	ن	N
ح	ḥ	ط	ṭ	هـ	H
خ	Kh	ظ	ẓ	و	W
د	D	ع	ʿ	ي	Y
ذ	Dh	غ	Gh	ة	h,t
ر	R	ف	F		

Huruf Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
اَ	a	ا, آ	Ā
اِ	i	ي	Ī
اُ	u	و	Ū

Diftong

Diftong	Transliterasi
اَوْ	Aw
اَي	Ay
اُوْ	Uww
اَيِ	iy, ī

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	<i>Al-Riqāb</i> Pada Pandangan Mazhab Empat	66
Jadual 3.1	Kedudukan LZS di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	76
Jadual 3.2	Struktur Organisasi Lembaga Zakat Selangor (MAIS)	77
Jadual 3.3	Carta Bahagian Pemulihan <i>Al-Riqāb</i>	83
Jadual 3.4	Senarai Jenis Penerima Agihan Asnaf <i>Al-Riqāb</i>	89
Jadual 3.5	Senarai Rumah Pemulihan <i>Al-Riqāb</i> Di Bawah MAIS Dan Rumah Pemulihan <i>Al-Riqāb</i> Di Bawah NGO Yang Berdaftar Dengan MAIS	95
Jadual 3.6	Perincian Agihan Zakat <i>Al-Riqāb</i> (Perbandingan Bagi Tahun 2015 dan 2014)	101
Jadual 3.7	Carta Umum Modul Istitābah MAIS	108
Jadual 4.1	Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Negeri	119
Jadual 4.2	Statistik Tangkapan Kesalahan Khalwat Mengikut Negeri Bagi Tahun 2011 – 2014	121
Jadual 4.3	Bilangan Kes HIV Mengikut Negeri Bagi Tahun 2015-2017	123
Jadual 4.4	Jumlah Agihan Zakat Kepada Asnaf Lapan Di Selangor Sepanjang Tahun 2012-2016	135
Jadual 4.5	Bilangan Pelatih/ Asnaf di Rumah Pemulihan <i>Al-Riqāb</i> Bagi Tahun 2016 dan 2017	137
Jadual 4.6	Statistik Kemasukan Pelatih Perintah Mahkamah Tahun 2011-2015, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS	139
Jadual 4.7	Jumlah Klien Sesi Khidmat Nasihat Setiap Bulan Tahun 2016	139
Jadual 4.8	Program Pembangunan Insan	143

SENARAI KEPENDEKAN

AADK	:	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
ed.	:	Editor
et.al	:	dan rakan-rakan
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
Ibid	:	Ibidem, rujukan bagi tempat yang sama
JAIS	:	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	:	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
MAIDAM	:	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIN	:	Majlis Agama Islam Negeri
MAINS	:	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIM	:	Majlis Agama Islam Melaka
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
MUIP	:	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
PPZ	:	Pusat Pungutan Zakat
r.a.	:	Raḍia Allahu „anhu
SAW	:	Sallāllahu „Alaihi Wasallam
SOP	:	Standard Operating Procedure
SPB	:	Seri Paduka Baginda
SWT	:	Subḥānahu Wa Ta“ālā
t.p	:	Karya Tiada Penerbit
t.t	:	Karya Tiada Tarikh
t.tp	:	Karya Tiada Tempat Terbitan

SENARAI STATUT

Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952.

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (No.9) (Seksyen 53).

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (No.9) (Seksyen 54(1)).

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (No.9) (Seksyen 54(2)).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (pindaan) 2008 (Seksyen 86).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (Seksyen 5(1)).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (Seksyen 7).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (Seksyen 47).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (Seksyen 81(3)).

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989.

Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqāb* (Negeri Selangor) 2013.

Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.

Undang-undang Negeri Selangor 2013.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan mula difardukan ke atas umat Islam pada tahun kedua selepas hijrah Nabi Muhammad S.A.W ke Madinah. Kedudukannya di tempat ketiga ini sering digandingkan oleh Allah SWT dengan perintah mendirikan solat yang mana menggambarkan status hukum dan kepentingan zakat. Perintah solat dan zakat ini telah diterangkan oleh Allah di dalam surah an-Nur ayat 56. Manakala Allah juga telah menjelaskan golongan atau asnaf yang berhak menerima zakat di dalam surah al-Taubat ayat 60. Kepentingan zakat bukan sahaja menyentuh soal ibadah semata-mata tetapi juga menyentuh soal pembelaan umat Islam.

Al-riqāb merupakan salah satu daripada lapan asnaf yang disebut di dalam al-Quran yang layak menerima peruntukan zakat agar keadaan dan nasib mereka terbela. *Al-riqāb* atau lebih sinonim dengan perhambaan telah menjadi persoalan daripada sesetengah pihak, adakah masih ada keperluan untuk mengekalkan asnaf ini di dalam pembahagian zakat memandangkan perhambaan sudah hampir pupus sama sekali. Ini membawa kepada perbahasan dalam kalangan ulama dan natijahnya wujud kepelbagaian fatwa tentang agihan zakat kepada asnaf ini.

Di Malaysia sendiri kedudukan asnaf ini sebagai penerima zakat turut dibincangkan dari aspek perluasan pentafsiran dan juga golongan yang boleh dikategorikan di bawah asnaf ini berdasarkan realiti semasa. Di sesetengah negeri walaupun masih mengiktiraf golongan ini sebagai penerima zakat, namun tiada agihan dibuat untuk mereka kerana beranggapan tafsiran ini sudah tidak sesuai dan membataskannya kepada membebaskan hamba sahaja.

1.2 Latar Belakang Kajian

Zakat ialah derma yang wajib diberikan oleh orang Islam yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada lapan golongan asnaf yang berhak menerimanya. Rukun Islam yang ketiga ini merupakan ibadat *māliyah* iaitu sebagai tanda syukur kepada Allah dan bukti pengabdian seorang hamba kepada penciptanya. Melalui ibadat ini akan melahirkan rasa kemanusiaan dan keadilan, pengikat persaudaraan umat dan bangsa serta sebagai penghubung antara golongan yang kaya dan yang memerlukan. Selain dibincangkan dalam bab ibadah, zakat juga merupakan satu sistem pengurusan dan pentadbiran Islam yang berkaitan ekonomi dan sosial. Ia menjadi instrumen penting dalam membela asnaf dan sebagai dasar pembangunan negara dan ummah.

Objektif zakat yang utama adalah untuk menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf seperti yang diinginkan syarak. Oleh itu institusi zakat memainkan peranan penting dalam menyusun dan membangun kekuatan sosio ekonomi ummah. Ini dapat dibuktikan melalui peranan kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi tersebut. Dalam aspek agihan, al-Quran telah memberikan panduan yang jelas berkaitan lapan golongan yang layak mendapat bahagian zakat.

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي

الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ

حَكِيمٌ ﴿٩٠﴾

Al-Taubah 9:60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan *āmīl-āmīl* yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya,

dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT telah meletakkan *al-riqāb* di dalam senarai penerima agihan zakat pada kedudukan yang kelima. Ia dimulai dengan asnaf fakir, miskin, „āmil, mualaf dan *al-riqāb*. Kedudukan ini secara tidak langsung menunjukkan betapa golongan *al-riqāb* mempunyai kedudukan yang penting untuk dibantu oleh institusi zakat. Allah SWT juga menyebut asnaf *al-riqāb* sebagai hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan menurunkan keizinan agar para hamba ini dimerdekan dengan bantuan zakat sebagai simbol betapa Islam amat meraikan kebebasan manusia daripada diperhambakan atau dibelenggu sesama manusia.

Selain daripada ayat di atas, Allah SWT turut memberi peringatan pembebasan hamba atau golongan *al-riqāb* ini melalui pemberian harta pada surah al-Nūr ayat 33.

وَالَّذِينَ يَبْتِغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا^ط

وَأَتَوْهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي آتَيْنَاكُمْ ... ﴿٣٣﴾

Al-Nūr 24:33

Terjemahan: Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.

Perubahan zaman menyaksikan pengurusan zakat turut berubah. Ia bukan sahaja mengubah corak kutipan zakat malah turut meliputi perkembangan agihan zakat. Timbul persoalan daripada sesetengah pihak, adakah masih ada keperluan untuk mengekalkan asnaf *al-riqāb* dalam pengagihan zakat?¹ Dengan ketiadaan hamba, adakah asnaf *al-riqāb* masih relevan dalam agihan zakat? Tidak kurang juga yang menjadikan asnaf ini bukan lagi dalam prioriti pengagihan zakat. Walaupun demikian, agihan kini bukan lagi bersifat sekadar memberi untuk keperluan semasa, tetapi motifnya untuk membebaskan penerima daripada belunggu keadaan.

Dalam meraikan asnaf *al-riqāb* pada zaman sekarang, walaupun aspek perhambaan secara fizikal sudah tidak ada di negara kita, namun pihak berkuasa melalui kajian institusi fatwa telah melihat masih ada perhambaan lain yang perlu dipertimbangkan. Di Malaysia terdapat fatwa-fatwa khusus berkaitan *al-riqāb*. Oleh yang demikian *al-riqāb* pada masa kini perlu dilihat dari aspek yang berbeza. Keperluan lebih luas di sebalik makna perhambaan yang sebenar perlu diteliti. Natijahnya, belunggu dalam bentuk minda dan jiwa juga adalah satu bentuk perhambaan zaman moden dan ia perlu dibebaskan dengan dana zakat.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam pengurusan zakat, penggunaan kutipan dan agihan zakat menjadi elemen penting bagi memastikan pengagihan yang dibuat itu selaras dengan keperluan asnaf. Ia juga menjadi natijah terakhir dalam menentukan sama ada objektif yang terkandung dalam

¹ Hamizul bin Abdul Hamid, "Siapa Asnaf *Al-Riqāb*", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 2 Januari 2017, [http:// http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120713/ba_04/Siapa-asnaf-riqab](http://http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120713/ba_04/Siapa-asnaf-riqab).

falsafah zakat itu berhasil atau sebaliknya. Pengagihan zakat yang berkesan memberikan gambaran bahawa sesebuah negara sedang berusaha menegakkan keadilan sosial dan merapatkan jurang perbezaan di antara kelompok kaya dengan yang memerlukan. Di antara objektif agihan zakat ialah membangunkan taraf kehidupan golongan asnaf yang merangkumi sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian sekaligus membantu melaksanakan usaha-usaha meninggikan agama Islam. Namun, isu utama yang sering dikaitkan dengan zakat pada masa kini ialah berkenaan dengan kegagalan fungsi zakat itu dalam memainkan peranan bagi mempertahankan dan mempertingkatkan martabat ummah. Di samping itu, kewibawaan pihak berwajib dalam mewujudkan sebuah organisasi yang cekap dan telus juga sering dikaitkan dengan isu zakat di Malaysia.

Bagi menyorot isu berkaitan pengagihan zakat ini, pengkaji telah memilih satu tajuk yang agak relevan bagi mengupas isu-isu pengagihan zakat di negeri Selangor iaitu “Agihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor: Analisis Dari Perspektif Fiqh”. Selangor merupakan negeri yang mempelopori agihan ke atas asnaf ini dan membuat agihan untuk kesemua asnaf. Menyentuh tentang agihan zakat kepada golongan yang memerlukan seperti asnaf *al-riqāb* ini, ianya mampu mengurangkan kadar masalah sosial dan golongan yang dibelenggu dengan amalan-amalan yang tidak selari dengan kehendak agama. Walaupun demikian, jika dilihat kepada laporan-laporan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat ketidaksamarataan dalam pengagihan yang dibuat ke atas setiap asnaf.

Berdasarkan statistik agihan zakat negeri Selangor bagi tahun 2007-2016, didapati corak agihan yang dilaksanakan untuk asnaf *al-riqāb* adalah sama setiap tahun

iaitu agihan untuk asnaf ini adalah yang kedua terendah berbanding keseluruhan asnaf.² Malahan jumlah agihan ini adalah lebih rendah berbanding dengan agihan yang diterima oleh asnaf *ghārimīn* dan *fī sabīlillah* yang mana kedua-duanya merupakan susunan asnaf keenam dan ketujuh, sedangkan *al-riqāb* di susunan yang kelima di dalam ayat *al-ṣadaqāt*. Ini menunjukkan seolah-olah wujudnya satu keadaan yang memerlukan kepada penjelasan bagi menghuraikan kelebihan asnaf *ghārimīn* dan *fī sabīlillah* berbanding *al-riqāb*. Di samping itu, corak agihan zakat di Malaysia juga lebih tertumpu kepada beberapa asnaf tertentu sahaja³ menguatkan lagi keadaan ini. Ia sudah pasti melahirkan rasa tidak puas hati masyarakat Islam di Malaysia terhadap pendekatan agihan yang sedang digunapakai oleh institusi zakat pada masa kini.⁴ Keadaan ini juga mengundang persoalan mengenai kewajaran pelaksanaan tersebut. Atas faktor dan kewajaran yang bagaimanakah peruntukan dana untuk *al-riqāb* sentiasa mendapat bahagian yang kedua terendah berbanding keseluruhan asnaf?

Pengkaji cuba menimbulkan persoalan ini kerana Selangor merupakan salah satu daripada negeri yang dibelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Sebagai contoh, dari sudut masalah sosial, golongan yang terbelenggu dengan dadah dan ingin kembali ke pangkal jalan adalah merupakan antara penerima agihan asnaf *al-riqāb*. Berdasarkan statistik yang diperolehi dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), jumlah penagih dadah di Selangor dari tahun 2010-2015 adalah yang kedua tertinggi selepas Pulau Pinang. Keadaan ini agak membimbangkan memandangkan majoritinya adalah dalam

² Laman sesawang Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), dicapai 31 Mei 2017, <http://www.intranet.jawhar.gov.my>.

³ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Zakat: Analisis Perubahan Corak Agihan Di Negeri Sembilan," dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali et.al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015), 179-185.

⁴ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 10-11 Februari 2009), 11.

kalangan orang Melayu dan generasi muda.⁵ Manakala, bilangan kes HIV secara kumulatif mengikut negeri dari tahun 1986-2009 juga mencatatkan Selangor merupakan negeri yang kedua tertinggi selepas Johor.⁶ Dalam Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/AIDS pada tahun 2012, telah mengesyorkan supaya penghidap HIV layak mendapat manfaat zakat di bawah asnaf *al-riqāb* memandangkan mereka ditafsirkan sebagai golongan yang ditawan penyakit.⁷ Kesemua ini pastinya memerlukan satu jumlah perbelanjaan yang agak tinggi untuk menangani keadaan ini.

Dari sudut masalah akidah pula, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengenalpasti 19 daripada 39 kumpulan ajaran sesat dan menyeleweng masih aktif di Selangor. Daripada 19 kumpulan itu, tiga kumpulan ajaran sesat dikesan mengancam ketenteraman awam dan negara serta boleh menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Berdasarkan rekod, sebanyak 246 tangkapan dibuat pada tahun 2017 berhubung ajaran sesat dan jumlah ini meningkat berbanding tahun sebelumnya.⁸ Selain itu dalam masalah permohonan murtad, berdasarkan statistik permohonan murtad di Malaysia dari tahun 2000 – 2010 didapati bahawa permohonan murtad yang terbesar adalah di Sabah iaitu sebanyak 238 permohonan. Ini diikuti oleh Negeri Sembilan sebanyak 172 dan seterusnya di Selangor sebanyak 99 permohonan.⁹ Atas faktor-faktor sedemikian maka ini adalah antara tempat yang digunakan harta zakat untuk

⁵ Laman sesawang Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dicapai pada 28 Mac 2017, <http://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah>.

⁶ Mehrun Siraj, "Manual Islam Dan HIV/AIDS" laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, dicapai pada 30 Mac 2017, <http://www.islam.gov.my/e-penerbitan/59-buku/646-manual-islam-hiv-aids>.

⁷ Rozianah Risman, "Disyorkan layak terima zakat," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 22 April 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121122/dn_11/Disyorkan-layak-terima-zakat.

⁸ Norrasyidah Arshad, "19 Ajaran Sesat Masih Aktif di Selangor," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 9 November 2017, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/347705/19-ajaran-sesat-masih-aktif-di-selangor>.

⁹ Azlan Zamhari, "Jamil Khir: Permohonan Murtad 135 Orang Diluluskan," laman sesawang *Malaysia Kini*, dicapai pada 31 Mac 2017, <http://www.malaysiakini.com/news/166920>.

memastikan agama Islam terus difahami dengan betul dan tiada sebarang ajaran menyeleweng.

Kajian semasa yang dijalankan oleh Khairani Ishak ada menyebut bahawa golongan banduan boleh dikelaskan kepada asnaf *al-riqāb* serta mencadangkan supaya Lembaga Zakat Selangor (LZS) memberikan bantuan modal zakat kepada banduan di Penjara Wanita Kajang, Selangor melalui program latihan vokasional di penjara dan juga kepada bekas banduan yang berminat menjadi usahawan setelah keluar daripada penjara. Ini berdasarkan persepsi majoriti responden yang merasakan dengan menyertai bidang usahawan akan dapat mengubah mereka menjadi lebih baik dan mendekatkan diri dengan masyarakat. Manakala kesemua responden menyatakan keyakinan dengan keberkatan sumber zakat dapat membantu mengubah mereka menjadi lebih baik. Perubahan sikap banduan ke arah yang lebih positif menjadi matlamat utama pihak penjara agar dapat mengurangkan kadar kemasukan semula banduan tersebut.¹⁰

Sebagaimana yang diketahui, institusi zakat perlu bertanggungjawab untuk memastikan kepatuhan terhadap prinsip syariah. Oleh yang demikian, timbul persoalan, apakah dengan mengurangkan bahagian yang diterima oleh asnaf *al-riqāb* ini mewajarkan kita untuk menjustifikasikan bahawa LZS telah membelakangkan keutamaan fungsi zakat iaitu untuk mengeluarkan umat Islam yang masih terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah atau terdapatnya hujah yang lebih jelas untuk mewajarkan tindakan tersebut. Berdasarkan kes-kes dan statistik yang dinyatakan beserta kajian semasa yang dibuat, memerlukan pihak LZS memperuntukkan dana zakat yang lebih besar untuk *al-riqāb* berbanding dengan kelaziman yang dilakukan sebelum

¹⁰ Khairani Ishak et.al., “Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqāb Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian Di Penjara Wanita Kajang, Selangor,” *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, Vol.7 (2016), 39-49.

ini. Dengan peruntukan yang lebih besar, membolehkan pihak LZS mempelbagaikan bentuk agihan termasuklah pemberian bantuan modal zakat kepada banduan di Penjara Wanita Kajang, Selangor sebagaimana yang dicadangkan dalam kajian semasa. Ia juga bersesuaian dengan kedudukan asnaf ini di tempat kelima daripada lapan asnaf. Ini sekurang-kurangnya memberi peluang kepada golongan *al-riqāb* ini untuk mendapat hak seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang lain dalam usaha untuk memajukan diri mereka ke arah yang lebih baik dan positif.

Berdasarkan permasalahan di atas, telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai bagaimana pengurusan agihan zakat yang berkesan dapat membantu mengeluarkan asnaf *al-riqāb* daripada belenggu masalah sosial dan akidah. Kajian ini juga akan menganalisis adakah pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor yang dilaksanakan oleh LZS dan MAIS bertepatan dengan fiqh sekaligus menjawab persoalan yang timbul di dalam kajian ini. Bagi menghuraikan perkara ini, pengkaji terlebih dahulu akan membentangkan aspek terpenting berkenaan dengan kajian ini iaitu konsep *al-riqāb* itu sendiri. Daripada konsep tersebut, pengkaji akan menganalisis sama ada apa yang diaplikasikan di Selangor dalam aspek pengagihan zakat adalah wajar untuk diistilahkan sebagai bertepatan dengan syarak dan masalah semasa umat Islam ataupun sebaliknya. Selain daripada isu jumlah agihan, pengkaji turut mengenengahkan aspek pentafsiran asnaf dan kaedah agihan ke atas asnaf ini. Kajian ini juga akan mengukur sejauhmana agihan zakat menyumbang kepada usaha-usaha dalam membantu mengeluarkan asnaf dari belenggu sosial dan akidah melalui analisis terhadap manfaat agihan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang akan dikaji ialah:

- i. Apakah konsep asnaf *al-riqāb* dari perspektif fiqh?
- ii. Bagaimanakah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* dalam konteks negeri Selangor?
- iii. Adakah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor berpandukan kepada kaedah yang diterima dari perspektif fiqh?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

- i. Menghuraikan konsep asnaf *al-riqāb* dari perspektif fiqh.
- ii. Mengkaji pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* dalam konteks negeri Selangor.
- iii. Menganalisis pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor dari perspektif fiqh.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

1.6.1 Skop Kajian

Skop kajian ini ialah perbincangan mengenai pentafsiran *al-riqāb* menurut ulama silam dan semasa. Terlebih dahulu pengkaji akan menjelaskan konsep *al-riqāb* dari istilah bahasa, al-Quran dan hadith. Seterusnya diikuti tafsiran *al-riqāb* menurut *mufasssirīn* dan pandangan mazhab empat. Berdasarkan pandangan mazhab empat ini akan dianalisis persepakatan dan perbezaan pandangan mereka disusuli pandangan ulama semasa yang mana menunjukkan perkembangan ijtihad berkaitan tafsiran *al-riqāb*. Selain itu kajian ini juga mengkaji perluasan maksud *al-riqāb* di luar konsep hamba memandangkan ulama semasa berselisih pendapat mengenainya.

Selanjutnya kajian ini membincangkan pengaplikasian konsep *al-riqāb* di negeri Selangor dengan mengumpulkan maklumat berkaitan jenis penerima agihan asnaf *al-riqāb* di Selangor serta program-program yang dijalankan dan bantuan yang diagihkan kepada mereka. Memandangkan penilaian kajian ini menjurus kepada perspektif fiqh maka pengkajian akan dikukuhkan lagi dengan menumpukan perbincangan kepada hukum-hukum dan kaedah fiqh yang berkaitan dengan agihan zakat kepada asnaf ini.

1.6.2 Batasan Kajian

Subjek yang dikaji adalah agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor secara makronya. Antara aspek yang dikaji ialah perluasan tafsiran *al-riqāb* di Selangor bersesuaian dengan keadaan semasa. Kajian ini juga merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan penetapan hukum dalam agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb*. Justifikasi pemilihan negeri Selangor sebagai lokasi kajian adalah kerana ia merupakan negeri yang aktif di Malaysia dalam pengagihan zakat kepada asnaf ini. Bagi tahun 2012-2016, Selangor merupakan negeri yang paling banyak membuat agihan ke atas asnaf *al-riqāb* diikuti dengan Negeri Sembilan, Terengganu dan Melaka.¹¹ Tumpuan utama lokasi kajian adalah Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang mana segala pengurusan berkaitan asnaf *al-riqāb* terletak di bawahnya. Informan temubual pula adalah mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang hukum dan zakat seperti Timbalan Mufti negeri Selangor serta pegawai-pegawai di MAIS dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bagi melicinkan kajian, temubual juga dilakukan ke atas beberapa orang penguasa dan pengurus di Rumah Pemulihan *al-Riqāb* yang terpilih.

¹¹ Laman sesawang Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), dicapai 31 Mei 2017, <http://www.intranet.jawhar.gov.my>.

1.7 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan bagi kajian ini iaitu:

- i. Dapat mengubah persepsi umum yang berpandangan bahawa *al-riqāb* bermaksud hamba semata-mata. Tidak semua negeri di Malaysia membuat agihan kepada semua asnaf terutamanya *al-riqāb*. Maka pendedahan ini akan dapat menjelaskan kepada masyarakat bahawa golongan *al-riqāb* masih lagi wujud dalam konteks hari ini.
- ii. Dapat menjelaskan tentang pentafsiran asnaf *al-riqāb* yang sesuai dengan realiti semasa dan tuntutan syarak. Ini boleh mengelakkan salah faham masyarakat tentang asnaf ini.
- iii. Supaya masyarakat akan peka bahawa golongan ini tidak boleh dibiarkan dan terdapat peruntukan zakat dalam usaha untuk membantu mereka. Ini dapat dilakukan melalui pendedahan jenis penerima agihan asnaf *al-riqāb* yang layak menerima bantuan zakat supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam. Seterusnya dapat diketahui bentuk program-program yang dilaksanakan dan bantuan yang diagihkan kepada asnaf ini.
- iv. Memastikan objektif dan prinsip agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* ini tercapai serta dapat membawa penyelesaian kepada masalah sosial dan akidah. Ini kerana kajian ini menganalisis agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* berlandaskan kaedah fiqh.
- v. Melalui kajian ini juga diharapkan dapat memberi cadangan berkenaan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* agar dapat diaplikasi secara lebih meluas di Malaysia dan mencadangkan kepada Majlis Fatwa Negeri atau Kebangsaan supaya dapat menilai semula tafsiran *al-riqāb* dan perluasan konsep hamba.

Ini memandangkan usaha untuk membantu memulihkan golongan ini menjadi tanggungjawab semua.

1.8 Kajian Lepas

Untuk mengkaji tajuk ini, pengkaji telah membuat sorotan dan perbandingan kajian-kajian lepas terhadap kajian yang dijalankan ini. Pengkaji membahagikan sorotan kajian kepada tiga pengkelasan berikut:

1) Konsep Asnaf *Al-Riqāb* Dari Perspektif Fiqh

Dalam mengamati pentafsiran terhadap asnaf *al-riqāb* dan segala yang berkaitan dengannya, pengkaji memulakan pengkajian melalui pembacaan kitab-kitab yang berkaitan dengan zakat yang dihasilkan oleh para sarjana Arab. Antara penulisan tersebut dalam bidang zakat ialah karya-karya Mazhab Hanafi,¹² Mazhab Maliki,¹³ Mazhab al-Shāfi,¹⁴ dan Mazhab Hanbali.¹⁵ Hasil penulisan ini sangat membantu pengkaji sepanjangan menjalankan kajian ini.

¹² Ibnu ‘Abidīn, *Hāshiah Radd al-Mukhtār*, juzuk ke-2, (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1966), Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami’ Li Ahkām al-Quran*, juzuk ke-8, (Kaherah: Dār al-Kātib al-‘Arabi Lil al-Taba‘at Wa al-Nashr, 1967), Ibnu al-Hummām, *Sharh Fath al-Qadīr*, juzuk ke-2, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), al-Mūshīlī, *al-Ikhtiyār Lita’ līl al-Mukhtār*, juzuk 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), Ala al-Din Abu Bakar bin Mas‘ud al-Kasāni al-Hanafi, *Badā’i al-Sanā’i Fī Tartīb al-Shara’i*, juzuk ke-2, (Beirut: Dār al-Ma‘rifat, 2000) dan al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtadā*, juzuk 1, (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafā al-Bābī al-Halabī, t.t).

¹³ Khalīl bin Ishaq bin Mūsā, *Mukhtasar Khalīl Fī Fiqh al-Imām Mālik* (Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1922), al-Sāwī, *Hāshiyat al-ṣāwī*, juzuk ke- 2 (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1941), al-Sāwī, *Bulghat al-Sālik Li Aqrab al-Masālik*, juzuk 1 (Mesir: Maktabah Matba‘ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1952), Abu Muhammad Abdullah bin ‘Abd al-Hakim, *Sirah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz ‘Ala Ma Rawāhu al-Imam Malik ‘Ibn Anas Wa Ashābuh* (Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malayin, 1967), al-Dasuqī, *Hāshiyat al-Dusūqī ‘ala al-Sharh al-Kabīr*, juzuk ke-2 (Kaherah: Dār Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1980), al-Qirāfī, *Al-Dhakhīrah*, juzuk ke-3 (Beirut: Dār al-Gharb al-Islamiyyah, 1994), al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl Li Sharh Mukhtasar Khalīl*, juzuk ke- 3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995) dan Ibnu Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Muassasah al-Ma‘ārif, 2006).

¹⁴ Al-Nawāwī, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf, *Kitab al-Majmu’: Sharh al-Muhadhdhab Lil al-Shirazi* (Beirut: Dār Ihya al-Turath al-‘Arabi, t.t), al-Ghamrāwī, *Anwār al-Masālik Sharh*

Karya-karya ini telah membahaskan banyak persoalan fiqh zakat selain membincangkan tentang pentafsiran dan penjelasan asnaf. Walaupun fuqahā“ berbeza pendapat dalam memberi tafsiran *al-riqāb*, namun kesemua mereka bersepakat memasukkan *al-riqāb* dalam kategori hamba. Ulama silam banyak menggariskan panduan melalui pendapat mereka yang bernas tentang zakat. Ulama semasa pula telah mengemukakan pendapat yang difikirkan sesuai, selari dengan tuntutan syarak, serasi dengan tuntutan semasa, keperluan negara dan umat Islam. Pengkajian berkaitan tafsiran *al-riqāb* ini turut melibatkan pembacaan terhadap kitab-kitab tafsir¹⁶ dan kitab-kitab hadith.

2) Perluasan Tafsiran *Al-Riqāb*

Para sarjana Arab kontemporari telah meneruskan lagi kesinambungan ini dengan penulisan yang agak kritis tentang persoalan zakat. Yusuf al-Qardāwi melalui karyanya *Fiqh al-Zakāh*¹⁷ dan Wahbah al-Zuhayli dengan karyanya *al-Fiqh al-Islāmī Wa*

‘Umdah al-Sālik (Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1948), Muhammad bin Idris al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, ed. Muhammad Zuhri al-Najjar, juzuk ke-2 (Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyat, 1961), al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj*, juzuk ke-6 (Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1967) dan al-Shīrāzī, *al-Muhadhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, juzuk 1 (Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1976).

¹⁵ Ibnu Qudamah al-Maqḍisi, *al-Mughni Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir* (Dār al-Kitab al-‘Arabi, t.t), al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār Sharh Muntaqa al-Akhbar*, juzuk ke-3 (Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1961), al-Buhūtī, *al-Rawḍu al-Murabba’ Sharh Zād al-Mustaqna’*, juzuk 1 (Riyād: Maktabah al-Riyād al-Hadīthah, 1988), al-Mardawī, *al-Inṣāf Fī Ma’rifat al-Rājih Min al-Khilāf*, juzuk ke-3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), Ibnu Qudamah al-Maqḍisi, *al-Kāfi Fī Fiqh al-Imām Ahmad bin Hanbal*, juzuk 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001) dan Bahāuddin ‘Abd Raḥmān bin Ibrahīm al-Maqḍisī, *al-‘Uddah Sharh al-‘Umdah* (Kaherah: Abū Bakar al-Siddīq, 2005).

¹⁶ Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Beirut: Dār al-Andalus, t.t), al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, juzuk ke-2 (Kaherah: ‘Isa al-Bābī al-Halabī, t.t.), Ibnu al-‘Arabī, *Ahkam al-Quran* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, juzuk ke-16 (Mesir: Tab‘u bī al-Matba‘ah al-Bahiyah al-Miṣriyyah, 1938), Muhammad Rashid Riḍā, *Tafsīr al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsīr al-Manar*, juzuk ke-2 (Kaherah: al-Azhar, 1954), Abu Yahya Muhammad bin Sumadīh al-Tujībī, *Mukhtasar Min Tafsīr al-Imam al-Ṭabarī*, juzuk 1 (Kaherah: Al-Hay‘at al-Misriyyah al-Ammah, 1970), Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, juzuk ke-6 (Beirut: Dār al-Fikr, 1978), Said Hawa, *al-Asās Fī al-Tafsīr*, juzuk 1, cet.3 (Kaherah: Dār al-Salam, 1991), Ibnu ‘Atiyyah, *al-Muharrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001) dan al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī* (Beirut: Dār Ibnu Hazam, 2002).

¹⁷ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt: Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafatihā Fī Daw’ al-Quran Wa al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Irsyād, 1969).

*Adillatuhu*¹⁸ telah banyak mengemukakan pandangan dengan hujah yang bernas sesuai dengan keperluan sistem zakat semasa. Namun begitu penulisan mereka tidak sepenuhnya selari dengan persoalan dan realiti di Malaysia.

Abd al-Karīm Zaydān,¹⁹ Ibnu „Aāsyūr,²⁰ Rashid Riḍa,²¹ Mahmud Shaltut,²² al-Fanjarī,²³ al-Uthaimīn,²⁴ dan „Abdul Razzāq Nawfal²⁵ dalam penulisan mereka telah memperluaskan lagi pentafsiran terhadap *al-riqāb* di luar konsep hamba. Ini merupakan perkembangan baru hasil daripada terbukanya ruang ijtihad. Penulisan ini juga telah memberikan dimensi baru apabila ulama terkemudian turut mengambil pandangan mereka dalam mengeluarkan fatwa berkenaan *al-riqāb* dengan mengambil kira realiti masa kini.

Di Malaysia, terdapat juga perbincangan berkaitan tafsiran dan konsep *al-riqāb* dari perspektif fiqh oleh para ilmuan di negara ini. Bermula dengan konsep perhambaan yang dikaji oleh Abd Wahid²⁶ menerusi kajian tesisnya. Kajian beliau telah menerangkan konsep hamba dengan berbagai istilah dan salah satunya adalah *al-riqāb*. Perbincangan yang agak terperinci ini juga menjelaskan hak-hak hamba abdi, tumpuan *nas* al-Quran dalam membebaskan hamba abdi serta hamba abdi moden. Kajian ini telah

¹⁸ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu: al-Shāmil Lil Adillah al-Syar'iyah Wa al-Ārā' al-Mazhabiyyah Wa Ahamm al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah Wa Tahqiq al-Ahādith al-Nabawiyyat Wa Takhrījihā*, juzuk ke-3, cet. ke-6 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008).

¹⁹ Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim Fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, juzuk 1 (t.tp: Muassasah al-Risālah, 1957).

²⁰ Muhammad Tāhir bin „Aāsyūr, *Tafsir al-Tahrir Wa al-Tanwir*, juzuk ke-10 (Tunisia: Dār al-Tunisiyah Lil al-Nashr, 1984).

²¹ Muhammad Rashid Riḍā, *Tafsir al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsir al-Manar*, juzuk ke-2 (Kaherah: al-Azhar, 1954).

²² Mahmud Shaltut, *al-Islam Aqidah Wa Syariat* (Qaherah: Dār al-Shuruq, 1980).

²³ Muhammad Shawqī al-Fanjarī, *al-Islām Wa al-Damān al-Ijtimā'ī* (Meşir: Al-Haiat al-Miṣriyyah al-„Ammah Lil Kitāb, 1990).

²⁴ Muhammad bin Soleh al-Uthaimīn, *Majmu' Fatāwa Wa Rasā'il Ibn al-Uthaimīn*, juzuk ke-18 (Riyadh: Dār al-Thurayya, 2003).

²⁵ „Abdul Razzāq Nawfal, *Fariḍah al-Zakāh* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.).

²⁶ Abd Wahid, “Hamba Abdi Menurut Al-Quran: Kajian Tafsir Maudu'ī” (tesis kedoktoran, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji terutamanya dari sudut menyempitkan ruang perhambaan dan dasar al-Quran terhadap amalan perhambaan.

Fleksibiliti perluasan tafsiran asnaf *al-riqāb* bagi disesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa seterusnya dikaji oleh Hasanah Abd Khafidz.²⁷ Beliau menyatakan bahawa perubahan nilai semasa dan setempat tidak terkecuali dalam masalah ini. Realiti semasa di Malaysia perlu diambilkira sebagai asas penilaian. Penulisan secara terperinci ini telah menilai semula pentafsiran para fuqahā klasik dan membandingkannya dengan nilai-nilai tempatan. Analisis pentafsiran asnaf lapan dan kesesuaiannya dengan keadaan semasa di Malaysia telah dilakukan dan turut menyentuh tentang asnaf *al-riqāb*. Beliau telah menyatakan pendiriannya bahawa aspek membebaskan tawanan perang dan kejiranan harta sesuai untuk dikekalkan dalam konteks di Malaysia bagi pentafsiran *al-riqāb*. Ini kerana walaupun Malaysia bebas daripada peperangan, tetapi pengekalan aspek ini dapat memberi peluang sekiranya ada tawanan perang untuk dibebaskan. Demikian juga dalam aspek kejiranan harta di mana hukum membawa keluar zakat ke negeri lain diharuskan jika terdapat keperluan yang amat sangat. Walaubagaimanapun, beliau menegaskan bahawa tidak semua nilai semasa dan setempat dapat mempengaruhi pentafsiran asnaf lapan kerana terdapat nilai yang boleh diterima dan terdapat juga nilai yang ditolak kerana tidak selari dengan pemahaman ke atas *nas* syarak serta bertentangan dengan matlamat syarak.

Kajian semasa tentang perluasan tafsiran *al-riqāb* diteruskan lagi oleh Zulkifli Mohamed al-Bakri.²⁸ Di dalam kajiannya, beliau telah menyatakan pendiriannya

²⁷ Hasanah bt Abd Khafidz, "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

²⁸ Zulkifli Mohamed al-Bakri, "*al-Riqāb*: Tafsiran Aplikasi Semasa Dari Sudut Syarak," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 6, No. 2 (2012).

bahawa dalam soal membebaskan tebusan Islam boleh dikategorikan dalam asnaf *al-riqāb* selaras dengan keperluan semasa yang mendesak. Ini juga berdasarkan pandangan Imam Ahmad yang mengharuskannya dengan alasan memuliakan dan meninggikan imej Islam sama keadaannya dengan memberikan zakat kepada golongan muallaf. Beliau juga memberi contoh perhambaan masa kini seperti orang Islam yang terperangkap di dalam aktiviti pelacuran. Di samping itu, wujud juga golongan yang diperhambakan oleh pemberi hutang. Walaupun sudah ada bahagian zakat *al-ghārimīn*, namun penguasaan seorang pemiutang kepada seorang penghutang seolah-olah menjadikannya seperti hamba. Beliau turut menegaskan dalam zaman moden ini, pentafsiran *al-riqāb* perlu dibuka kepada pendapat yang lebih luas.

Selanjutnya kajian terhadap pandangan para *mufassir* berkenaan dengan agihan zakat kepada *al-riqāb* telah dijalankan dengan menganalisis secara kritis pandangan-pandangan para *mufassir* klasik dan kontemporari dalam mentafsirkan istilah *al-riqāb* berdasarkan ayat 60 Surah al-Taubah. Perbincangan ini telah mendapati perbezaan definisi para *mufassir* klasik didasari oleh sistem perhambaan jahiliyyah. Manakala definisi para *mufassir* kontemporari mensasarkan kepada perhambaan dari sudut moden yang melibatkan perhambaan daripada bentuk pemikiran, harta, kebebasan dan kekuasaan. Dapatan kajian mendapati pentafsiran kontemporari banyak digunapakai di institusi zakat di Malaysia berbanding pentafsiran klasik. Walaupun perhambaan hampir tiada menurut pentafsiran klasik, namun pandangan *mufassir* kontemporari meluaskan pengagihan sesuai dengan keadaan semasa. Pentafsiran klasik dan kontemporari akan menjadi panduan untuk mengagihkan zakat *al-riqāb*. Kajian ini turut menekankan asnaf *al-riqāb* memerlukan definisi yang lebih meluas serta perlu dikaji dari pelbagai sudut

agar dapat diperuntukkan kepada orang yang benar-benar berhak kerana melibatkan masalah umum.²⁹

3) Pengagihan Zakat Terhadap Asnaf *Al-Riqāb*

Penelitian terhadap aspek pengagihan zakat sangat membantu pengkaji dalam kajian asnaf *al-riqāb* ini. Penulisan yang dilakukan oleh Abdul Monir Yaacob bertajuk *Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat*³⁰ telah menjelaskan tujuan agihan zakat dari aspek *maqāṣid syarī'ah* iaitu memberi masalah kepada negara dan pihak-pihak yang ditentukan. Dalam hal ini, masyarakat tidak lagi dibelenggu oleh aliran tertentu mazhab tetapi yang menjadi asas pertimbangan ialah masalah tercapai bagi umat Islam dan menolak kemudaratan daripada berlaku. Selain daripada memberikan garis panduan agama dalam pengagihan dana zakat, penulisan ini juga turut membuat tafsiran bagi setiap asnaf termasuk *al-riqāb*. Seterusnya penulisan yang bertajuk *Pengurusan Zakat*³¹ oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid turut mencakupi pentafsiran asnaf selain daripada menjelaskan aspek agihan zakat yang menguatkan sumber rujukan serta membahaskan nilai serta realiti semasa yang boleh diambil sebagai metodologi penentuan hukum Islam agar lebih bersesuaian dengan keadaan semasa.

Perbincangan berkaitan agihan zakat juga diteruskan lagi dengan penulisan yang bertajuk *Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa*³² oleh Hj. Hailani bin Muji Tahir.

²⁹ Nur Anisah Nordin dan Wan Mohd Khairul Firdaus, "Pengagihan Zakat Kepada *al-Riqāb*: Analisis Kritis Terhadap Pandangan Para Mufassir" (Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Menangani Masyarakat Kontemporari 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), 15 -16 September 2018).

³⁰ Abdul Monir Yaacob, "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat," (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam," Dewan Besar IKIM, 8 -9 Februari 2000).

³¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, cet.1 (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

³² Hj. Hailani bin Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.3, No.1 (2009).

Penulisan ini menyentuh tiga perkara pokok iaitu konsep zakat, amalan yang sedang dipraktikkan dan apakah yang sepatutnya berlaku supaya proses agihan zakat lebih adil dari segi tuntutan syarak dan diterima masyarakat. Selain itu turut dikemukakan dalam penulisan ini ialah program-program pembangunan yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor sebagai contoh aspek aplikasi agihan.

Kajian yang bertajuk *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*³³ mendapati bahawa ramai masyarakat Islam tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat memandangkan terdapat banyak lebihan wang zakat yang tidak diagihkan. Selain daripada kaedah agihan yang tidak jelas dan maklumat agihan tidak menyeluruh, mereka juga tidak berpuas hati apabila pengagihan zakat tidak dilakukan secara menyeluruh kepada kesemua asnaf. Keadaan ini disebabkan kemungkinan kesukaran untuk mencari dan menentukan asnaf-asnaf selain daripada fakir, miskin dan *'āmil*. Turut disentuh dalam kajian ini juga perbincangan asnaf *al-riqāb*, di mana hampir kesemua negeri kecuali Negeri Sembilan, peratusan pengagihan kepada asnaf tersebut tidak melebihi satu peratus malah ada di sesetengah negeri yang langsung tiada membuat pengagihan kepada asnaf ini. Kesenambungan daripada kajian ini, penulisan yang bertajuk *Zakat: Analisis Perubahan Corak Agihan Di Negeri Sembilan* mendapati corak agihan zakat di Malaysia juga lebih tertumpu kepada beberapa asnaf tertentu sahaja.³⁴

Kajian semasa tentang agihan *al-riqāb* telah diperincikan apabila terhasilnya kajian yang bertajuk *Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Al-Riqāb Di*

³³ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 10-11 Februari 2009).

³⁴ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Zakat: Analisis Perubahan Corak Agihan Di Negeri Sembilan", dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali et.al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015).

Malaysia.³⁵ Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti definisi sebenar asnaf *al-riqāb* menurut ulama dulu dan kini termasuk fatwa-fatwa yang berkaitan dengannya, menilai kedudukan asnaf ini sebagai penerima zakat di negeri-negeri di Malaysia serta mengenalpasti golongan-golongan lain yang boleh dikategorikan di bawah asnaf *al-riqāb* yang menepati realiti masa kini. Penyelidikan dihadkan kepada tiga buah negeri sahaja yang aktif dalam pengagihan zakat kepada asnaf ini iaitu di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu. Hasil penyelidikan mendapati bahawa sebahagian ulama dan fatwa di Malaysia meluaskan maksud *al-riqāb* berkesinambungan daripada ijthad Muhammad Rashid Ridā dan Mahmud Syaltut. 'Illah *al-riqāb* dikaitkan dengan pembebasan individu daripada belunggu. Namun, pendapat ini berbeza pula kepada tiga iaitu belunggu kejahilan, belunggu masalah sosial dan aqidah serta belunggu semua aspek. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini turut menyenaraikan jenis sumbangan agihan kepada asnaf berdasarkan perluasan takrif *al-riqāb* menurut fatwa semasa negeri.

Penulisan seterusnya yang bertajuk *Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqāb Dan Fī Sabilillah Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor*³⁶ cuba mengengahkan cadangan bantuan modal zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam memulihkan sikap bekas banduan setelah keluar daripada penjara serta bantuan zakat melalui program latihan vokasional di penjara. Kajian ini cuba merungkai dan melihat sejauh mana keberkesanan program latihan vokasional yang dijalankan oleh pihak penjara terhadap perubahan sikap banduan supaya menjadi warga yang lebih berguna dan produktif.

³⁵ Azman Ab Rahman et. al., "Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Al-Riqāb Di Malaysia"(Makalah, Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 11 Disember 2013).

³⁶ Hairunnizam Wahid et.al., "Cadangan Bantuan Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Dan *Fī Sabilillah* Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor" (Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10, Melaka, 18 – 20 September 2015).

Dalam masa yang sama kajian ini berpendapat definisi asnaf *al-riqāb* adalah sesuai untuk banduan yang sedang menjalani proses hukuman untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu moral serta maksiat. Namun selepas banduan ini bebas, pendefinisian asnaf ini mungkin termasuk di bawah kategori *fi sabilillah* iaitu untuk membantu mereka mendapat kehidupan baru setelah selesai menjalani hukuman tersebut. Hasil kajian mendapati wujud perubahan sikap yang positif di dalam diri tahanan setelah mereka menjalani proses pemulihan dan latihan vokasional di penjara.

Kajian berkenaan agihan zakat *al-riqāb* di Malaysia juga telah membawa kepada penulisan selanjutnya iaitu *Agihan Zakat Terhadap Asnaf Al-Riqāb Menurut Pandangan Ulama Dan Amalan Masa Kini*.³⁷ Kajian ini membentangkan perbincangan di kalangan ulama berkaitan agihan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* dengan merumuskan bahawa kadar agihan zakat kepada asnaf ini adalah mengikut budi bicara pemerintah dan pada masa yang sama dapat memenuhi matlamat hamba tersebut. Perbincangan juga adalah berkaitan dengan hakikat *al-riqāb* pada masa kini yang memfokuskan kepada aspek membebaskan tawanan dan membebaskan umat Islam daripada penjajahan. Pengkaji bagi kajian ini bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan penggunaan wang zakat asnaf *al-riqāb* untuk membebaskan tawanan memandangkan Rasulullah SAW menggalakkan pembebasan tawanan perang. Penulisan ini juga berpandangan tiada halangan untuk membebaskan umat Islam yang dijajah menggunakan peruntukan *al-riqāb* berasaskan pandangan Sheikh Mahmūd Syaltūt yang menjelaskan tentang kepentingan membebaskan umat Islam daripada belenggu penjajahan termasuk dengan menggunakan peruntukan *al-riqāb*. Seterusnya, kajian menyentuh tentang asnaf *al-*

³⁷ Mohd Noor Daud dan Halim Ismail, "Agihan Zakat Terhadap Asnaf *Al-Riqāb* Menurut Pandangan Ulama Dan Amalan Masa Kini," (Prosiding International Seminar On Al-Quran In Contemporary Society (SQ 2015), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 10-11 Oktober 2015).

riqāb di Malaysia yang ditafsir berbeza-beza oleh institusi-institusi yang menguruskan agihan zakat. Hasil kajian telah menyimpulkan bahawa agihan zakat terhadap asnaf *al-riqāb* di Malaysia adalah relevan dan perlu dilaksanakan pada masa kini serta diaplikasikan dalam beberapa aspek berdasarkan pentafsiran yang diberi.

Penulisan berikutnya iaitu *Kedudukan Asnaf Al-Riqāb Sebagai Penerima Zakat di Malaysia*³⁸ adalah lebih padat apabila dimulakan dengan aspek sejarah dan sistem penghambaan dalam Islam serta penghambaan moden. Penulisan ini juga dilakukan bagi melihat golongan-golongan lain yang mungkin boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb* dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya khususnya dari segi bantuan dan kaedah pemberian zakat kepada golongan ini sekiranya mereka layak menerima agihan. Walaupun penulisan ini menyatakan keberkesanan agihan yang telah dilakukan dari hukum syarak namun tidak dilakukan secara terperinci.

Selain itu, penulisan yang bertajuk *Kedudukan Asnaf Al-Riqāb Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya Di Negeri Perak*³⁹ telah mencadangkan kaedah agihan dengan menubuhkan sebuah Pusat Pembangunan Asnaf bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan asnaf ini. Kaedah agihan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada konsep *al-takhallus* yang diutarakan oleh Mahmud Syaltut iaitu meliputi konsep membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulihkan asnaf *al-riqāb*. Penulisan ini juga turut menyatakan bahawa inovasi dalam pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* merupakan satu langkah yang bijak dan proaktif dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam sekarang.

³⁸ Azman Ab Rahman et. al., *Kedudukan Asnaf Al-Riqāb Sebagai Penerima Zakat di Malaysia* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2016).

³⁹ Azman Ab Rahman dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, "Kedudukan Asnaf Al-Riqāb Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya Di Negeri Perak," dalam *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*, ed. Razali Md Jani et.al. (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ), 2016).

Perbincangan mengenai asnaf ini juga telah membawa kepada kajian mengenai *Kedudukan Penagih Dadah Sebagai Penerima Zakat Asnaf Al-Riqāb Di Malaysia*.⁴⁰ Kajian ini telah membincangkan mengenai kelayakan golongan penagih dadah untuk diklasifikasikan sebagai asnaf zakat dari pelbagai sudut yang berbeza iaitu sama ada mereka boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb*, asnaf *fi sabīlillah* ataupun tidak tergolong dalam mana-mana asnaf. Namun begitu, hasil kajian lebih cenderung bahawa penagih dadah di negeri-negeri lain boleh dipertimbangkan untuk dikategorikan dalam asnaf *al-riqāb* berdasarkan 'illah terbelenggu dari sudut masalah sosial sepertimana yang dilaksanakan di Selangor.

Kajian berikutnya iaitu *Model Agihan Dana Zakat Al-Riqāb Berteraskan Maqāṣid Al-Syarī'ah: Satu Kajian Awal*⁴¹ melihat dana zakat *al-riqāb* antara dana yang berpotensi untuk dikembangkan bagi tujuan menangani kebejatan sosial di Malaysia. Melalui penggunaan model *Maqāṣid al-Syariah* bagi menangani masalah sosial, hasil kajian menunjukkan bahawa agihan dana *al-riqāb* berteraskan model tersebut mampu mewujudkan sistem pengagihan yang lebih sistematik dan efisien dalam usaha meningkatkan kualiti modal insan di negara ini. Pemanfaatan dana zakat *al-riqāb* secara optimum menerusi skim-skim yang bersesuaian mampu menyumbang ke arah peningkatan kedudukan zakat sebagai medium penting dalam mentransformasikan ummah dalam pelbagai aspek kehidupan.

Seiring dengan kajian ini juga satu kajian mengenai cadangan peruntukan asnaf kepada golongan gelandangan telah dilakukan. Kajian yang bertajuk *Golongan*

⁴⁰ Azman Ab Rahman et. al., *Kedudukan Penagih Dadah Sebagai Penerima Zakat Asnaf Al-Riqāb Di Malaysia* (Kertas Kerja, Universiti Sains Islam Malaysia, 2017).

⁴¹ Khairul Azhar Meerangani, "Model Agihan Dana Zakat *Al-Riqāb* Berteraskan Maqāṣid Al-Syarī'ah: Satu Kajian Awal," dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf Dan Filantropi Islam*, ed. Najahudin Lateh et.al., (Shah Alam:UiTM, 2017).

*Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqāb*⁴² ini memfokuskan terhadap konsep gelandangan dan pentafsiran asnaf yang relevan dengan situasi yang mereka lalui. Hal yang demikian kerana antara permasalahan fiqh yang timbul bagi golongan ini adalah dari sudut penentuan asnaf zakat. Golongan ini dilihat mempunyai beberapa persamaan dengan tafsiran asnaf-asnaf zakat seperti fakir miskin, *ibnu sabil* dan *al-riqāb*.

Analisis kajian adalah lebih cenderung untuk meletakkan mereka dalam tafsiran asnaf *ibnu sabil* dan *al-riqāb* kerana mereka boleh dibantu dalam dua jangka masa, iaitu sementara dan jangka pendek. Bantuan jangka sementara boleh diletakkan di bawah asnaf *ibnu sabil* yang dikaitkan dengan keadaan gelandangan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang stabil untuk menyara kehidupan mereka dan hidup di jalanan. Manakala bantuan jangka pendek diletakkan di bawah asnaf *al-riqāb* yang dikaitkan dengan gelandangan yang dibelenggu pemikiran dan kekangan kewangan. Hasil kajian mendapati kategori asnaf *al-riqāb* dilihat bersesuaian dengan tujuan asal pemberian iaitu untuk mengeluarkan seseorang itu daripada belenggu pemikiran yang mengikat diri mereka. Ini kerana pemulihan pemikiran dan mental individu memerlukan tempoh masa dan perlu dilakukan secara berperingkat. Justeru ia tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sementara berbeza dengan zakat ke atas *ibnu sabil*.

Satu kajian yang dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menunjukkan bahawa belenggu pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan ada

⁴² Muhammad Ammar Harith dan Mohd Anuar Ramli, "Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqāb," dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf Dan Filantropi Islam*, ed. Najahudin Lateh et.al., (Shah Alam:UiTM, 2017).

pada kes-kes yang dirujuk di jabatan ini seperti mangsa keganasan rumahtangga, mangsa penderaan kanak-kanak, jenayah di kalangan kanak-kanak dan pengabaian terhadap warga emas. Kajian yang bertajuk *Pengurusan Agihan Zakat Asnaf Al-Riqāb Berdasarkan Realiti Semasa* ini berjaya menemukan satu penyelesaian kepada kebuntuan yang dihadapi oleh pihak pengurusan zakat dalam mengagihkan zakat kepada asnaf *al-riqāb* iaitu cadangan golongan yang boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb* beserta bentuk bantuan yang sewajarnya untuk mereka.⁴³

Selain daripada kedudukan penagih dadah dan gelandangan yang dibincangkan sebagai penerima zakat asnaf *al-riqāb* di Malaysia, golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) juga turut dikaji dalam penentuan penerima zakat. Kajian terkini adalah bertajuk *Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Al-Riqāb Di Malaysia*.⁴⁴ Perbincangan mengenai kelayakan dan kedudukan OKU sebagai penerima zakat boleh dilihat dalam konteks asnaf *al-riqāb*. Penentuan sama ada mereka berhak menerima zakat bergantung kepada penerimaan pemerintah dalam memperluaskan definisi asnaf *al-riqāb*. Oleh itu kajian ini telah menilai kedudukan OKU sebagai asnaf zakat dan mengenalpasti kriteria-kriteria OKU yang boleh dimasukkan sebagai asnaf *al-riqāb*. Dalam konteks kajian ini, didapati bahawa terdapat OKU yang dibelenggu dengan kekurangan fizikal dan mental yang sesungguhnya menghadapi pelbagai kesukaran dalam menjalani kehidupan seharian. Sekiranya mereka layak menerima zakat berdasarkan 'illah terbelenggu dengan keterbatasan fizikal dan mental, sudah pasti ia akan mengangkat lebih tinggi martabat zakat dan Islam. Justeru, kajian mendapati bahawa OKU layak menerima zakat tetapi mestilah berdasarkan kriteria dan syarat yang

⁴³ Mohd Rilizam bin Rosli et.al, "Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Berdasarkan Realiti Semasa" (e-Proceeding Of The 4th International Conference On Masjid, Zakat And Waqf Management 2017 (IMAF-2017), Bangi, 4-5 Disember 2017).

⁴⁴ Azman Ab Rahman, "Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 12, No.1 (2018).

telah ditetapkan oleh syarak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu ijtihad yang perlu mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu ketetapan hukum ditentukan.

Sepanjang pembacaan dan penelitian pengkaji, pengkaji mendapati perkara berkaitan pentafsiran dan kaedah agihan asnaf *al-riqāb* telah dibincangkan dengan menghusus kepada suatu tempat kajian dan kedudukan penerima agihan. Namun, tiada kajian yang menganalisis agihan zakat ke atas asnaf ini khususnya di negeri Selangor dari perspektif fiqh. Umumnya, kajian-kajian yang ada belum lagi mengupas secara terperinci berkenaan hukum-hukum dan kaedah fiqh terhadap pelaksanaan agihan zakat *al-riqāb* yang sedang dilaksanakan di Selangor.

1.9 Metodologi Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu mengkaji bagaimana agihan zakat dijalankan ke atas asnaf *al-riqāb* di Selangor dan adakah ianya selaras dari sudut fiqh. Kajian ini adalah berbentuk teori dan praktikal. Umumnya, pengkaji telah menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini digunakan untuk mengumpul dan mencari data-data yang diperlukan dalam penyelidikan. Metode pengumpulan data ini menggunakan kaedah penyelidikan teoritikal (kajian perpustakaan) dan kaedah empirikal (kajian lapangan).

a) Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah teoritikal ini, kajian perpustakaan dilakukan bagi tujuan mengumpul maklumat awal mengenai sejarah perhambaan serta pentafsiran *al-riqāb* menurut ulama silam dan semasa. Seterusnya kaedah ini diaplikasikan bagi mengetahui tentang konsep dan agihan zakat khususnya kepada asnaf *al-riqāb*. Penelitian dilakukan terhadap sumber-sumber autoritif dalam Islam seperti al-Quran dan hadīth. Seterusnya buku-buku tentang perhambaan dan asnaf *al-riqāb*, kitab-kitab zakat, artikel ilmiah, disertasi, tesis, jurnal, kertas kerja, akhbar serta maklumat daripada laman sesawang rasmi. Kajian perpustakaan ini merupakan pendekatan paling penting. Ia melibatkan kajian berorientasikan dokumentasi iaitu cara pengambilan data dengan meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Melalui kaedah ini juga, pengkaji mendapatkan data-data kajian lepas, seterusnya menilai kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut serta dapat mengetahui kelompongan yang wujud.

b) Kajian Lapangan

Kaedah penyelidikan empirikal juga akan mengumpulkan data-data primer dan sekunder. Untuk data primer, maklumat akan diperolehi melalui metode temubual.

Metode Temubual

Temubual adalah kaedah secara langsung mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Dalam konteks ini berlaku hubungan dua hala

antara penyelidik dengan responden.⁴⁵ Bagi kajian ini, temubual yang dilakukan adalah secara langsung dengan pihak dan individu yang terlibat dalam pengurusan pengagihan dan pentadbiran zakat serta asnaf *al-riqāb* bagi mendapatkan pemahaman yang jelas berkaitan asnaf ini. Temubual secara langsung ini telah dilakukan ke atas beberapa informan. Antaranya ialah temubual secara khusus bersama Mohd Fariz bin Abdul Razak selaku Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil sebagai Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* MAIS, Haji Anhar bin Haji Opir, Timbalan Mufti Selangor dan Azman Ab. Rahman, Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor. Seterusnya, temubual juga dilakukan ke atas beberapa informan daripada rumah pemulihan *al-riqāb* iaitu Izhar bin Ismail selaku Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Makhi bin Adnan, Penguasa Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan serta Mahdan b. Mohamed dan Idris b. Hussin daripada Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi.

Bagi memastikan proses temubual menjawab persoalan dengan semaksimum mungkin untuk mencapai objektif kajian, maka pengkaji telah menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Dengan menggunakan kaedah ini, soalan yang hendak diajukan telah digubal terlebih dahulu namun urutan soalan, cara soalan diajukan dan bentuk soalan berubah-ubah bergantung kepada reaksi dan tindak balas oleh pihak yang ditemubual.⁴⁶ Dalam erti kata lain, soalan susulan yang spontan semasa menemubual dengan menggunakan protokol temubual separa berstruktur membenarkan pengkaji untuk mengajukan soalan berdasarkan reaksi informan terhadap soalan terdahulu.

⁴⁵ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014),78.

⁴⁶ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: MC Graw Hill Education, 2010), 320.

Temubual dijalankan dengan membuat temujanji terlebih dahulu melalui surat permohonan melakukan kajian dengan dilampirkan bersama soalan-soalan temubual. Kiriman awal soalan temubual dibuat dan setiap soalan ditanya dan dijawab satu persatu. Struktur soalan yang dibuat dengan mengkategorikan setiap soalan kepada isu-isu yang diketengahkan agar memudahkan analisa data transkripsi temubual. Kaedah merekodkan data ialah dengan menggunakan catatan bertulis dan rakaman suara (dengan kebenaran informan).

Soalan temubual distruktur dengan merujuk kepada keperluan kajian iaitu asnaf *al-riqāb* dan hukum fiqh yang berkaitan dengan agihan zakat. Temubual bersama pihak institusi zakat dan fatwa memberikan maklumat mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lanjut seperti keputusan fatwa-fatwa berkaitan zakat *al-riqāb* yang telah diputuskan di peringkat jawatankuasa fatwa negeri.

Secara keseluruhan melalui maklumat daripada hasil temubual, objektif kedua dan ketiga tercapai iaitu mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* dan kaedah pelaksanaannya di Selangor serta membuat analisis dari perspektif fiqh. Di samping itu, melalui temubual juga pengkaji turut mendapatkan bahan-bahan dan risalah-risalah berkaitan pengagihan zakat dan asnaf *al-riqāb* secara langsung yang telah diterbitkan oleh institusi yang terlibat.

1.9.2 Metode Analisis Data

Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, proses penganalisan dan penelitian kajian dilakukan. Untuk menganalisis data yang diperolehi, pendekatan yang digunakan berbentuk induktif, deduktif, komparatif dan deskriptif.

i. Metode Induktif

Metode induktif merupakan suatu proses menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah berfikir dan mencari bukti dari perkara yang lebih khusus kepada perkara yang umum.⁴⁷ Metode ini diaplikasikan dalam kebanyakan penulisan terutama apabila terdapat pelbagai pandangan yang memerlukan satu kesimpulan yang jitu. Data yang biasa digunakan ketika menghuraikan masalah, kerangka teori dan lain-lain data diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan. Dalam pendekatan induktif, pengkaji bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan. Seterusnya berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut. Kaedah yang digunakan ini bagi menjalankan analisis melalui kaedah analisis kandungan iaitu dengan menumpukan kepada pandangan sarjana hukum silam dan kontemporari mengenai isu pentafsiran *al-riqāb*. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis hukum terhadap pandangan fuqahā⁴⁸ tentang kaedah, kadar dan manfaat agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor di dalam bab empat. Di samping itu, metode ini juga banyak diaplikasikan dalam bab lima untuk menganalisis data-data dan seterusnya membuat kesimpulan daripada fakta-fakta lain yang diberikan secara umum.

ii. Metode Deduktif

Metode ini merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian berdasarkan bukti-bukti umum kepada yang khusus.⁴⁸ Metode ini merupakan cara menjelaskan sesuatu persoalan yang timbul dengan lebih terperinci. Pengkaji telah menggunakan metode ini dalam bab empat di mana pengkaji

⁴⁷ Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 66.

⁴⁸ Mohd Azhar Abd. Hamid et.al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah* (Johor:Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 194.

akan menjelaskan prinsip agihan zakat secara umum yang perlu diaplikasikan dalam agihan kepada asnaf *al-riqāb*.

iii. Metode Komparatif

Metode ini bermaksud cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam penyelidikan.⁴⁹ Melalui pendekatan ini, pengkaji telah membandingkan data-data hasil daripada kajian-kajian lepas di dalam bab pertama. Manakala di dalam bab kedua, metode ini digunakan untuk mencari persepakatan dan perbezaan pandangan fuqahā⁵⁰ mazhab empat tentang asnaf *al-riqāb*. Dengan menggunakan metode ini, kaedah perbandingan dilakukan dengan mencari titik persamaan dan perbezaan.

iv. Metode Deskriptif

Metode ini diaplikasikan melalui penggunaan jadual bagi menganalisis data yang diperolehi daripada proses temubual, laporan-laporan tahunan zakat khususnya asnaf *al-riqāb* serta statistik kes-kes masalah sosial yang berlaku di Selangor.

1.10 Sistematika Penulisan

Kajian ini terdiri daripada lima bab. Bermula daripada bab pertama sebagai bahagian pendahuluan yang menjelaskan secara terperinci mengenai latar belakang kajian yang dijalankan. Ia terdiri daripada permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian serta sistematika penulisan.

⁴⁹ Abdul Halim Mat Diah, *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 136.

Bab kedua mengemukakan landasan teori tentang asnaf *al-riqāb* yang menjadi objek utama dalam pengkajian ini. Bab ini menjelaskan berkenaan pengertian *al-riqāb* pada makna bahasa dan istilah di samping mengenalpasti tafsiran *al-riqāb* yang terdapat di dalam al-Quran dan hadīth. Seterusnya, dalam memahami maksud *al-riqāb* ini, pengkajian turut dilakukan terhadap tafsiran *al-riqāb* yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab fiqh yang dikarang oleh Mazhab Hanafī, Malikī, al-Shafī‘ī dan Hanbali. Perkara ini seterusnya akan membawa kepada persepakatan dan perbezaan pandangan fuqahā“ mazhab empat tentang *al-riqāb* ini. Selanjutnya akan diketengahkan pandangan ulama semasa dalam memperluaskan maksud *al-riqāb* bersesuaian dengan keadaan dan masa kini.

Bab ketiga pula menjelaskan perkara berkaitan pengurusan dan agihan zakat *al-riqāb* di Selangor. Perbincangan melibatkan struktur pentadbiran zakat di Selangor khususnya pengurusan asnaf *al-riqāb*, perundangan serta fatwa-fatwa yang berkaitan zakat *al-riqāb* yang ada di Selangor bagi melihat perluasan tafsiran telah berlaku dan digunapakai di Selangor. Seterusnya berdasarkan fatwa-fatwa yang digariskan ini akan dikemukakan bersama beberapa perkara penting yang lain iaitu hukum penggunaan wang zakat *al-riqāb* bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial, kriteria, konsep agihan, jenis bantuan, golongan yang berhak menerima agihan serta hukum agihan dalam bentuk manfaat dan sumber pembiayaan pengurusannya. Bagi memperincikan lagi kajian, turut dibincangkan ialah kaedah dan kadar agihan. Selain itu, perbincangan mengenai manfaat agihan akan membawa kepada pengenalpastian kesan pelaksanaan perluasan tafsiran *al-riqāb* terhadap perkembangan pengagihan zakat di negara ini khususnya di Selangor.

Seterusnya bab keempat merupakan bahagian analisis agihan zakat yang dilaksanakan ke atas asnaf *al-riqāb* dengan menghubungkannya dari perspektif fiqh

agar segala yang dilaksanakan berkaitan dengan agihan ini telah berpandu kepada kaedah yang diterima syarak. Analisis yang dilakukan adalah berdasarkan empat perkara utama iaitu dari sudut pentafsiran, kaedah agihan, kadar agihan dan manfaat agihan. Di akhir bab, satu perbincangan berkaitan agihan zakat dan keperluan perluasan tafsiran terhadap asnaf ini akan dibentangkan sebagai panduan dan manfaat bersama khususnya oleh pihak pengelola zakat.

Terakhir, bab kelima yang merupakan bahagian penutup atau kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan dan ianya terdiri daripada pengenalan, rumusan, cadangan-cadangan serta penutup.

Universiti Malaysia

BAB 2

KONSEP ASNAF *AL-RIQĀB* DARI PERSPEKTIF FIQH

2.1 Pendahuluan

Sistem perhambaan telah melalui perjalanan yang panjang dalam sejarah manusia. Sejarah telah mencatatkan bahawa perhambaan telah menjadi suatu yang diakui dan dilaksanakan di seluruh dunia. Pada masa yang lalu, perhambaan merupakan sistem sosial yang lazim serta menjadi simbol kekayaan. Pada kebiasaannya pihak yang kalah dalam peperangan akan menjadi hamba bagi pihak yang menang. Faktor keturunan, ketidakmampuan membayar hutang dan sebagai satu bentuk hukuman bagi yang melanggar peraturan turut menambahkan lagi perhambaan. Seterusnya sistem perhambaan semakin berkembang apabila sektor perindustrian dan pertanian meningkat.

Di peringkat awal kedatangan Islam sistem perhambaan telah wujud, namun konsep perhambaan menurut Islam adalah jauh lebih baik berbanding dengan konsep perhambaan yang diamalkan oleh beberapa tamadun lain. Ia tertakluk kepada hak-hak dan peraturan yang bertujuan untuk membataskan sistem ini. Oleh yang demikian, di peringkat awal Islam, hamba telah diiktiraf dan mendapat persamaan hak yang adil berbanding dengan sebelum kedatangan Islam sehinggalah ada di antaranya yang dilantik menjadi ketua angkatan perang serta turut menjawat jawatan yang tinggi dan penting dalam pentadbiran negara Islam.

Al-Quran telah menghadirkan perkataan *al-riqāb* dan beberapa perkataan lain yang mempunyai pengertian yang sama adalah bertujuan untuk membincangkan tentang bagaimana cara Islam menangani amalan perhambaan. Penggunaan perkataan ini di dalam al-Quran diperlihatkan menjurus kepada elemen menghormati hak kemanusiaan dan menjadi bukti bahawa Islam memberi perhatian secara serius terhadap pembebasan

hamba. Seterusnya bab ini akan cuba melihat pentafsiran *al-riqāb* dalam era perkembangan mazhab fiqh dan ijtihad ulama semasa.

2.2 Sejarah Dan Sistem Perhambaan Dalam Islam

2.2.1 Sejarah Perhambaan

Perhambaan telah bermula sejak zaman purba dan terus diamalkan dalam zaman *Renaissance*. Dunia purba merangkumi zaman yang bermula dengan revolusi Neolitik dan berakhir pada tahun 476 apabila kejatuhan empayar Rom di barat. Kronologi perhambaan pada masa sejarah purba melibatkan kawasan yang sebahagian besarnya ditemui di sepanjang pinggir laut Mediteranean, termasuk masyarakat dan budaya yang wujud dalam tamadun Mesopotamia, Mesir, Greece dan Rom. Dengan bersandarkan kepada amalan perhambaan dikatakan banyak tamadun pada masa tersebut telah meningkat dari segi kuasa dan kemuliaan.

Berdasarkan catatan sejarah, tahanan daripada peperangan merupakan antara yang terawal dijadikan sebagai hamba. Bukti daripada tamadun Sumeria semasa abad ketiga sebelum masihi serta tamadun Mesopotamia menunjukkan bahawa tentera musuh yang ditawan dalam pertempuran telah dijadikan sebagai hamba dan tenaga kerja atau buruh untuk pembinaan kubu, sistem pengairan, jalan serta tempat ibadat.⁵⁰ Tahanan perang akan dijual sekiranya tiada wang untuk menebus diri. Semasa pertempuran antara Athens dan Parsi pada tahun 468 sebelum masihi, seramai 20 000 orang tahanan diletakkan di pasaran perhambaan. Kanak-kanak terbiar yang telah ditinggalkan oleh ibu bapa mereka yang meninggal dikumpul oleh peniaga untuk dijual sebagai hamba.⁵¹

⁵⁰ Junius P. Rodriguez, *Chronology of World Slavery* (California: ABC-CLIO,1999), 11.

⁵¹ Milton Meltzer, *Slavery: A World History*, vol.1 (United States of America: Da Capo Press, 1993), 63.

Memperhambakan bangsa yang telah dikalahkan dalam peperangan menjadi amalan biasa pada ketika itu. Walaupun melalui fasa zaman pertengahan, orang-orang Arab dan Kristian tetap diperhambakan antara satu sama lain dan dibenarkan atas alasan agama.⁵²

Ekonomi dalam masyarakat purba telah dibina di atas institusi perhambaan dengan keadaan wanita dijadikan sebagai hamba seks. Dalam banyak keadaan, wanita-wanita dahulu daripada setiap kelas berdepan dengan masalah perhambaan. Kesannya hamba-hamba wanita ini mendapati diri mereka berada pada titik yang paling rendah dalam masyarakat. Bagaimanapun, berdasarkan catatan sumber perhambaan di Greek dan Rom, perhambaan dalam kalangan wanita jarang diceritakan secara jelas. Keadaan kehidupan sebenar mereka kekal tersembunyi daripada catatan sejarah.⁵³

Sejarah juga mencatatkan bahawa ekonomi pertanian dibina berasaskan perhambaan. Buktinya berlaku semasa empayar Rom. Pada awal kurun pertengahan sebahagian besar ladang pertanian mula dikerjakan oleh pekerja yang tidak mempunyai tanah dikenali sebagai koloni dan seterusnya oleh hamba yang mana mereka tidak boleh dijual berasingan daripada tanah.⁵⁴ Realiti ekonomi seterusnya membuatkan perhambaan menjadi lebih penting untuk negara-negara selatan yang dijajah oleh Amerika Utara kerana mereka mempunyai tanaman yang memerlukan lebih banyak penggunaan tangan dan buruh yang murah.⁵⁵

Faktor perdagangan hamba dan lanun turut menambahkan bilangan hamba. Edward Gibbon dalam tulisan beliau *Decline and Fall of The Roman Empire* mencatatkan bahawa pada zaman Claudius (41-54 sebelum masihi) jumlah hamba

⁵² James D.Torr e.d, *Slavery: Opposing Viewpoints In World History* (U.S: Greenhaven Press, 2004), 13.

⁵³ Junius P. Rodriguez, *Chronology of World Slavery*, 18.

⁵⁴ *Ibid.*, 41.

⁵⁵ James D. Torr e.d, *Slavery: Opposing Viewpoints In World History*, 14.

adalah sama ramai dengan orang bebas.⁵⁶ Pada awal abad ke tujuh belas, penjajah British di utara Amerika turut bersama dengan Sepanyol dalam mengimport hamba Afrika ke benua Amerika. Perdagangan hamba sebenarnya menjadi lebih menguntungkan di benua Amerika berbanding Eropah kerana sebahagiannya Eropah sudah mempunyai hamba yang ramai. Malah dikatakan di antara tahun 1500 sehingga 1820 setiap pendatang Eropah yang tiba di benua Amerika telah dipadankan dengan sekurang-kurangnya dua orang hamba Afrika.⁵⁷

2.2.2 Perhambaan Dalam Islam

Kebebasan merupakan fitrah bagi kehidupan manusia. Perhambaan pula secara jelasnya tidak wujud melainkan dengan cara yang kuat mengatasi yang lemah serta yang memerintah berkuasa ke atas yang diperintah. Terdapat pelbagai jenis perhambaan pada bangsa dan tamadun terdahulu iaitu perhambaan perseorangan dan perhambaan secara berkumpulan, kelas serta feudal. Kelemahan sistem ekonomi, akidah, leka dalam kemewahan dan maksiat serta perang yang dilancarkan kerana permusuhan sesama manusia menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya perhambaan pada masa tersebut.⁵⁸ Secara umumnya, perhambaan telah menjadi amalan hampir keseluruhan penduduk dunia pada masa yang lalu.

Di awal kedatangan Islam, sistem perhambaan telah diamalkan malah dikatakan sebahagian daripada hamba ini telah memberikan sumbangan yang mempengaruhi dari segi sifat dan unsur-unsur budaya Islam.⁵⁹ Bilal bin Rabah yang merupakan seorang hamba adalah antara orang yang terawal memeluk Islam. Kebanyakan pengkaji secara

⁵⁶ Milton Meltzer, *Slavery: A World History*, 128.

⁵⁷ James D. Torr e.d, *Slavery: Opposing Viewpoints In World History*, 14.

⁵⁸ Ibrahim Hashim Fallali, *Lā Riqq Fī al-Quran* (Qaherah: Dār al-Qalam, t.t), 15.

⁵⁹ Samuel Sheridan Haas, "The Contributions Of Slaves To And Their Influence Upon The Culture Of Early Islam" (Dissertation, Faculty of Princeton University, 1942), 8.

terbuka menyatakan bahawa Islam mengharuskan perhambaan. Tanggapan ini seolah-olah seperti telah menafikan kebebasan manusia. Namun pendekatan Islam sebenarnya adalah lebih kepada galakan untuk membebaskan hamba. Islam muncul pada masa di mana sistem perhambaan menjadi tunjang kepada ekonomi dan sosial masyarakat terdahulu. Dengan mengambil kira faktor ini maka Islam mengambil masa secara berperingkat untuk menyempitkan ruang perhambaan. Islam hanya mengharuskan perhambaan kerana ianya dilihat sebagai keperluan ekonomi dan sosial pada ketika itu.⁶⁰ Bagaimanapun pengharusan ini hendaklah dilakukan dengan cara yang baik ke atas hamba.

Seterusnya jalan-jalan mengarah kepada pembebasan hamba semakin diperluaskan apabila Islam telah menghapuskan semua sumber perhambaan yang wujud pada ketika itu kecuali perhambaan melalui punca peperangan.⁶¹ Bagaimanapun ia bukanlah keharusan yang mutlak malah merupakan keperluan sementara sahaja kerana suasana pada waktu itu memerlukan tradisi tersebut diteruskan. Tawanan perang yang berlaku melalui peperangan di antara pihak Islam sesama Islam yang bermusuhan tidak diizinkan untuk dijadikan sebagai hamba, sebaliknya tawanan perlu disedarkan dan dilayan dengan baik. Hanya peperangan di antara pihak Islam dan bukan Islam sahaja diharuskan untuk dijadikan sebagai hamba dengan syarat-syarat tertentu.⁶²

Pengharusan tawanan perang ini juga berdasarkan tiga keadaan sepertimana yang disebut di dalam al-Quran iaitu untuk mempertahankan orang Islam yang diserang,⁶³ menghapuskan kemungkaran dan tipu daya dari pihak musuh yang telah

⁶⁰ „Ali „Abd al-Wahid Wafi, *Huquq al-Insān Fī al-Islam*, cet. ke-5 (Mesir: Dār al-Nahda, 1979), 200-201.

⁶¹ Abdullah Nasih Ulwan, *Nizām al-Riqq Fī al-Islām*, cet. ke-2 (Jordan: Dār al-Islam, 1984), 11.

⁶² „Ali „Abd al-Wahid Wafi, *Huquq al-Insān Fī al-Islam*, 204.

⁶³ Surah al-Baqarah ayat 190.

membatalkan perjanjian di antara pihak Islam⁶⁴ serta menghancurkan kekuatan pemberontak yang mengakibatkan fitnah bagi kaum muslimin.⁶⁵ Walaupun perhambaan daripada tawanan perang diharuskan, namun Islam sangat menganjurkan agar tawanan tersebut tidak dijadikan sebagai hamba. Tawanan tersebut boleh dibebaskan sahaja dengan meminta tebusan atau tanpa tebusan.⁶⁶

Pendekatan yang diambil oleh Islam untuk menyempitkan ruang perhambaan adalah secara bertahap bermula dengan cara memberi kesedaran kepada tuan milik hamba supaya berusaha memberikan kesempatan kepada hambanya untuk memperoleh kemerdekaan. Walaupun pendekatan ini merupakan sesuatu yang berat untuk dilakukan kerana ia telah menjadi satu adat kebiasaan yang sudah berakar umbi dalam masyarakat pada ketika itu, namun prinsip persamaan hak sesama manusia lebih mengatasi permasalahan ini.

Islam juga memberi peluang kepada pembebasan hamba melalui *kaffārah*. Di dalam Islam terdapat beberapa jenis pelanggaran yang dikenakan *kaffārah* atau denda sebagai menebus sesuatu kesalahan di mana salah satu dendanya adalah dengan memerdekakan hamba. Beberapa kesalahan seperti pembunuhan yang dilakukan dengan tidak sengaja, membunuh orang kafir yang sedang dalam perjanjian damai dengan orang Islam,⁶⁷ pelanggaran terhadap sumpah,⁶⁸ seseorang yang menziharkan isterinya kemudian bertaubat⁶⁹ dan seseorang yang terbatal puasanya di bulan Ramadan kerana

⁶⁴ Surah al-Taubah ayat 12.

⁶⁵ Surah al-Baqarah ayat 93 dan Surah al-Anfāl ayat 39.

⁶⁶ Surah Muhammad ayat 4.

⁶⁷ Surah al-Nisā ayat 92.

⁶⁸ Surah al-Māidah ayat 89.

⁶⁹ Surah al-Mujādalah ayat 3.

bersetubuh dengan sengaja⁷⁰ maka antara *kaffārah*nya adalah dengan membebaskan hamba.

Membebaskan hamba juga dapat dilakukan dengan *al-mukātabah*. Ia bermaksud membebaskan hamba yang menuntut kebebasan melalui pembayaran sejumlah wang milik hamba yang dipersetujui oleh pihak tuan dan hamba sama ada secara ansuran atau tunai. Pintu ini dibuka kepada hamba pada bila-bila masa. Para pemilik tidak boleh menolak permintaan ini seperti yang dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَبْتِغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا^ط

وَأَتُوهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي آتَيْنَاكُمْ ... ﴿٣٣﴾

Al-Nūr 24: 33

Terjemahan: Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat baik pada diri mereka (yang melayakkan berbuat demikian), dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.

Demikian juga dalil yang menggalakkan umat Islam membantu hamba *mukātab*, sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: ⁷¹

⁷⁰ Dalam perkara ini terdapat hadith Rasulullah S.A.W daripada Abu Hurairah R.A yang bermaksud : Telah mengadu seorang lelaki kepada Rasulullah dengan berkata: Aku telah memusnahkan diriku wahai Rasulullah. Baginda bertanya: Apa yang menyebabkan kamu musnah? Lelaki itu menjawab: Aku telah melakukan perhubungan dengan isteriku pada siang hari di bulan Ramadan. Baginda bertanya kepada lelaki itu: Adakah engkau memiliki hamba untuk dibebaskan? (Hadith Riwayat Bukhāri:2600 dan Muslim:1111). Hadith ini apabila diistinbatkan (dikeluarkan hukum dengannya) baginda Rasulullah S.A.W adalah *musyarri*” seperti firman Allah Taala yang bermaksud: Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. (al-Hasyr:7)

ثَلَاثَةٌ كُلُّهُمْ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ عَوْنُهُ، الْعَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَالْمُكَاتَبُ الَّذِي يُرِيدُ الْأَدَاءَ،
وَالنَّائِحُ الَّذِي يُرِيدُ التَّعْفُفَ.

Terjemahan: Tiga golongan di mana Allah berhak memberi pertolongan kepadanya: Orang yang berjihad pada jalan Allah, hamba *mukātab* yang ingin merdeka dan orang yang ingin berkahwin kerana menjaga maruah kehormatannya.⁷²

Islam juga menggalakkan pembebasan hamba adalah sebagai asas kejayaan di akhirat, bersesuaian dengan sabda baginda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu „Abbas:

أَيُّمَا مُؤْمِنٍ أَعْتَقَ مُؤْمِنًا أَعْتَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهُ عَضْوًا مِنْهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Sesiapa yang memerdekakan seorang hamba mukmin, maka Allah akan membebaskan setiap anggota tubuhnya dari api neraka sebagaimana setiap anggota hamba tadi dibebaskan dari belunggu pengabdian.⁷³

Di samping itu al-Quran turut menjelaskan cara membebaskan hamba adalah dengan menggolongkan mereka ke dalam kelompok orang yang berhak menerima zakat (asnaf lapan) yang ditetapkan oleh Allah kepada orang yang wajib membayarkannya. Ia adalah pintu yang luas untuk pembebasan hamba. Justeru, di dalam sesebuah negara Islam disediakan dana khusus hasil dari pungutan zakat untuk memerdekakan para hamba.⁷⁴

⁷¹ Al-Hafiz „Imad al-Dīn Abī al-Fidā“ Ismā‘īl bin Kathīr al-Qursyī al-Damasyqī, *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, jld ke-2 (Muassasah al-Riyan, t.t), 480.

⁷² Hadith Riwayat Ibn Mājah, Kitab Sunan Ibnu Mājah, Bab al-Mukātab, no.Hadith 2518.

⁷³ Hadith Riwayat Muslim, Kitab al-Mu‘jam al-Kabīr, no. Hadith 10640.

⁷⁴ „Ali „Abd al-Wahid Wafī, *Huquq al-Insān Fī al-Islām*, 208.

Diriwayatkan Zaid bin Harithah asalnya seorang hamba dan budak belian. Kemudian Rasulullah SAW bersama dengan isterinya Siti Khadijah telah membebaskan Zaid dan telah menjadikannya sebagai anak angkat baginda. Baginda juga telah menjadi contoh utama apabila memerdekakan seramai 63 orang hamba manakala Aisyah r.a turut memerdekakan seramai 67 orang diikuti dengan „Abbas seramai 70 orang. Begitu juga dengan para sahabat baginda seperti Abdullah bin „Umar yang memerdekakan seramai 1000 orang manakala „Abd al-Rahmān pula telah membeli 3000 orang hamba lalu membebaskan dan memerdekakan mereka.⁷⁵

2.3 Konsep *Al-Riqāb*

2.3.1 *Al-Riqāb* Pada Bahasa

Kalimah *al-riqāb* (الرقاب) merupakan kata jamak kepada kalimah *al-raqabah* (الرقبة).

Secara lebih jelas, kalimah *raqaba* (رَقَب) merujuk kepada nama Allah iaitu *al-raqīb* (

الرقيب) yang bermaksud menjaga dengan tidak terlepas bagiNya sesuatu. Demikian juga

kalimah *yarqubu* dan *raqabah* (يرقب رقبة) di dalam bahasa Arab membawa maksud

menjaga.⁷⁶ Selanjutnya kalimah *riqāb* (رقاب) bermaksud tengkuk, hamba atau budak.

Menurut al-Rāghib al-Asfahanī, *al-riqāb* pada makna bahasa adalah nama bagi

⁷⁵ Abu A'la al-Maududi, *Human Right In Islam* (Leicester: The Islamic Foundation, 1993), 20.

⁷⁶ Ibnu Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al'Arabī, 1988), 5:279, Ibnu al-Athīr, *al-Nihāyah Fī Gharīb al-Hadīth Wa Āthar* (Kaherah: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1963), 2:248 dan Ahmad bin Fāris bin Zakariyyā, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, ed. Abd al-Sallām Muhammad Hārūn (Beirut: Dār al-Fikr, 1970), 2: 427.

pemilikan. Menurutnya, pemilikan yang dimaksudkan adalah hamba-hamba *mukātab* dan mereka berhak ke atas zakat.⁷⁷

Kalimah *al-riqāb* ini turut ditakrifkan oleh ahli bahasa yang lain sebagai leher yang merujuk kepada semua manusia. Ini kerana kalimah ini menggambarkan sebagai sebahagian daripada kehormatan dan kepentingan bagi manusia. Selain itu ia juga merupakan satu panggilan untuk mengenali nama pemilikan atau hamba.⁷⁸

Penggunaan kalimah-kalimah ini dalam konteks memberikan kemerdekaan kepada hamba adalah selari dengan maksud asal dari kalimah tersebut iaitu tengkuk. Secara lebih jelas, ia diertikan sebagai manusia yang terbelenggu lehernya dengan tali dan memberi gambaran mengenai keadaan manusia yang dijadikan hamba sebelum kedatangan Islam. Keadaan mereka seperti tengkuknya sengaja diikat dan dikendalikan oleh tuannya mengikut kehendaknya. Dengan demikian kalimah *raqabah* dihadirkan di dalam al-Quran adalah untuk menjelaskan tentang bagaimana cara Islam menangani amalan perhambaan.

2.3.2 *Al-Riqāb* Pada Istilah Al-Quran

Di dalam al-Quran, kalimah *raqabah* (رقبة) disebutkan sebanyak enam kali serta terdapat pada empat tempat iaitu daripada surah al-Nisā ayat 92, surah al-Māidah ayat 89, surah al-Mujādalah ayat 3 dan surah al-Balad ayat 13. Istilah-istilah yang digunakan ini membawa kepada pengertian hamba iaitu untuk menjelaskan tentang permasalahan pembebasan hamba.

⁷⁷ Al-Rāghib al-Asfahanī, *al-Mufradāt Fī Gharīb al-Qurān* (Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1961), 1: 201.

⁷⁸ Ibrahim Mustafa, *al-Mu'jam al-Wasīf* (Maktabah al-Sahwah, t.t), 376-377.

1) *Raqabah* Dengan Maksud Pembebasan Hamba Sebagai *Kaffārah*

Kaffārah atau denda merupakan cara yang paling penting dalam memerdekakan hamba.

Oleh yang demikian di dalam beberapa ayat al-Quran istilah *raqabah* dengan maksud hamba dihadirkan bersama dengan teguran beberapa kesilapan melanggar syariat Islam.

Di antaranya Allah berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ
رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا فَإِنْ كَانَتْ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ
لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنَ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ
مِيثَاقٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ

Al-Nisā 4: 92

Terjemahan: Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar *kaffārah*) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar *kaffārah* sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman.

Di dalam ayat ini, kalimah *raqabah* disebut sebanyak tiga kali dengan merujuk kepada maksud hamba serta digunakan sebagai penjelasan *kaffārah* yang dikenakan akibat pelanggaran hukum syariat. Pelanggaran hukum syariat di dalam ayat ini adalah

berbentuk pembunuhan dengan tidak sengaja seorang yang beriman atau orang kafir yang dalam perjanjian damai.

Seterusnya kalimah *raqabah* juga dihadirkan di dalam ayat yang memerintahkan pembebasan hamba sebagai *kaffārah* kepada sumpah yang sengaja diucapkan. Perintah ini adalah sebagaimana ayat berikut:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ^ط
فَكَفَّرْتُمُوهُ إِطْعَامَ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ
تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ^ط

Al-Māidah 5: 89

Terjemahan: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba.

Demikian juga kalimah *raqabah* didapati di dalam ayat yang menjelaskan *kaffārah* pembebasan hamba bagi seseorang yang menziharkan isterinya kemudian bertaubat. Dalam hal ini Allah berfirman:

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ
أَنْ يَتَمَاسَّ^ج

Al-Mujādalah 58: 3

Terjemahan: Dan orang-orang yang "ziharkan" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur.

2) *Raqabah* Dengan Maksud Pembebasan Hamba Untuk Keredaan Allah

Selain daripada penegasan untuk *kaffārah*, kalimah *raqabah* juga dihadirkan dalam membicarakan anjuran pembebasan hamba untuk kemaslahatan umum. Melepaskan seseorang daripada perhambaan merupakan amalan ikhlas untuk mendapatkan ganjaran pahala dan keredaan Allah. Ini jelas dari firman Allah:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُ رَقَبَةً ﴿١٣﴾

Al-Balad 90:12-13

Terjemahan: Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu. Iaitu melepaskan hamba abdi dari perhambaan.

Manakala kalimah *riqāb* (رِقَاب) pula disebutkan sebanyak tiga kali iaitu pada surah al-Baqarah ayat 177, surah Muhammad ayat 4 dan surah al-Taubah ayat 60.

1) *Al-Riqāb* Dengan Maksud Galakan Pembebasan Hamba

Kalimah *al-riqāb* dihadirkan dalam ayat ini bertujuan memberikan motivasi bahawa membebaskan hamba adalah satu perbuatan yang terpuji yang kedudukannya termasuk dalam senarai amalan kebajikan antaranya beriman kepada Allah dan hari akhirat, sedekah, menyantuni anak yatim dan fakir miskin serta jihad.

﴿لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ
 وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي
 الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ

Al-Baqarah 2: 177

Terjemahan: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermnya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi.

Dalam ayat ini, kalimah *al-riqāb* difahami bahawa Allah menganjurkan agar tawanan perang tidak dijadikan sebagai hamba, bahkan tawanan tersebut boleh dibebaskan sahaja sama ada dengan meminta tebusan atau tanpa tebusan. Ia juga sebagai satu cara menyempitkan peluang munculnya hamba.

فَإِذَا لَقِيتُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَرْبَ الرِّقَابِ حَتَّىٰ إِذَا أَخْنَتُمْهُمْ فَشُدُّوا الْوَتَاقَ فَإِمَّا
 مَنًّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّىٰ تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا

Muhammad 47: 4

Terjemahan: Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir (di medan perang), maka pancunglah leher mereka. Apabila kamu telah mengalahkan mereka, maka tawanlah mereka dan setelah itu kamu boleh membebaskan mereka atau menerima tebusan sampai perang berhenti.

2) *Al-Riqāb* Dengan Maksud Pembebasan Hamba Melalui Tanggungan Negara

Al-Quran telah menyebut hal ini dengan sebutan *wa fī al-riqāb* yang dikhususkan untuk memerdekakan para hamba di negara Islam. Istilah *al-riqāb* digolongkan sebagai salah satu asnaf zakat. Firman Allah:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي

الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۗ

Al-Taubah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan *‘āmil-‘āmil* yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.

2.3.3 *Al-Riqāb* Pada Istilah Hadith

Maksud *al-riqāb* pada istilah hadith dapat difahami melalui pemerhatian terhadap penggunaan lafaz (الرقبة) yang terdapat di dalam hadith-hadith berikut:

- 1) Hadith Nabi SAW yang menerangkan kelebihan memerdekakan hamba.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Daraqutni daripada al-Barra“ bin „Azib bahawa Nabi SAW bersabda mengenai keharusan membebaskan hamba dan membantu hamba *mukātab*:⁷⁹

⁷⁹ Wahbah al-Zuhayli, *al-Tafsir al-Munir Fī al-Aqidah Wa al-Syariat Wa al-Minhaj* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, 1991), 9:271.

عن البراء بن عازبٍ قَالَ: جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ - ﷺ - فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلِّمْنِي عَمَلًا يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ. فَقَالَ: أَعْتَقِ النَّسَمَةَ، وَفُكِّ الرِّقَبَةَ". قَالَ: أَلَيْسَتْ وَاحِدَةً؟ قَالَ: "لا، عِنْتُ النَّسَمَةِ أَنْ تُفْرَدَ بِعِتْقِهَا، وَفُكُّ الرِّقَبَةِ أَنْ تُعْطِيَ فِي ثَمَنِهَا.

Terjemahan: Dari al-Barra‘ bin „Azib berkata, telah datang seorang lelaki arab menghadap Nabi S.A.W sambil mengajukan pertanyaan: Tunjukkan kepada saya suatu kerja yang membolehkan saya masuk ke syurga. Nabi menjawab: Merdekakan *nismah* dan merdekakan *raqabah*. Lelaki itu berkata lagi: Bukankah keduanya sama? Nabi menjawab: Tidak. *Nismah* ialah memerdekakan hamba secara langsung melalui tuannya, manakala *raqabah* ialah seorang hamba memerdekakan dirinya dengan membayar tebusan harga dirinya sendiri dengan bayaran secara beransur-ansur.⁸⁰

Rasulullah S.A.W juga mengalu-alukan bagi sesiapa yang ingin memberikan kemerdekaan kepada hamba, sama ada pembebasan tersebut dilakukan oleh orang Islam sendiri mahupun oleh orang yang bukan Islam. Namun begitu, ia tidak bererti orang yang bukan Islam tersebut memperolehi pahala sebagaimana layaknya amalan itu dilakukan oleh orang Islam. Walaubagaimanapun, sekiranya orang yang bukan Islam melakukannya, amalan tersebut diakui oleh Rasulullah sebagai perbuatan yang baik. Hal ini diakui berdasarkan hadith berikut:

أَنَّ حَكِيمَ بْنَ حَزَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَعْتَقَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ مِائَةَ رَقَبَةٍ، وَحَمَلَ عَلَى مِائَةِ بَعِيرٍ، فَلَمَّا أَسْلَمَ حَمَلَ عَلَى مِائَةِ بَعِيرٍ، وَأَعْتَقَ مِائَةَ رَقَبَةٍ، قَالَ: فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ أَشْيَاءَ كُنْتُ أَصْنَعُهَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ كُنْتُ أَتَحَنَّنُ

⁸⁰ Hadith Riwayat Ahmad, Kitab Mawārid Ila Zawāid Ibnu Hibban, Bab al-„It‘q, no. Hadith 299.

بِهَا - يَعْنِي أَتَبَرَّرُ بِهَا -؟ قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَسَأَلْتِ عَلَيَّ

مَا سَأَلَ لَكَ مِنْ خَيْرٍ»

Terjemahan: Sesungguhnya Hakim bin Hizam pada zaman jahiliyyah telah membebaskan seratus hamba dan membawa tebusannya dengan seratus unta. Setelah dia masuk Islam dia membawa seratus unta untuk membebaskan seratus hamba. Dia berkata; aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W, aku katakan: “Wahai Rasulullah, bagaimana pendapat anda tentang sesuatu perbuatan yang aku pernah mengerjakannya di zaman jahiliyyah, aku pernah mengasingkan diri untuk mencari kebaikan.” Dia berkata; Maka Rasulullah bersabda: “Kalau kamu Islam, kamu akan mendapat dari kebaikan yang kamu lakukan dahulu.”⁸¹

2) Hadith Nabi SAW yang menerangkan pembebasan hamba sebagai *kaffārah*.

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim bahawa Abu Hurairah R.A berkata:

قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: هَلَكْتُ، فَقَالَ: وَمَا

ذَاكَ؟، قَالَ: وَقَعْتُ بِأَهْلِي فِي رَمَضَانَ، قَالَ: بَجِدُ رَقَبَةً.

Terjemahan: Seseorang datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, “Wahai Rasulullah, celakalah saya!” Baginda bertanya, “Ada apa denganmu?” Dia berkata, “Aku berhubungan dengan isteriku, padahal aku sedang berpuasa di bulan Ramadan.” Maka Rasulullah SAW berkata, “Apakah kamu mempunyai hamba untuk dimerdekakan?”⁸²

⁸¹ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb al-Jāmi‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umūr Rasulullah SAW Wa Sunanuhu Wa Ayyāmuhu, no.Hadith 2538.

⁸² Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb al-Jāmi‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umūr Rasulullah SAW Wa Sunanuhu Wa Ayyāmuhu, Bab Man A‘āna al-Mu‘asar Fī al-Kaffārah, no.Hadith 6710.

Di samping itu maksud *al-riqāb* pada istilah hadits dapat difahami melalui pemerhatian terhadap penggunaan lafaz (الرقاب) itu sendiri sebagaimana berikut:

- 1) Hadith Nabi SAW yang menerangkan pembebasan hamba yang paling utama.

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari bahawa Nabi SAW bersabda mengenai pembebasan hamba manakah yang paling utama.

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ، ثنا سُفْيَانُ قَالَ: ثنا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ قَالَ: أَحْبَبَنِي أَبِي، عَنْ أَبِي مُرَاوِحِ الْعِفْرَارِيِّ، عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «إِيمَانُ بِاللَّهِ وَجِهَادٌ فِي سَبِيلِهِ». قَالَ: قُلْتُ: فَأَيُّ الرِّقَابِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «أَعْلَاهَا أَثْمَانًا وَأَنْفُسُهَا عِنْدَ أَهْلِهَا»

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami „Ubaidullah bin Mūsa dari Hisyam bin „Urwah dari bapanya dari Abu Murāwih dari Abu Dzar R.A berkata: Aku bertanya kepada Nabi S.A.W, apakah amalan yang paling utama? Baginda menjawab: „Beriman kepada Allah dan jihad di jalanNya. Kemudian aku bertanya lagi: “Pembebasan hamba manakah yang paling utama?”. Baginda menjawab: “Yang paling tinggi harganya dan yang paling berharga hati tuannya.”⁸³

2.4 Tafsiran *Al-Riqāb* Menurut *Mufasssirīn*

Asnaf *al-riqāb* yang disebutkan di dalam al-Quran telah ditafsirkan oleh para *mufasssirīn* dengan beberapa pengertian. Pengertian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

⁸³ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitab Musnad al-Humaidi, Bab Ahādith Abī Zar al-Ghifārī r.a, no. Hadith 131.

1) *Al-Riqāb* bermaksud Hamba *Mukātab*

Tafsiran ini telah diberikan oleh al-Rāzī, al-Tabarī, al-Nasafī dan al-Baghawī. Dalam perkara ini al-Rāzī telah menyatakan pandangan „Ali bin Abī Talīb , Sa‘id bin Jubayr, al-Zuhri, al-Laith bin Sa‘d, al-Thauri, serta ulama Hanafiyyah dan Shāfi‘iyyah yang berpegang dengan apa yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas yang menyatakan maksud firman Allah “*Dan dalam memerdekakan hamba belian*” (*و في الرقاب*) di dalam Surah al-Taubah membawa kepada pengertian *mukātab*. Kemudian ia diperkuatkan lagi dengan firman Allah daripada Surah al-Nur ayat 33.⁸⁴

وَأَتُوهُمْ مِّن مَّالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ

Al-Nur 24: 33

Terjemahan: Dan berikanlah kepada mereka sebahagian dari harta Allah yang dikurniakanNya kepadamu.

Termasuk dalam pandangan sebegini juga ialah Hassan al-Baṣrī, Maqātil bin Hayyān, „Umar Abd al-„Azīz, Ibnu Zaid dan Abu Mūsa al-„Ash‘arī sebagaimana yang ditafsirkan oleh Ibnu Kathīr. Menurut Ibnu Abbas dan Hassan, boleh membebaskan hamba dengan zakat sebagaimana mazhab Ahmad, Mālik dan Ishaq di mana *al-riqāb* terlalu umum untuk diberi kepada *mukātab* ataupun membeli hamba kemudian membebaskannya⁸⁵. *Mukātab* yang dimaksudkan di sini ialah hamba yang telah membuat perjanjian dengan tuannya untuk membeli kebebasan dengan cara membayar

⁸⁴ Fakhru al-Rāzī, *al-Tafsir al-Kabīr* (Kaherah: Al-Matbu‘ah al-Baihat al-Miṣriyyah, 1938), 16:112.

⁸⁵ Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Beirut: Dār al-Andalus, t.t), 3:413.

pada harga tertentu.⁸⁶ Menurut al-Tabarī, ulama-ulama seperti Abu Musa al-Ash‘ari, Mu‘qil bin ‘Uбайд, Ibnu Zaid dan Hassan juga mentafsirkan *al-riqāb* sebagai hamba *mukātab* yang diberikan sebahagian harta zakat untuk dibebaskan mereka.⁸⁷ Demikian juga al-Nasafī mentafsirkan *al-riqāb* sebagai hamba *mukātab* yang perlu dibantu dengan zakat.⁸⁸ Manakala al-Baghawī menukilkan pendapat kebanyakan ulama bahawa *al-riqāb* adalah *mukātab* yang mana terdapat sebahagian zakat untuk mereka.⁸⁹

2) *Al-Riqāb* bermaksud Hamba Sahaya

Tafsiran ini telah diberikan oleh al-Baghawī dan Al-Qurtubi. Al-Baghawī telah menyatakan pandangan ramai seperti Hassan, Mālik dan Ahmad bahawa dibeli hamba dengan menggunakan saham *al-riqāb* kemudian dibebaskannya.⁹⁰ Lafaz *fī al-riqāb* telah ditafsirkan sebagai membebaskan hamba sahaya ‘*abid* iaitu hamba yang boleh dibebaskan dengan cara jual beli langsung kepada tuan mereka melalui peruntukan dana zakat. Pandangan ini menjadi pegangan Ibn ‘Abbas, Ibn Umar, Hassan al-Basri, Abu Ubaid, mazhab Malik, Ahmad, Ishāq dan Ubaidullah bin al-Hassan al-Anbarī. Mereka berhujah bahawa sekiranya *al-riqāb* hanya dikhususkan kepada hamba *mukātab*, maka ia termasuk dalam kategori *al-ghārimīn* kerana dia berhutang dengan tuannya. Oleh itu pembelian hamba sahaya untuk dibebaskan adalah lebih utama daripada membantu *mukātab* di mana ia dilihat seperti hanya membantu sahaja tetapi tidak membebaskannya.⁹¹

⁸⁶ Said Hawa, *al-Asās Fī al-Tafsīr*, cet. ke-3, (Kaherah: Dār al-Salam, 1991), 1:388.

⁸⁷ Abu Yahya Muhammad bin Sumadīh al-Tujībī, *Mukhtasar Min Tafsīr al-Imam al-Tabarī*, (Kaherah: Al-Hay‘at al-Misriyah al-Ammah, 1970), 1:251.

⁸⁸ Al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī* (Kaherah: ‘Īsa al-Bābī al-Halabī, t.t.), 2: 132.

⁸⁹ Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī* (Beirut: Dār Ibnu Hazam, 2002), 566.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Muhammad Rashid Riḍā, *Tafsīr al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsīr al-Manar*, (Kaherah: al-Azhar, 1954), 2:578.

Al-Qurtubi pula menjelaskan bahawa yang lebih sahih adalah berdasarkan firman Allah SWT “ وفي الرقاب ”, iaitu jika hamba mempunyai bahagian dalam zakat maka seseorang boleh membeli hamba lalu memerdekakannya. Hal ini dikuatkan dengan kenyataan bahawa tidak ada percanggahan di kalangan ulama bahawa seseorang boleh membeli seekor kuda lalu disedekahkan di jalan Allah. Oleh yang demikian jika seseorang boleh membeli seekor kuda secara sempurna untuk dibuat zakat, maka dia juga boleh membeli seorang hamba secara sempurna.⁹²

3) *Al-Riqāb* bermaksud Hamba *Mukātab* dan Hamba Sahaya

Tafsiran dalam bentuk ini telah diberikan oleh Ibnu al-„Arabī, al-Tabarī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan Ibnu „Atiyyah. Ibnu al-„Arabī di dalam kitab tafsirnya telah mengemukakan beberapa pandangan. Antaranya ialah pandangan Imam al-Shāfi‘ī, Hanafī dan jumhur yang menyatakan *al-riqāb* adalah hamba *mukātab*. Manakala Ibnu „Umar pula berpandangan *al-riqāb* adalah hamba sahaya yang dibeli oleh pemerintah dan kemudian membebaskannya. Kesetiaan mereka adalah untuk semua orang Islam. Seterusnya Imam Mālik berpandangan bahawa yang lebih sahih adalah membeli hamba dan membebaskannya. Sebagaimana yang dizahirkan di dalam al-Quran bahawa sesungguhnya Allah telah menyebut *al-riqāb* adalah hamba sahaya. Adapun yang dimaksudkan dengan *mukātab* adalah satu panggilan nama yang khusus. Apabila ia berubah maksud kepada hamba maka menunjukkan ianya perlu dibebaskan.⁹³

Al-Tabarī⁹⁴ dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī⁹⁵ pula telah mengemukakan pandangan Abu Hanifah, Sa‘id bin Jubayr dan al-Nakha‘ī yang menyatakan bahawa seseorang

⁹² Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, (Kaherah: Dār al-Kātib al-„Arabi Lil al-Taba‘at Wa al-Nashr, 1967), 8:182.

⁹³ Ibnu al-„Arabī, *Ahkam al-Quran*, (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, t.t), 530-531.

⁹⁴ Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Ṭabarī, *Tafsir al-Ṭabarī*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1978), 6:111.

hamba tidak boleh dimerdekakan melalui harta zakat sepenuhnya. Harta zakat tersebut hendaklah diberikan kepada hamba sahaya dan dalam masa yang sama juga digunakan untuk membantu hamba *mukātab* kerana lafaz “*في الرقاب*” memerlukan penggunaan kedua-duanya sekali.

Di samping itu Fakhr al-Dīn al-Rāzī turut menjelaskan pandangan al-Zuhri bahawa bahagian *al-riqāb* terbahagi kepada dua iaitu sebahagian untuk hamba *mukātab* Islam manakala sebahagian lagi digunakan untuk membeli hamba sahaya yang bersembahyang dan berpuasa. Dengan sebab keislaman maka mereka perlu dibebaskan dengan menggunakan bahagian zakat. Ia dibayar kepada tuannya dengan keizinan hamba *mukātab*. Hujah ke atas perkara ini ialah Allah telah menetapkan bahagian zakat untuk empat asnaf yang terawal yang disebut dengan *lam al-tamlīk*. Adapun asnaf *al-riqāb* disebut dengan *fi* yang mana semestinya ia menunjukkan perbezaan dari sudut hikmahnya. Hikmah di sini ialah bahagian *al-riqāb* digunakan untuk membebaskan mereka daripada perhambaan. Tidak akan diberikan secara langsung kepada mereka untuk kegunaan lain. Sepertimana orang yang berhutang akan diberikan harta zakat hanya untuk melangsaikan hutang mereka. Mereka yang di dalam peperangan pula diberikan zakat hanya untuk membuat persediaan perang. Empat asnaf terakhir termasuk *al-riqāb* ini wang zakat tidak dibayar kepada mereka tetapi ia dikeluarkan kepada tujuan keperluan yang dipertimbangkan dalam sifat-sifat yang mana mereka memperolehi bahagian zakat.⁹⁶

Ibnu „Atiyyah pula telah mengemukakan pandangan Ibnu „Abbas, Hassan dan Mālik bahawa *al-riqāb* adalah permulaan kepada memerdekakan hamba dan seterusnya menolong *mukātab* untuk pembebasannya. Dalam perkara ini berlaku percanggahan

⁹⁵ Al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 16:112.

⁹⁶ *Ibid.*

pendapat iaitu adakah dengan menolong *mukātab* itu ditegah atau diharuskan? Dan berbeza pandangan iaitu harus juga sekiranya *mukātab* tersebut hilang upaya dan dibantu oleh tuannya serta pembebasan adalah sebagai menghargai hamba tersebut. Di samping itu Ibnu „Atiyyah turut menjelaskan pandangan al-Shāfi‘ī yang menyatakan maksud *wa fī al-riqāb* adalah *mukātab* dan bukannya hamba sahaya. Seterusnya beliau menukilkan pandangan yang sama bagi al-Laiṭh, Ibrāhīm, al-Nakha‘īe dan Ibnu Jubayr. Ini kerana asnaf-asnaf ini membawa manfaat untuk orang-orang Islam atau hajat *mukātab* itu sendiri. Adapun hamba sahaya tidak mempunyai salah satu daripada dua ciri-ciri ini berbanding *mukātab* yang menjadi keutamaan untuk dibantu. Selain itu sepertimana Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Ibnu „Atiyyah juga turut mengemukakan pandangan al-Zuhrī iaitu bahagian *al-riqāb* terbahagi kepada dua. Sebahagian untuk hamba *mukātab* Islam manakala sebahagian lagi digunakan untuk membeli hamba sahaya yang bersembahyang dan berpuasa.⁹⁷

4) *Al-Riqāb* bermaksud Menebus Tawanan

Tafsiran ini telah diberikan oleh al-Qurtubi dan Ibnu „Atiyyah. Menurut al-Qurtubi, Asbagh dan Ibn Qasim berpandangan tidak harus membebaskan tebusan Islam dengan menggunakan bahagian *al-riqāb*. Ibn Habib daripada mazhab Hanbali dan Ibn Abdul Hakam daripada mazhab Maliki berpendapat adalah harus dan ianya lebih utama daripada membebaskan hamba sahaya yang ada di tangan kita sendiri. Ini kerana jika membebaskan hamba sahaya di tangan orang Islam dikira sebagai ibadat dan sedekah, maka lebih utama membebaskan tebusan Islam daripada tangan orang kafir.⁹⁸ Ibnu

⁹⁷ Ibnu „Atiyyah, *al-Muharrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 3: 50.

⁹⁸ Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, 8:183.

„Atiyyah juga turut menukilkan pandangan Ibn Habib di mana melalui bahagian *al-riqāb* digunakan untuk membebaskan tawanan Islam daripada penguasaan orang kafir.⁹⁹

2.5 *Al-Riqāb* Pada Pandangan Mazhab Empat

Pandangan para fuqahā“ mengikut empat mazhab utama dapat diklasifikasikan sebagaimana berikut:

2.5.1 Mazhab Hanafi

Bagi mazhab Hanafi dijelaskan bahawa *al-riqāb* adalah membantu hamba *mukātab* dengan wang zakat.¹⁰⁰ Walaubagaimanapun sekiranya diserahkan zakat kepada pemerintah atau „amil zakat bagi tujuan pembebasannya, hukumnya adalah harus. Ini kerana mereka adalah sebagai ganti kepada fakir yang mengambilnya. Keadaan mereka yang mengambilnya sama seperti fakir yang mengambilnya.¹⁰¹

Dikatakan telah datang seorang hamba *mukātab* ke arah Abu Mūsa al-Ash‘arī ketika beliau sedang berkhotbah pada hari Jumaat dan berkata: “Wahai pemimpin Islam! Berikanlah galakan kepada umat manusia untuk membantu saya merdeka! Lalu Abu Mūsa pun menggalakkan para jemaah untuk membantu hamba tersebut. Lantas orang ramai menghulurkan pelbagai jenis harta termasuk serban, baju dan cincin. Apabila Abu Mūsa melihat ramai orang yang memberikan sumbangan, maka beliau berkata, “Kumpulkan semuanya.” Kemudian mereka pun mengumpulkannya. Abu Mūsa mengarahkan supaya menjualkan barang-barang tersebut. Sebahagian duit yang

⁹⁹ Ibnu „Atiyyah, *al-Muharrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*, 3: 50.

¹⁰⁰ Ibnu al-Hummām, *Sharh Fath al-Qadīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995), 2:268, Ala al-Dīn Abu Bakar bin Mas‘ūd al-Kasānī al-Hanafī, *Badā‘i al-Sanā‘i Fī Tartīb al-Shara‘i* (Beirut: Dār al-Ma‘rifat, 2000), 2:63, al-Mūsilī, *al-Ikhtiyār Lita‘līl al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1998), 1:119 dan al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtadā* (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafa al-Bābī al-Halabī, t.t), 1:112.

¹⁰¹ Al-Kasānī, *Badā‘i al-Sanā‘i Fī Tartīb al-Shara‘i*, 2: 63.

didapati daripada jualan tersebut diberikan untuk urusan memerdekakan hamba tersebut. Adapun duit yang berbaki, beliau berikan untuk urusan *al-riqāb* yang lain. Tiada siapa dalam kalangan orang ramai yang berada di situ mempertikai tindakan Abu Mūsa tersebut.¹⁰²

Selain itu, ulama-ulama dalam mazhab ini juga mengatakan tidak boleh diberi bahagian *al-riqāb* kepada hamba *mukātab* daripada Bani Hashim serta hamba *mukātab* yang kaya.¹⁰³ Namun sebahagian yang lain pula berpendapat dibenarkan ke atas hamba-hamba *mukātab* yang kaya namun terbatas serta tidak harus kepada *mukātab* yang dewasa atau kecil memandangkan mereka sendiri menerima bayaran.¹⁰⁴

2.5.2 Mazhab Mālikī

Menurut mazhab ini, *al-riqāb* ditafsirkan sebagai hamba mukmin yang mana walaupun mempunyai keaiban namun hendaklah dibebaskan daripada penghambaan.¹⁰⁵ Perwaliannya adalah terletak di bawah orang Islam¹⁰⁶ walaupun dia mensyaratkan perwalian tersebut kepada dirinya.¹⁰⁷ Hamba sama ada lelaki atau perempuan dibenarkan untuk dibebaskan dengan menggunakan harta zakat asalkan dia beriman dengan Allah SWT. Harus bagi pemerintah untuk membeli hamba dari wang zakat sehinggalah pemilikan hamba tersebut diberikan kepada kumpulan muslimin.¹⁰⁸ Jika

¹⁰² Ibnu al-Hummām, *Sharh Fath al-Qadīr*, 2:268.

¹⁰³ Al-Mūṣilī, *al-Ikhtiyār Lita'āl al-Mukhtār*, 1:119.

¹⁰⁴ Ibnu ʿĀbidīn, *Hāshiah Radd al-Mukhtār* (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba'at Mustafa al-Bābī al-Halabī, 1966), 2: 341.

¹⁰⁵ Muhammad bin Ahmad bin ʿArafah al-Ḍasuqī, *Hāshiyat al-Dusūqī ʿala al-Sharh al-Kabīr* (Kaherah: Dār Ihya al-Kutub al-ʿArabiyah, 1980), 2:496.

¹⁰⁶ Al-Ḍasuqī, *Hāshiyat al-Dusūqī ʿala al-Sharh al-Kabīr*, 2:496 dan Ibnu Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtaṣṣid* (Beirut: Muassasah al-Maʿārif, 2006), 266.

¹⁰⁷ Khalīl bin Ishaq bin Mūsā, *Mukhtaṣar Khalīl Fī Fiqh al-Imām Mālik* (Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, 1922), 54.

¹⁰⁸ Al-Qirāfī, *al-Dhakhīrah* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islamiyyah, 1994), 3:146.

hamba tersebut dibeli oleh pemberi zakat dan dibebaskan maka hukumnya juga adalah harus.¹⁰⁹

Menurut Ibnu Qāsim, membebaskan hamba dengan duit zakat hendaklah dilakukan dengan tingkah laku yang betul. Ini berbeza dengan Ibnu Habib yang mengharuskan pembebasan golongan yang buta dan lumpuh yang mempunyai keaiban serta tiada harapan untuk sembuh.¹¹⁰ Dalam hal ini boleh membeli hamba dengan duit zakat dan membebaskannya sekiranya hamba tersebut setia dan percaya dengan Islam. Namun jika sebaliknya, maka tidak perlu berbuat demikian.¹¹¹ Dalam masa yang sama, disyaratkan seseorang hamba itu mestilah yang belum dibebaskan seperti *mukātab*, *al-mudabbar*¹¹² dan *ummu al-walad*.¹¹³ Sekiranya mereka meninggal dunia serta mempunyai harta tetapi tidak mempunyai waris, maka harta tersebut kembali kepada baitul mal.¹¹⁴

Di samping itu, mazhab ini juga mengharuskan pembebasan golongan Bani Hashim yang menjadi hamba kerana membebaskannya lebih utama seperti menjinakkan Bani Hashim yang kafir dengan memberikannya zakat daripada bahagian asnaf muallaf dengan harapan mereka akan membebaskan diri daripada kekufuran. Namun demikian pendapat ini disangkal oleh al-Dusuqi kerana berpegang dengan syarat umum bagi

¹⁰⁹ Al-Dasuqi, *Hāshiyat al-Dusūqī ‘ala al-Sharh al-Kabīr*, 496 dan al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl Li Sharh Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 3:231.

¹¹⁰ Al-Qirāfī, *al-Dhakhīrah*, 146-147

¹¹¹ Al-Qirāfī, *al-Dhakhīrah*, 147 dan al-Sāwī, *Hāshiyat al-ṣāwī* (Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1941), 2:144.

¹¹² Merupakan hamba yang akan dibebaskan dengan kematian tuannya. Hamba jenis ini diperakui oleh syarak. Contohnya ialah apabila tuannya berkata: “Jika aku mati, kamu akan dibebaskan”. Seseorang yang menjadi *Riqāb al-Mudabbar* tidak boleh dijual oleh tuannya. Dia akan bebas dengan kematian tuannya tetapi tidak boleh mewarisi harta tuannya (Ibn Rusyd, 137H:422)

¹¹³ *Ummu al-Walad* ialah seorang hamba wanita yang melahirkan anak tuannya. Maka hamba wanita itu menjadi ibu kepada anaknya. Hukumnya sama dengan hamba *al-Mudabbar* iaitu tidak boleh dijual, dimiliki dan digadai. Hamba ini hanya boleh dibebaskan oleh tuannya ataupun bebas dengan kematian tuannya. (Al-Bahūtī, 1347H)

¹¹⁴ Al-Sāwī, *Bulghat al-Sālik Li Aqrab al-Masālik* (Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1952), 1:233.

pengagihan zakat, iaitu “ *Sesungguhnya bukan keturunan Hashim ialah syarat bagi semua asnaf*”.¹¹⁵

Selain itu ia juga difahami sebagai seseorang yang ditahan di dalam keadaan perhambaan di mana dia bukanlah seorang penghutang dan bukan juga perasuah kecuali setelah bertaubat dengan sebaik-baiknya.¹¹⁶ Berdasarkan sejarah, Khalifah „Umar bin „Abd al-Aziz telah mengutus Yahya bin Said untuk mengambil zakat penduduk Afrika. Kemudian Yahya telah mencari orang-orang fakir dan miskin untuk diagihkan zakat namun tidak dijumpai golongan tersebut. Setelah itu „Umar telah mengarahkan agar peruntukan zakat tersebut digunakan untuk membeli hamba Islam kemudian membebaskannya daripada orang kafir.¹¹⁷

2.5.3 Mazhab Shāfi‘ī

Menurut Imam al-Shāfi‘ī, *al-riqāb* itu ialah hamba *mukātab* yang hidup dalam kawasan harta zakat dipungut. Jika harta zakat mencukupi maka diberikan kepada hamba tersebut agar dia merdeka. Jika pemimpin menyerahkan harta zakat itu kepada tuan hamba tersebut, ia adalah lebih baik. Walaubagaimanapun, ianya hendaklah dengan keizinan dan pengetahuan hambanya agar dapat memenuhi maksud *al-riqāb*. Ini bagi membolehkan *mukātab* mendapat faedah daripadanya apabila pembebasan dilakukan. Sekiranya zakat diberi kepada *mukātab*, terdapat kemungkinan harta tersebut digunakan untuk kepentingan sendiri dan tidak diberikan kepada tuannya.

Namun begitu jika harta zakat itu diberikan kepada hamba tersebut, pemberian itu sah dan diharuskan walaupun tanpa pengetahuan tuannya. Terutamanya jika harta

¹¹⁵ Al-Dasuqi, *Hāshiyat al-Dusūqī ‘ala al-Sharh al-Kabīr*, 496. .

¹¹⁶ Khalīl bin Ishaq bin Mūsā, *Mukhtaṣar Khalīl Fī Fiqh al-Imām Mālik*, 55.

¹¹⁷ Abu Muhammad Abdullah bin „Abd al-Hakim, *Sirah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz ‘Ala Ma Rawāhu al-Imam Malik ‘Ibn Anas Wa Ashābuh* (Beirut: Dār al-„Ilm Lil Malayin, 1967), 69.

zakat tidak banyak maka memadai hanya diberikan kepada hamba *mukātab* sahaja supaya dapat dimerdekakan. Ini bermaksud dengan kadar yang boleh membantunya membebaskan diri daripada perhambaan.¹¹⁸

قَالَ الشَّافِعِيُّ وَالْأَصْحَابُ يُصْرَفُ سَهْمُ الرِّقَابِ إِلَى الْمَكَاتِبِينَ. هَذَا مَذْهَبُنَا وَبِهِ قَالَ
أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ. كَذَا نَقَلَهُ عَنِ الْأَكْثَرِينَ.

Terjemahan: Berkata al-Shāfi,ī dan ulama mazhab; Dibahagikan zakat *al-riqāb* kepada hamba mukātab, inilah mazhab kami. Ia juga pandangan kebanyakan ulama, itulah yang dinukilkannya daripada kebanyakan ulama.

Selain itu *al-riqāb* juga adalah *mukātab* dengan syarat mempunyai ciri-ciri keaslian perhambaan itu. Sekiranya hamba tersebut memperoleh apa yang telah dipinjam dan apa yang dilakukan, maka dia adalah seorang penghutang. Tidak boleh bersama mereka untuk memenuhi janji pembebasan jika mereka mampu.¹¹⁹

Terdapat juga pandangan dalam mazhab ini di mana bahagian *al-riqāb* adalah untuk hamba *mukātab* yang diberi berdasarkan apa yang dia lakukan.¹²⁰ Jika *mukātab* itu mampu, dia tidak akan diberikan bahagian *al-riqāb* kerana dianggap tidak memerlukannya. Namun jika tiada apa-apa bersamanya serta tiada penyelesaian dalam perhambaan, maka di sini terdapat dua cara iaitu sama ada diberikan bahagian *al-riqāb* kerana dianggap memerlukannya ataupun tidak diberikan kerana tidak memerlukannya. Ini kerana hamba tersebut sebenarnya dianggap tidak ada kena mengena dengan

¹¹⁸ Muhammad bin Idris al-Shāfi,ī, *al-Umm*, ed. Muhammad Zuhri al-Najjar (Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyat, 1961), 2:72 dan al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf, *Kitab al-Majmu': Sharh al-Muhadhdhab Lil al-Shirazi*, 211.

¹¹⁹ Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj* (Mesir: Maktabah Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1967), 6:156.

¹²⁰ Al-Shīrāzī, *al-Muhadhab Fī Fiqh al-Imām Al-Shāfi'ī* (Mesir: Maktabah Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1976), 1:233 dan al-Ghamrāwī, *Anwār al-Masālik Sharh 'Umdah al-Sālik* (Mesir: Maktabah Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1948), 116.

tuannya. Sekiranya dia dibayar kerana ketidakupayaan atau hutangnya, maka diterima oleh tuannya dan berlaku pembebasan daripada perhambaan. Kemudian jika dia menyerahkan kembali kepada tuannya bahagian tersebut dan selebihnya tetap padanya maka di sini terdapat dua keadaan iaitu tidak mengambil semula daripada tuannya ataupun mengambil semula kerana untuk pembebasan.¹²¹

2.5.4 Mazhab Hanbalī

Mazhab Hanbalī juga turut berpegang bahawa *al-riqāb* adalah membantu hamba *mukātab* Islam dengan wang zakat.¹²² Walaupun demikian mazhab ini juga berpendirian yang mana dikatakan tiada perbezaan di antara mazhab lain bahawa hamba *mukātab* juga adalah hamba sahaya. Lafaz (فَكَّائِيَهُمْ) di dalam surah al-Nūr menunjukkan bahawa bahagian zakat perlu diberi kepada tuannya untuk membebaskan hamba dan langkah ini adalah lebih digalakkan berbanding dengan diberikan kepada *mukātab*.¹²³ Sekiranya *al-riqāb* dikhususkan kepada *mukātab* sahaja maka ia seperti *gharimīn* kerana berhutang. Ia lebih baik dengan membeli hamba kemudian membebaskannya berbanding dengan membantu *mukātab* tetapi tidak membebaskannya. Ini kerana dengan tindakan ini apa yang kekal pada *mukātab* ialah dirham.¹²⁴ Walaubagaimanapun terdapat satu pendapat daripada Abū Bakar al-Siddīq yang menyatakan perbuatan

¹²¹ Al-Shīrāzī, *al-Muhadhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, 233.

¹²² Ibnu Qudamah al-Maqdisi, *al-Mughni Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir* (t.tp:Dār al-Kitab al-ʿArabi, t.t), 698, al-Mardawī, *al-Insāf Fī Maʿrifat al-Rājih Min al-Khilāf* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1997), 3:206, Bahāuddin ʿAbd Rahmān bin Ibrāhīm al-Maqdisī, *al-ʿUddah Sharh al-ʿUmdah* (Kaherah: Abū Bakar al-Siddīq, 2005),161 dan Ibnu Qudamah al-Maqdisi, *al-Kāfi Fī Fiqh al-Imām Ahmad bin Hanbal* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2001), 1: 440.

¹²³ Al-Ḍaṣuqī, *Hāshiyat al-Ḍusūqī ʿala al-Sharh al-Kabīr*, 2:496.

¹²⁴ Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār Sharh Muntaqa al-Akhbar* (Mesir: Maktabah Matbaʿah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1961), 3:178.

tersebut tidak diharuskan. Ini kerana mereka dibantu pada nilainya. Dan tidak boleh membebaskan hamba dengan menggunakan duit zakat sepenuhnya.¹²⁵

Mukātab dibantu untuk menyelesaikan hutang mereka disebabkan ketidakmampuan mereka untuk membayar sekalipun mereka berupaya untuk mengusahakannya. Dalam keadaan ini dibolehkan membeli hamba dan membebaskannya tanpa menunggu mereka membuat pembayaran.¹²⁶

Selain itu diharuskan membeli tawanan Islam dengan wang zakat kerana ia termasuk dalam membebaskan hamba tawanan. Tindakan ini seumpama membebaskan hamba daripada perhambaan. Dan tindakan ini memuliakan dan meninggikan imej Islam serta sama keadaannya dengan memberikan zakat kepada golongan *al-ghārim*.¹²⁷

2.6 Persepakatan dan Perbezaan Pandangan Fuqahā' Mazhab Empat

Majoriti fuqahā' mazhab empat iaitu Hanafi, Shāfi, dan Hanbalī sepakat menyatakan bahawa *al-riqāb* bermaksud *mukātab* iaitu hamba yang mempunyai perjanjian penebusan diri dengan tuannya melalui pembayaran sejumlah harta kemudian mereka diberikan zakat untuk membebaskan diri daripada perhambaan.

Mengenai membantu *mukātab* dalam membebaskan diri mereka, mazhab Hanafi dan Shāfi, ber pandangan dengan beberapa perkara. Lafaz *wa fi al-riqāb* dan *wa fi sabīlillah* di dalam ayat 60 surah al-Taubah boleh difahami dengan sekiranya wajib memberi zakat kepada para mujahidīn, maka wajib juga membayar kepada golongan *al-riqāb* serta tidak boleh mengenyepikan mereka. Walaupun ada yang mempertikaikan

¹²⁵ Al-Mardawi, *al-Inṣāf Fī Ma'rifat al-Rājih Min al-Khilāf*, 209.

¹²⁶ Al-Buhūtī, *al-Rawḍu al-Murabba' Sharh Zād al-Mustaqna'* (Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadīthah, 1988), 1:402.

¹²⁷ Muwaffaq al-Dīn Abī Muhammad „Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah al-Maqḍisi, *Al-Mughni' Wa al-Sharh al-Kabir Wa Ma'ahuma al-Insaf Fi Ma'rifat al-Rajih Min al-Khilaf* (al-Riyadh: Dār „Alam al-Kutub, 2005), 7:239.

pemberian duit zakat bukan kepada hamba *mukātab* tetapi diberikan kepada tuannya untuk pembebasan, namun kedua-dua mazhab ini mengharuskannya dengan mengambil kira tindakan tersebut adalah membantu *mukātab* dengan zakat yang telah ada perjanjian. Selain itu, dikhususkan kalimah *fī al-riqāb* kepada *mukātab* adalah kerana tiada syarat-syarat pembahagian zakat kepada golongan hamba *al-qinn*.¹²⁸ Ini kerana terdapat syarat-syarat pembahagian zakat kepada hamba *al-qinn* bagi perkara yang berkaitan dengan *kaffārah* sahaja untuk pembebasan. Dan perkara-perkara ini tidak didapati dalam kedua-dua mazhab Hanafī dan Shāfī'ī. Oleh yang demikian keduanya mentafsirkan *al-riqāb* dengan *mukātab*.¹²⁹

Pembebasan hamba itu adalah berlaku dalam pemilikan tuannya tidak dipindahkan kepada orang lain. Ianya membuktikan kesetiaan di antara hamba dengan tuannya. Dan apabila hujah Rasulullah SAW bahawa kesetiaan hanya bagi mereka yang membebaskan dan tidak boleh dilakukan kepada orang lain, maka di sini membuktikan bahawa *mukātab* yang dimaksudkan. Abd Rahman bin Sahl telah meriwayatkan bahawa baginda Rasulullah SAW bersabda:

و عن سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ، حَدَّثَنِي، أَنَّ أَبَاهُ حَدَّثَنِي، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ أَعَانَ مُكَاتَبًا فِي رَقَبَتِهِ، أَوْ غَارِمًا فِي عُسْرَتِهِ، أَوْ مُجَاهِدًا فِي عَزْوَتِهِ، أَظَلَّهُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ»

Terjemahan: Dari Sahl bin Hunaif bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa menolong hamba *mukātab* yang sedang menebus dirinya, atau penghutang yang berada di dalam kesusahan atau menolong pejuang di jalan Allah, maka Allah akan memberi

¹²⁸ Hamba *al-Qinn* adalah hamba yang murni status perhambaanannya iaitu bukan dari kalangan *mukātab* dan bukan juga *mudabbar*. Bukan yang telah merdeka sebahagian status perhambaanannya dan bukan *ummu al-walad*. Hamba *al-qinn* pada awalnya adalah tahanan perang yang kemudian diubah statusnya oleh pemerintah menjadi hamba atau anak yang ibunya adalah hamba. Dalam hal ini „Umar telah memutuskan bahawa anak dari hamba wanita adalah hamba dari tuan ibunya.

¹²⁹ Al-Nawawī, *Sharh Majmu' Li al-Nawāwī* (Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, t.t), 6:146-147.

lindungan kepadanya pada hari yang tidak akan ada lindungan selain lindunganNya.”¹³⁰

Berdasarkan hadith ini telah membuktikan bahawa zakat ke atas *mukātab* adalah untuk membantu mereka untuk pembebasan daripada perhambaan. Oleh yang demikian ianya bertepatan dengan lafaz *wa fī al-riqāb* di dalam al-Quran.

Membantu *mukātab* adalah dengan usaha membantunya sehingga bebas daripada perhambaan. Ia bukanlah dengan cara membeli dan kemudian menjualnya kerana melalui cara ini seperti harga hamba tersebut diambil oleh penjual kemudiannya. Tidak ada persaudaraan dalam keadaan ini melainkan jika diberikan hamba hak untuk membebaskan diri. Dan ini tidak akan berlaku kecuali selepas diberikan hamba kepada seseorang dan adanya perjanjian di antara mereka.

Adapun mazhab Mālikī dan Hanbalī, mereka sepakat dalam beberapa perkara. Antaranya mereka berpandangan *al-riqāb* lebih umum daripada diberikan kepada *mukatāb* atau pemberi zakat membeli hamba dan membebaskannya. Maka ini adalah istilah yang diambilkira secara mutlak. Seterusnya kedua-duanya juga berpandangan sekiranya dikhususkan *al-riqāb* dengan *mukātab* sahaja maka keadaan ini seperti *ghārimīn* kerana hamba *mukātab* itu berhutang dengan tuannya. Selain itu membeli hamba dan membebaskan mereka adalah lebih utama daripada membantu *mukātab*. Ini kerana dari segi membantu *mukātab* seolah-olah seperti membantu sahaja dan tidak membebaskannya. Apa yang kekal pada mereka ialah dirham. Berlainan pula sekiranya seseorang ingin membeli hamba ia tersedia dengan mudah sepanjang waktu. Hal ini berbeza dengan *al-kitābah* atau perjanjian di antara hamba dengan tuannya untuk

¹³⁰ Hadith Riwayat Ahmad, Kitab Sunan al-Kubra, Bab Fadlun Man A’āna Mukātab Fī Raqabatihī, no. Hadith 1200.

pembebasan. Di samping itu juga kedua-dua mazhab ini berpendapat dana *al-riqāb* boleh digunakan juga untuk membebaskan tawanan perang. Dalam perkara ini Ibn Habib daripada mazhab Hanbalī dan Ibn Abdul Hakam daripada mazhab Malikī berpendapat keharusan dalam membebaskan tawanan perang dengan menggunakan bahagian *al-riqāb* kerana mengambilkira keutamaan membebaskan tebusan Islam daripada tangan orang kafir. Persepakatan dan perbezaan pandangan fuqahā² mazhab empat terhadap *al-riqāb* secara ringkasnya juga dapat dilihat dalam Jadual 2.1:

Jadual 2.1: *Al-Riqāb* Pada Pandangan Mazhab Empat

	Hanafi	Mālikī	Shāfi'ī	Hanbalī
Membebaskan Hamba Mukātab	/	-	/	/
Membebaskan Hamba	-	/	-	/
Membebaskan Tawanan Perang	-	/	-	/

2.7 Pentafsiran *Al-Riqāb* Menurut Ulama Semasa

Sebagaimana ulama terdahulu, ulama semasa juga berbeza pendapat dalam mentafsirkan *al-riqāb* dan turut mendefinisikannya kepada tiga golongan iaitu hamba *mukātab*, hamba sahaya yang dibeli kemudian dimerdekakan serta tawanan perang. Seterusnya berdasarkan ijtihad semasa, pentafsiran tersebut telah diperluaskan iaitu merangkumi orang Islam yang diculik serta umat Islam yang dijajah dan dibelenggu juga dianggap sebagai sebahagian daripada *al-riqāb*.

Dalam perkara ini Sayyid Rashīd Riḍā telah menjelaskan bahawa bahagian *al-riqāb* boleh digunakan untuk membantu sesuatu bangsa yang ingin melepaskan dirinya

daripada penjajahan apabila tidak ada sasaran untuk membebaskan individu. Ini merupakan satu cara untuk mengembalikan semula kedaulatan Islam dan jihad yang penting sekiranya wujud pencerobohan orang kafir.¹³¹

Al-riqāb pada zaman moden kini difahami dengan melawan berbagai bentuk perhambaan dan eksploitasi, berbeza dengan pada masa dahulu yang merupakan sejumlah yang dikhususkan untuk pembebasan hamba.¹³² Oleh yang demikian, negara Islam adalah negara pertama di dunia yang memerangi perhambaan dan pengabdian sesama manusia yang berlangsung selama empat belas abad lamanya. Bahkan juga telah menumpukan kepada pembubaran dan pembatalan bahagian belanjawan negara untuk perkara ini.¹³³ Seheinggakan Khalifah „Umar bin „Abd al-„Azīz apabila tidak menemui orang-orang miskin beliau akan mengambil zakat dan menghabiskan semua hasil dalam menangani amalan perhambaan.¹³⁴

Namun demikian Ibnu „Asyur tetap dengan pandangan bahawa bahagian *al-riqāb* adalah untuk membebaskan hamba dengan cara membelinya, membantu *mukātab* dan membebaskan tawanan orang Islam. Hujahnya adalah tawanan perang dianggap sebagai hamba bagi sesiapa yang membebaskannya.¹³⁵ Pandangan seperti ini juga turut dipersetujui oleh al-Qarḍawi dan Wahbah al-Zuhaili.

„Abd al-Karīm Zaydān pula melihat lafaz *fī al-riqāb* merangkumi hamba sahaya, *mukātab* dan selainnya. Mereka adalah hamba-hamba dari kalangan lelaki dan

¹³¹ Muhammad Rashid Riḍā, *Tafsir al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsir al-Manar*, 598.

¹³² Muhammad Shawqī al-Fanjarī, *al-Islām Wa al-Damān al-Ijtimā'ī* (Meşir: Al-Haiat al-Mişriyyah al-„Ammah Lil Kitāb, 1990), 77.

¹³³ Di antara kebaikan agama Islam ialah menyeru kepada pembebasan hamba dan mengajak manusia mendekati diri kepada Allah. Bahkan juga mengkhususkan sumber di Baitul Mal untuk orang-orang Islam. Di samping itu dengan menubuhkan sebuah badan bebas untuk zakat dengan pentadbiran khusus untuk mengikuti semua bentuk perhambaan dan usaha penghapusannya.

¹³⁴ Muhammad Shawqī al-Fanjarī, *al-Islām Wa al-Damān al-Ijtimā'ī*, 77.

¹³⁵ Muhammad Tāhir bin „Aāsīyūr, *Tafsir al-Tahrīr Wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār al-Tunisiyah Lil al-Nashr , 1984), 10:237.

perempuan. Jumhur pula menyatakan hamba-hamba ini adalah *mukātab* di mana mereka bersetuju dengan sejumlah wang yang diperuntukkan sebagai balasan untuk kebebasan mereka. Dengan demikian tuan kepada hamba dibenarkan untuk memperolehnya. *Mukātab* ini akan diselamatkan dengan wang zakat dengan memenuhi apa yang telah dipersetujui di antara mereka.¹³⁶

Al-Qardāwī juga telah mengembangkan maksud *al-riqāb* tidak hanya kepada dua pengertian sahaja iaitu membantu *mukātab* dan seseorang dengan harta zakatnya membeli hamba abdi dan memerdekakannya. Akan tetapi ia disesuaikan lagi kepada perkembangan sosial dan politik. Ini kerana orang atau bangsa yang terjajah oleh kolonis semuanya mengandungi sifat perhambaan.¹³⁷

Pentafsiran *al-riqāb* semakin diperluaskan apabila Al-Uthaimin berpandangan selain daripada tiga golongan yang disebutkan, orang Islam yang diculik oleh manusia yang zalim dan diminta tebusan wang maka berhak digunakan harta zakat agar mereka dapat dibebaskan. Hal ini adalah sama juga seperti membebaskan tawanan muslim daripada orang-orang kafir.¹³⁸

Mahmud Shaltūt pula turut bersetuju dengan pandangan Rashīd Ridā yang mana menurut beliau perhambaan secara individu telah tiada akan tetapi masih ada perhambaan lain yang lebih bahaya dari segi kemanusiaan. Ianya merupakan perhambaan ke atas sesuatu bangsa dari sudut cara berfikir, ekonomi, kekuasaan dan kedaulatannya. Perhambaan secara individu akan lenyap apabila matinya hamba tersebut sedangkan negaranya tetap merdeka dan boleh diuruskan oleh orang yang

¹³⁶ Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim Fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah* (t.tp: Muassasah al-Risālah, 1957), 1:434.

¹³⁷ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt: Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafatihā Fī Daw' al-Quran Wa al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Irsyād, 1969), 2: 620-621.

¹³⁸ Muhammad bin Soleh al-Uthaimīn, *Majmu' Fatāwa Wa Rasā'il Ibn al-Uthaimīn* (Riyadh: Dār al-Thurayya, 2003), 18:530.

pintar. Akan tetapi perhambaan ke atas sesuatu bangsa akan melahirkan generasi yang keadaannya seperti nenek moyang mereka. Perhambaan jenis ini bersifat umum dan kekal serta merosakkan umat dengan penuh kezaliman. Oleh yang demikian beliau menegaskan amat penting untuk dilakukan usaha bagi menghilangkan perhambaan seperti ini bukan hanya dengan harta zakat sahaja tetapi dengan seluruh harta dan raga.¹³⁹

Pandangan Rashid Ridā dan Mahmud Shaltut ini adalah merupakan perkembangan dalam memahami maksud *al-riqāb* yang sedikit berbeza dengan tafsiran asal namun bersesuaian dengan zaman kini walaupun terdapat kelemahan dan kekurangannya. Ini kerana para penjajah tidak mempunyai cara perhambaan yang betul yang boleh digunakan kecuali mereka mesti ditentang dan diusir. Tambahan pula adalah mungkin untuk membantu mereka yang ditindas dan dijajah atau wilayah-wilayah yang diduduki dengan kekerasan melalui peruntukan zakat *fi sabīlillah* iaitu dana jihad. Akan tetapi ianya terhad serta merupakan pemberian daripada sumber awam negara yang mana dibelanjakan untuk kepentingan awam dan dibayar atas dasar selain daripada zakat.¹⁴⁰

Lanjutan daripada ijtihad Sayyid Rashid Ridā dan Mahmud Shaltut, sebahagian ulama telah memperluaskan lagi maksud *al-riqāb* dengan dikaitkan pembebasan seseorang daripada belunggu. Terdapat juga yang mengharuskan penggunaan bahagian *al-riqāb* bagi tujuan memerangi atau membebaskan manusia daripada belunggu kejahatan seperti membantu memudahkan urusan pengajian golongan fakir dan miskin

¹³⁹ Mahmud Shaltut, *al-Islam Aqidah Wa Syariat* (Qaherah: Dār al-Shuruq, 1980), 104.

¹⁴⁰ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu: al-Shāmil Lil Adillah al-Syar'iyah Wa al-Ārā' al-Mazhabiyah Wa Ahamm al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah Wa Tahqiq al-Ahādith al-Nabawiyyat Wa Takhrījihā* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2010), 3: 51.

serta golongan-golongan yang memerlukan.¹⁴¹ Di Malaysia, pentafsiran *al-riqāb* bagi beberapa buah negeri juga difatwakan dengan meluaskan pentafsiran tersebut dengan *'illah* terbelenggu. Oleh itu bantuan *al-riqāb* digunakan untuk membantu golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah, belenggu kejahatan serta belenggu dalam pelbagai aspek.¹⁴²

Negeri Selangor¹⁴³ dan Melaka¹⁴⁴ telah mengkategorikan skim bantuan *al-riqāb* kepada mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Negeri Sembilan¹⁴⁵ dan Perlis¹⁴⁶ pula menggunakannya untuk membebaskan seseorang daripada belenggu kejahatan. Manakala Terengganu¹⁴⁷ dan Pahang¹⁴⁸ pula mengkategorikannya untuk belenggu dalam pelbagai aspek.

2.8 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan bab ini adalah kalimah *al-riqāb* merupakan kata jamak kepada kalimah *al-raqabah* yang bermaksud tengkuk, hamba atau budak. Kalimah ini dihadirkan di dalam al-Quran adalah untuk menjelaskan tentang bagaimana cara Islam menangani amalan perhambaan. Di dalam al-Quran kalimah ini dihadirkan dengan membawa maksud galakan pembebasan hamba khususnya untuk mendapatkan keredaan Allah, pembebasan hamba sebagai *kaffārah*

¹⁴¹ „Abdul Razzāq Nawfāl, *Fariḍah al-Zakāh* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.), 44.

¹⁴² Azman Ab Rahman et. al., “Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia,”(Makalah, Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1, Universiti Sains Islam Malaysia, 11 Disember 2013), 92.

¹⁴³ Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai 31 Mei 2017, <http://www.muftiselangor.gov.my>.

¹⁴⁴ Laman sesawang Majlis Agama Islam Melaka, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.maim.gov.my>.

¹⁴⁵ Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.mains.gov.my>.

¹⁴⁶ Laman sesawang Portal Sistem Pengurusan Fatwa, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.fms.usim.edu.my>.

¹⁴⁷ Laman sesawang Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.maidam.terengganu.gov.my>.

¹⁴⁸ Laman sesawang Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.muip.gov.my>.

dan melalui tanggungan negara iaitu zakat. Manakala di dalam hadīth juga turut diterangkan tentang kelebihan memerdekakan hamba, sebagai *kaffārah* dan bagaimana pembebasan hamba yang paling utama.

Seterusnya para ulama silam telah mentafsirkan *al-riqāb* sebagai hamba sahaya, hamba *mukātab* dan juga menebus tawanan. Berdasarkan pandangan empat mazhab, Imam al-Shāfi,ī dan Imam Abū Hanīfah berpendapat *al-riqāb* adalah hamba *mukātab*. Berbeza dengan Imam Mālik yang mentafsirkannya sebagai hamba mukmin dan tawanan perang. Imam Ahmad pula telah memutuskan bahawa *al-riqāb* merangkumi ketiga-tiga golongan iaitu hamba sahaya, hamba *mukātab* dan juga menebus tawanan.

Dalam perbincangan mengenai hamba, perbezaan pendapat hanya berlaku tentang cara pelaksanaannya iaitu sama ada zakat diberi terus kepada *mukātab*, diberi kepada tuannya atau dengan membeli hamba kemudian membebaskannya. Demikian juga dalam masalah membebaskan tebusan Islam dengan menggunakan bahagian *al-riqāb* juga memperlihatkan perbezaan pandangan. Walaupun Asbagh dan Ibn Qasim berpandangan tidak harus membebaskan tebusan Islam dengan menggunakan bahagian *al-riqāb*, namun sebahagian ulama daripada mazhab Malīkī dan Hanbalī menyatakan keharusannya. Hal ini juga bertepatan dengan sebuah hadīth Rasulullah SAW iaitu baginda bersabda:¹⁴⁹

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَطْعَمُوا
الْجَائِعَ، وَعَوَّدُوا الْمَرِيضَ، وَفُكُّوا الْعَانِيَّ» قَالَ سُفْيَانُ: " وَالْعَانِي: الْأَسِيرُ "

¹⁴⁹ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitab al-Jāmi' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umūr Rasulullah SAW Wa Sunanuhu Wa Ayyāmuhu, no. Hadīth 5373.

Terjemahan: Dari Abu Mūsa al-Ash‘arī, Rasulullah SAW telah bersabda: Berikanlah makanan kepada orang yang sedang kelaparan, berikanlah rawatan kepada orang yang sedang sakit dan bebaskanlah orang Islam yang sedang dalam tawanan.

Kepelbagaian pendapat terus berlaku dalam kalangan ulama semasa dalam mentafsirkan *al-riqāb*. Bidang fiqh telah melalui perkembangan dalam beberapa tahap dan berdasarkan ijtihad semasa pentafsiran tersebut telah diperluaskan yang mana *al-riqāb* meliputi juga orang Islam yang diculik serta umat Islam yang dijajah. Seterusnya melalui perundangan fatwa, skop perhambaan telah diperluaskan seiring dengan keperluan zaman. Oleh yang demikian *al-riqāb* dikaitkan juga dengan pembebasan seseorang daripada belunggu masalah sosial dan akidah, belunggu kejahilan serta belunggu dalam pelbagai aspek.

BAB 3

AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-RIQĀB* DI SELANGOR

3.1 Pendahuluan

Di Malaysia, urusan zakat adalah di bawah kerajaan negeri iaitu di bawah butiran 1 senarai II senarai negeri Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian bagi sesebuah negeri di Malaysia, pengurusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan terdapat juga di sesetengah negeri diwujudkan institusi khas yang agak tersendiri daripada MAIN. Majlis Agama Islam di sesebuah negeri telah melaksanakan segala dasar dan kegiatan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. MAIN ini adalah terletak di bawah DYMM Sultan/Raja atau SPB Yang Dipertuan Agong yang mana ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah di dalam pengendalian urusan zakat.¹⁵⁰

3.2 Pentadbiran Zakat di Selangor¹⁵¹

Pengurusan dana zakat sama ada kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS), di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pengkorporatan pengurusan zakat di negeri Selangor bermula apabila Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menubuhkan Pusat Pungutan Zakat MAIS (PPZ MAIS) pada 15 Februari 1994 dengan nama daftar syarikat MAIS

¹⁵⁰ Ahmad Shahir bin Makhtar et al., "Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran," (Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Perancangan dan Pengurusan Harta Dalam Islam 2010, Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM, 14 Julai 2010).

¹⁵¹ Lihat juga peruntukan kuasa yang diberikan kepada Majlis dalam urusan zakat pada Seksyen 86 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (pindaan) 2008.

Sdn. Bhd. Ia merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIS. Penubuhan PPZ MAIS ini adalah bertujuan untuk memperbaiki kaedah pengurusan zakat yang sedia ada kepada sistem pengurusan yang lebih profesional seperti yang diamalkan dalam dunia korporat. Inisiatif penubuhan inilah yang menjadi titik tolak penting kepada kemajuan institusi zakat di negeri Selangor pada hari ini.¹⁵²

Sewaktu di peringkat awal penubuhan, Lembaga Zakat Selangor (LZS) hanya diberikan hak untuk menguruskan kutipan zakat harta sahaja di Selangor. Namun pada tahun 1998 peranan LZS telah dikembangkan dengan diberi mandat untuk menguruskan kutipan zakat padi dan fitrah di Selangor. Peranan LZS sebagai institusi zakat di Selangor turut diperluaskan apabila urusan agihan zakat yang sebelum ini di bawah seliaan Baitulmal Selangor, diletakkan di bawah pengurusan LZS yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Zakat Selangor (PZS). Ini menjadikan LZS sebagai sebuah institusi zakat yang pertama diberi kepercayaan untuk menguruskan keseluruhan aspek kutipan dan agihan zakat di bawah satu institusi sama.¹⁵³

Pada tahun 2006, satu mercu penting dalam transformasi pengurusan zakat di Selangor telah berlaku. PZS telah dinaiktaraf kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. LZS ditubuhkan oleh MAIS di bawah Seksyen 86, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah Seksyen telah memberikan kuasa kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk memungut dan mengagih zakat dan fitrah di Selangor. Seterusnya, MAIS telah melantik LZS sebagai *'āmil* dan pentadbir bagi kutipan dan agihan zakat berdasarkan Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.¹⁵⁴

¹⁵² Azman Ab Rahman et al., *Ensiklopedia Pengurusan Zakat di Malaysia* (Nilai:USIM Press, 2017),119.

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor, 2016), 7.

Objektif penubuhan LZS ialah untuk memperkasakan pengurusan institusi zakat, memaksimumkan potensi kutipan zakat serta meningkatkan keberkesanan agihan zakat.¹⁵⁵ LZS komited dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan berteraskan visi dan misi menjadi peneraju institusi zakat yang mengamalkan piawai pengurusan setanding dengan peringkat global serta memberikan perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat.

Sejak penubuhan sehingga kini, LZS ditadbir urus secara profesional berlandaskan syariah. Kuasa pentadbiran LZS adalah tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah LZS, Manual Kuasa dan Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor. Selain itu, LZS adalah di bawah pengawasan berterusan MAIS, Jabatan Audit Negara, Lembaga Pemegang Amanah LZS dan 15 jawatankuasa LZS yang telah dibentuk dan diwakili oleh tokoh-tokoh masyarakat, pakar-pakar, dan juga individu yang mempunyai kredibiliti yang sesuai dengan pengalaman mereka.¹⁵⁶

Dengan motto Meneraju Perubahan, LZS sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya iaitu pengeluar zakat dan asnaf. Dibantu dengan tenaga lebih 500 orang warga kerja serta disokong oleh 28 buah cawangan LZS di seluruh Selangor, LZS terus menjalankan amanah sebagai *'āmil* dan *'amilīn* yang mempunyai integriti, jujur dan telus dalam melaksanakan tanggungjawabnya.¹⁵⁷ Dalam tempoh dua dekad penubuhannya, LZS meningkatkan kecemerlangannya sebagai institusi zakat yang disegani dengan sentiasa mempergiatkan gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat menunaikan rukun Islam ini. Manakala,


¹⁵⁵ Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor (LZS), dicapai 28 Julai 2017, <http://www.zakatselangor.com.my>.

¹⁵⁶ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015*, 7.

¹⁵⁷ Azman Ab Rahman et al., *Ensiklopedia Pengurusan Zakat di Malaysia*, 120.

pengagihan zakat juga ditambah baik agar menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang ditetapkan dalam al-Quran melalui lima program pembangunan utama asnaf iaitu Program Pembangunan Sosial, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Insan dan Pembangunan Institusi Agama.¹⁵⁸ Pada tahun 2016, LZS berjaya mengutip sebanyak RM 673,736,282 dan mengagihkan sebanyak RM 697,494,013 kepada lapan asnaf.¹⁵⁹

Jadual 3.1: Kedudukan LZS di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)



- Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
- Aktiviti utama adalah melaksanakan aktiviti kutipan dan agihan.

¹⁵⁸ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015*, 57.

¹⁵⁹ Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor (LZS), dicapai 31 Julai 2017, <http://www.zakatselangor.com.my>.

Jadual 3.2: Struktur Organisasi Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



3.3 Pengurusan Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor

3.3.1 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Selangor merupakan negeri yang memperuntukkan agihan zakat kepada kesemua lapan asnaf. Dalam urusan kutipan zakat dan agihan untuk disalurkan kepada asnaf yang berhak, ia menjadi tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menguruskannya. Walaubagaimanapun untuk agihan kepada asnaf *al-riqāb*, tugas ini adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (a body corporate) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ke MAIS dan telah disahkan oleh Mesyuarat MAIS pada 14 April 2005. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta baitulmal.¹⁶⁰

Di bawah Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, MAIS bertanggungjawab untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri selangor selaras dengan hukum syarak.¹⁶¹ Kemajuan ekonomi merangkumi zakat, wakaf, pentadbir harta pusaka, pengurusan wasiat, wang tidak patuh

¹⁶⁰ Laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dicapai 1 Ogos 2017, <http://www.mais.gov.my>.

¹⁶¹ *Ibid.*

syariah, pembangunan hartanah, *luqatah*, *hibah* dan pungutan khairat. Manakala kesejahteraan sosial pula merangkumi masjid, anak yatim, institusi pendidikan Islam dan lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, *'āmil*, muallaf, *al-riqāb*, *ghārim*, *fi sabīllillah* dan *ibnu sabīl*.

3.3.2 Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*

Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menguruskan asnaf *al-riqāb*. Pada awalnya ia dikenali sebagai Unit Dakwah *Al-Riqāb* dan ditubuhkan pada Mei 2006. Objektif di awal penubuhannya ialah untuk memberi perlindungan, rawatan dan pemulihan kepada mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial. Pada Disember 2009, unit ini telah diperkasakan menjadi satu bahagian merangkumi Baitul Ehsan, Baitul Iman dan Unit Penyelarasan *Al-Riqāb*. Seterusnya ianya dijenamakan semula sebagai Unit Penyelarasan *Al-Riqāb* yang merangkumi skop tugas yang lebih luas bagi membantu individu asnaf *al-riqāb* di negeri Selangor. Bermula tahun 2010, ianya bertanggungjawab ke arah menjana program dan aktiviti bantuan serta pemulihan kepada asnaf ini selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 bagi menjamin kemaslahatan sosial dan ekonomi umat Islam agar lebih baik.

Pada masa sekarang Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* terletak di bawah Sektor Pembangunan Sosial, MAIS. Objektifnya kini adalah untuk menjalankan kuasa enakmen jenayah syariah dan undang-undang yang sedia ada, mengawal selia pusat pemulihan akidah, akhlak dan dadah serta memantau dan menyelaras rumah kebajikan *al-Riqāb* di negeri Selangor.¹⁶² Manakala fungsinya pula adalah sebagaimana berikut:¹⁶³

¹⁶² Direktori Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

- a) Memperkasa dan menguatkuasa undang-undang *al-riqāb* melalui fatwa, peraturan, SOP dan yang berkaitan.
- b) Membangun dan melaksanakan modul *al-riqāb* dengan teratur dan berkesan.
- c) Menyalurkan bantuan kepada asnaf pemulihan *al-riqāb*.
- d) Meningkatkan hubungan kerjasama dengan agensi luar bagi membebaskan asnaf *al-riqāb*.
- e) Membebaskan mereka yang terjebak dalam masalah sosial dan akidah agar kembali bertaubat.
- f) Mengawal selia Pusat Pemulihan Akidah dan akhlak serta menyelaras Rumah Pemulihan *al-riqāb*.
- g) Mencegah penularan penyakit sosial dan akidah di kalangan masyarakat Islam.
- h) Meningkatkan kualiti tadbir urus perkhidmatan kakitangan dan kewangan *al-riqāb* dalam suasana kerja yang kondusif.

Bahagian ini juga mempunyai misi tersendiri iaitu membebas dan membangunkan sahsiah asnaf *al-riqāb* melalui kaedah merawat, memulih dan memberi perlindungan secara menyeluruh dan berkesan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.¹⁶⁴ Jenis-jenis bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:¹⁶⁵

- a) Bantuan Rumah Sewa
- b) Bantuan Bulanan
- c) Bantuan Perubatan
- d) Bantuan Modal
- e) Bantuan Baik Pulih

¹⁶³ Laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dicapai 1 Ogos 2017, <http://www.mais.gov.my> dan Direktori Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*.

¹⁶⁴ Direktori Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*.

¹⁶⁵ *Ibid.*

- f) Bantuan Guru Pembimbing
- g) Bantuan Sumbangan Program/Aktiviti
- h) Bantuan Pengurusan Operasi Rumah HIV/AIDS
- i) Bantuan Pengurusan Rumah Pemulihan
- j) Bantuan Guaman
- k) Bantuan Pengurusan Jenazah
- l) Bantuan Pengajian
- m) Bantuan Individu Terkesan
- n) Bantuan Sumbangan Hari Raya

Melalui pelan strategiknya pula, bahagian ini akan menjalankan tanggungjawabnya sepertimana berikut:¹⁶⁶

i. Pendaftaran

Mendaftarkan asnaf *al-riqāb* dan rumah pemulihan *al-riqāb* dengan kerjasama agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

ii. Bantuan

Memulihkan akhlak dan motivasi pelatih melalui modul bersepadu dari segi fizikal, intelek, emosi dan rohani.

iii. Rawatan¹⁶⁷

Merawat pelatih melalui dua cara iaitu rawatan rohaniah dan rawatan secara klinikal.

iv. Kawalan

Mengawal dan mencegah aktiviti yang boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke lembah maksiat dan murtad.

¹⁶⁶ *Ibid.*

¹⁶⁷ Ertinya proses penyembuhan secara klinikal dan rohaniah melalui agensi yang mempunyai bidangkuasa ke atas *al-riqāb* bagi menyembuhkan penyakit yang sedang dihadapi.

v. Perlindungan¹⁶⁸

Melindungi para pelatih di tempat yang selamat bagi memastikan penyakit yang membelenggu pelatih tidak merebak kepada orang lain dan boleh dirawat.

vi. Pemulihan¹⁶⁹

Memberi sokongan material untuk mereka meneruskan kehidupan secara normal.

3.3.3 Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial


Selain daripada Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, di bawah MAIS juga terdapat Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial yang bertanggungjawab dalam mengurus perolehan dan agihan kepada asnaf *al-riqāb*.¹⁷⁰

¹⁶⁸ Ertinya melindungi *al-riqāb* melalui kaedah yang tertentu bagi memastikan penyakit atau masalah yang sedang membelenggu daripada merebak kepada orang lain dan proses pembebasan masalah yang sedang membelenggu berjaya dilaksanakan.

¹⁶⁹ Ertinya proses pemulihan melalui latihan dan aktiviti-aktiviti yang tertentu berasaskan modul, kaunseling atau khidmat nasihat yang teratur bagi mengubah tingkahlaku negatif dan membangunkan peribadi di kalangan *al-riqāb*.

¹⁷⁰ Laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dicapai 1 Ogos 2017, <http://www.mais.gov.my>.

Jadual 3.3: Carta Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*
(Kelulusan JKSM Bil.3/2014)



3.4 Perundangan Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor

Semua fatwa yang diwartakan oleh kerajaan maka ia dianggap sebagai undang-undang. Berhubung dengan *al-riqāb* di Selangor, terdapat beberapa fatwa berkenaan dengan asnaf ini. Antaranya ialah fatwa tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor pada tahun 1994, Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial Dalam Menjamin Akidah Umat Islam Agar Mereka Kembali Ke Pangkal Jalan pada tahun 2011 serta Jenis Penerima Asnaf *Al-Riqāb* Negeri Selangor dan Apa-apa Yang Berkaitan Dengannya pada tahun 2012. Kesemua fatwa ini menggariskan berkenaan dengan pentafsiran, jenis penerima, hukum penggunaan wang zakat, kriteria, konsep agihan dan jenis bantuan yang berkaitan dengan *al-riqāb*. Di samping itu terdapat juga fatwa yang berkaitan dengan Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya. Di dalam fatwa ini, salah satunya ada menyebut tentang pembinaan pusat perlindungan Baitul Iman dan Baitul Ehsan yang dibina dan dibiayai melalui dana asnaf *al-riqāb*.

Menjadi tanggungjawab jawatankuasa *al-riqāb* negeri Selangor untuk membantu menguruskan asnaf ini berdasarkan perundangan yang betul. Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) No.9 1995 menyebutkan bahawa majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam warta menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud enakmen ini.¹⁷¹

Oleh yang demikian pada tahun 2014, satu Garis Panduan Pengurusan dan Operasi Rumah Pemulihan Majlis (Negeri Selangor) telah digubal dan diluluskan dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor. Ia bagi membolehkan rumah pemulihan

¹⁷¹ Laman sesawang Portal Rasmi E-Syariah, dicapai 4 Ogos 2017, <http://www2.esyariah.gov.my>.

Majlis melaksanakan tanggungjawab sebagai pusat pemulihan yang diwartakan di bawah peruntukan Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995. Antara yang terkandung di dalam garis panduan ini ialah tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu diberi perhatian oleh majlis, pendaftar *al-riqāb*, penguasa, pegawai dan juga pelatih. Selain itu terdapat juga garis panduan tentang penerimaan dan pendaftaran masuk serta prosedur mengeluarkan pelatih.¹⁷²

Di dalam seksyen 54(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) No.9 1995 pula menetapkan bahawa jika mana-mana mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan yang berhubung dengan akidah serta kesucian agama Islam dan institusinya, maka mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang tersebut menjalani kaunseling atau pemulihan di suatu pusat pemulihan diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu. Demikian juga dalam seksyen 54(2) iaitu bagi mana-mana orang perempuan yang melakukan kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan, mahkamah juga boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.¹⁷³

Sehubungan dengan perundangan ini, maka asnaf *al-riqāb* yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah akan menjalani rawatan dan pemulihan di rumah pemulihan sama ada secara sukarela atau dengan perintah mahkamah.

¹⁷² Garis Panduan Pengurusan Dan Operasi Rumah Pemulihan Majlis (Negeri Selangor) 2014 (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor, 2014).

¹⁷³ Laman sesawang Portal Rasmi E-Syariah, dicapai 4 Ogos 2017, <http://www2.esyariah.gov.my>.

3.5 Fatwa Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor

Fatwa berkaitan *al-riqāb* telah diputuskan dari masa ke semasa sebagai panduan kepada pihak pentadbir zakat. Fatwa-fatwa tersebut dapat dirumuskan dalam beberapa perkara berikut:

3.5.1 Pentafsiran *Al-Riqāb* Di Selangor

Fatwa tentang sistem agihan zakat negeri Selangor pada tahun 1994 telah mentakrifkan *al-riqāb* sebagai hamba atau amah. Asnaf ini digunakan untuk membantu hamba *mukatāb* memerdekakan dirinya atau membeli hamba atau amah kemudian dimerdekakannya. *Diqiyāskan* oleh kerana di negeri Selangor tidak ada hamba, maka disyorkan asnaf ini dibelanjakan untuk perkara-perkara seperti bantuan pemulihan akidah kepada penganut-penganut ajaran sesat, bantuan pemulihan akhlak kepada GRO, pelacur, bohsia, bohjan dan penagih dadah, bantuan/dermasiswa kepada pelajar-pelajar agama yang sedang belajar di universiti tempatan/luar negeri, sekolah menengah, sekolah rendah dan tadika Islam, bantuan membina pusat pengajian iaitu sekolah menengah agama, asrama, sekolah rendah agama, tadika Islam, pondok pesentren dan balai dakwah, bantuan keperluan pusat pengajian serta bantuan umum pelajaran.¹⁷⁴

Kemudian asnaf ini telah diberi pentafsiran yang lebih luas yang digunapakai sehingga sekarang iaitu seseorang beragama Islam yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya dan tidak berkemampuan untuk membebaskan dirinya daripada kebelengguan tersebut seperti yang disenaraikan dalam Jadual¹⁷⁵ atau apa-apa tafsiran lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa.¹⁷⁶

¹⁷⁴ Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Warta Kerajaan Negeri Selangor 29 Ogos 1994, Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.

¹⁷⁵ Rujuk Jadual 3.4.

3.5.2 Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah membuat keputusan seperti berikut:¹⁷⁷

Hukum penggunaan wang zakat asnaf *al-riqāb* bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah diharuskan.

Berdasarkan fatwa tersebut telah diputuskan bahawa hukumnya adalah diharuskan berdasarkan mekanisme tertentu.

3.5.3 Kriteria *Al-Riqāb*

Selain daripada syarat-syarat umum pengagihan zakat, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa dua kriteria berikut perlu diambilkira dalam menentukan golongan yang boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb*:¹⁷⁸

- a) Tiada sumber kewangan yang cukup dan/atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain.

¹⁷⁶ Undang-undang Negeri Selangor “Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqāb (Negeri Selangor) 2013” *Warta Kerajaan Negeri Selangor* 1 Ogos 2013 (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor, 2013), 5.

¹⁷⁷ Fatwa diputuskan pada 31 Mac 2011. Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai 3 Jun 2017, <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/197-hukum-penggunaan-wang-zakat-asnaf-riqab-bagi-mereka-yang-terbelenggu-dengan-masalah-sosial-dalam-menjamin-akidah-umat-islam-agar-kembali-ke-pangkal-jalan>.

¹⁷⁸ *Ibid.*

- b) Seorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belenggu yang dihadapi.

3.5.4 Konsep Agihan *Al-Riqāb*

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan perkara berkaitan pelaksanaan pengagihan terhadap asnaf *al-riqāb* sebagai rujukan dan panduan kepada institusi zakat negerinya dalam melaksanakan pengagihan kepada asnaf ini. Mesyuarat telah bersetuju menggariskan empat konsep agihan *al-riqāb* seperti berikut:¹⁷⁹

- a) Pembayaran adalah berasaskan permohonan, siasatan dan pengesahan.
- b) Meringankan bebanan.
- c) Pembayaran hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka.
- d) Usaha memulihkan akhlak dan akidah.

3.5.5 Jenis Bantuan

Jenis bantuan *al-riqāb* pula adalah seperti berikut:¹⁸⁰

- a) Bantuan pemurnian akidah.
- b) Bantuan pemulihan akhlak
- c) Tabung pembebasan *fī al-riqāb*

¹⁷⁹ *Ibid.*

¹⁸⁰ *Ibid.*

3.5.6 Pihak dan Golongan Yang Berhak Menerima Bahagian *Al-Riqāb*

Senarai jenis penerima agihan asnaf *al-riqāb* berikut adalah layak menerima bantuan zakat *al-riqāb* melalui perantara mana-mana institusi, pusat, badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan hukum syarak yang berfungsi melaksanakan tugas-tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf *al-riqāb* supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam:¹⁸¹

Jadual 3.4: Senarai Jenis Penerima Agihan Asnaf *Al-Riqāb*

Masalah sosial	Masalah Akidah
(a) Terbelenggu dengan dadah: <ol style="list-style-type: none"> i. Penagih dadah. ii. Bekas penagih dadah. 	(a) Terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat: <ol style="list-style-type: none"> i. Doktrin palsu. ii. Mengaku menjadi nabi. iii. Menghina Islam. iv. Pemujaan salah. v. Mempersendakan Al-Quran dan Hadith.
(b) Terbelenggu dengan masalah jenayah syariah: <ol style="list-style-type: none"> i. Minum arak. ii. Zina. iii. Judi. iv. Khalwat. v. Buang anak. vi. Mengandung luar nikah. 	(b) Memurnikan akidah orang Islam yang terpesong. <ol style="list-style-type: none"> i. Orang yang ingin/berhasrat murtad. ii. Orang yang dalam proses <i>istitābah</i>.

¹⁸¹ Fatwa diputuskan pada 7 Jun 2012. Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai 3 Jun 2017, <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/268-fatwa-jenis-penerima-asnaf-al-riqab-negeri-selangor-dan-apa-apa-yang-berkaitan-dengannya>.

Jadual 3.4: Sambungan

<ul style="list-style-type: none"> vii. Mempersendakan al-Quran dan hadīth. viii. Sumbang mahram. ix. Persetubuhan haram. x. Muncikari (ibu ayam). xi. Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam. xii. Dan lain-lain yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. 	
<p>(c) Terbelenggu dengan amalan salah Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak solat. ii. Tidak puasa. iii. Buang anak. iv. Usaha ingin bunuh diri. v. Hidup bersama pelacur. 	
<p>(d) Terbelenggu dengan gaya hidup sonsang:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelacur. ii. Lesbian. iii. Mak Nyah (Transexual). iv. Gay. v. Homoseksual. vi. Gigolo. vii. Bisexual. viii. Pengkid. ix. Tomboy. x. Bersedudukan dengan orang bukan Islam. 	

Jadual 3.4: Sambungan

<p>(e) Terbelenggu dengan kes juvana:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Gangster. ii. Jenayah melibatkan harta benda. iii. Pergaduhan yang melibatkan kecederaan. iv. Kes rompak. v. Pecah rumah. vi. Kes rogol. vii. Jenayah yang melibatkan peralatan senjata yang merbahaya. viii. Ugutan yang melibatkan keganasan. 	
<p>(f) Terbelenggu dengan penyakit kronik :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penyakit HIV/AIDS. ii. Kanser/barah. iii. Tibi. iv. Hepatitis. v. Dan lan-lain. 	

3.5.7 Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya

Berdasarkan fatwa yang telah diputuskan, dana zakat harus diagihkan kepada mana-mana asnaf dalam bentuk agihan secara manfaat. Kos pengurusan agihan secara manfaat seperti kos keperluan pentadbiran dan pengurusan, sumber manusia dan keperluan peralatan asasi yang munasabah boleh dibiayai melalui dana zakat. Sumber pembiayaan

kos-kos agihan zakat secara manfaat hendaklah diambil berdasarkan kepada dana asnaf tersebut diagihkan. Sebagai contoh:¹⁸²

- a) Pembinaan pusat perlindungan Baitul Iman dan Baitul Ehsan yang dibina dan dibiayai melalui dana asnaf *al-riqāb*.

Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolumen kakitangan, emolumen tenaga pengajar dan segala keperluan asas pusat perlindungan tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf *al-riqāb*.

3.6 Kaedah Agihan Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor

Pengagihan zakat ke atas asnaf *al-riqāb* di negeri Selangor dilaksanakan dengan merujuk kepada konsep pengagihan yang telah digariskan oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor iaitu pembayaran adalah berasaskan kepada permohonan, siasatan dan pengesahan, meringankan bebanan, pembayaran hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka serta usaha memulihkan akhlak dan akidah.¹⁸³

Di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqāb* (Negeri Selangor) 2013, Majlis¹⁸⁴ hendaklah melantik seorang Ketua Pendaftar *al-Riqāb* dan Pendaftar-Pendaftar *al-Riqāb* untuk menyenggarakan suatu Daftar *al-Riqāb* dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran *al-riqāb*. Butiran berkenaan dengan *al-riqāb* di dalam Daftar *al-Riqāb* hanya boleh dipinda dan dibatalkan oleh Pendaftar *al-Riqāb*.

¹⁸² Fatwa diputuskan pada 2 Februari 2012. Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai 4 Julai 2017, <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/219-hukum-agihan-zakat-dalam-bentuk-manfaat-dan-sumber-pembiayaan-pengurusannya>.

¹⁸³ Majlis Fatwa Negeri Selangor 31 Mac 2011.

¹⁸⁴ "Majlis" ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pendaftar hendaklah memastikan supaya suatu Daftar *al-Riqāb* disimpan dalam apa-apa bentuk serta mengandungi maklumat peribadi dan apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu. Seterusnya pendaftar hendaklah mengeluarkan Perakuan Pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis. Seseorang *al-riqāb* hanya layak mendapat bantuan pemulihan apabila telah berdaftar dengan peraturan-peraturan ini, dengan perintah mahkamah atau secara sukarela mendaftar masuk mana-mana Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Perlindungan *al-Riqāb*. Kesan daripada pendaftaran ini maka seseorang *al-riqāb* layak untuk mendapat rawatan, pemulihan atau perlindungan bagi membebaskan dirinya daripada status *al-riqāb*.¹⁸⁵

Prosedur dan kaedah pengagihan zakat bagi asnaf *al-riqāb* akan dilaksanakan berpandukan fatwa ini dan dalam masa yang sama seiring dengan sumber utama iaitu al-Quran sebagai asas kepada pelaksanaan agihan. Dalam perkara ini, agihan dilaksanakan ketika asnaf tersebut terbelunggu. Kaedah ini adalah berasaskan kepada firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah ayat 60 yang membezakan empat asnaf pertama dengan mendahulukan kalimah “ *lī* ” dan empat asnaf terakhir digunakan kalimah “ *fī* ”. Oleh yang demikian, *al-riqāb* termasuk dalam kategori empat asnaf terakhir yang mana pengagihan kepada asnaf berasaskan kepada keperluan mereka. Kalimah *wa fī al-riqāb* di dalam ayat tersebut dikaitkan dengan “*fī al-zarfiyah*” iaitu bahagian zakat diagihkan bagi memenuhi *masalahah* iaitu membebaskan mereka daripada belunggu. Oleh itu agihan bukanlah bersifat pemilikan individu.

Seseorang *al-riqāb* yang telah berjaya dipulihkan sehingga bebas dari apa-apa perkara yang membelunggu akan dirinya boleh dikeluarkan daripada senarai Daftar *al-Riqāb*. Kesan pembatalan pendaftaran ini, maka Majlis boleh memberhentikan

¹⁸⁵ Peraturan 26, 27 dan 29, Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqāb (Negeri Selangor) 2013.

peruntukan kewangan dan apa-apa bantuan yang diberikan.¹⁸⁶Walaupun bagaimanapun perlu dibuat penilaian pula sejauh mana asnaf tersebut telah pulih. Selagi asnaf belum benar-benar pulih, maka wajib diberikan agihan zakat demi menjaga akidahnya supaya kekal dalam iman.¹⁸⁷

Agihan kepada asnaf ini dibuat melalui perantara dan bukannya terus kepada asnaf memandangkan golongan yang terbelunggu ini pastinya tidak akan mampu menguruskan wang dengan cara yang betul.¹⁸⁸ Perantara di sini bermaksud mana-mana institusi, pusat, badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan hukum syarak yang berfungsi melaksanakan tugas-tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulihkan asnaf *al-riqāb* supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam.¹⁸⁹ Oleh yang demikian bantuan zakat ini tidak diberi terus kepada penerima zakat sebaliknya diberikan melalui mana-mana perantara yang berdaftar untuk diagihkan kepada asnaf. Tertakluk kepada Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis, Majlis hendaklah memperuntukkan sejumlah wang melalui Lembaga Zakat Selangor bagi membantu proses pemuliharaan *al-riqāb* dan melaksanakan fungsi, tanggungjawab dan aktiviti Rumah Pemuliharaan *Al-riqāb*.¹⁹⁰

Dalam memastikan agihan ke atas asnaf *al-riqāb* berjalan dengan lancar, rumah perlindungan *al-riqāb* memainkan peranan sebagai perantara yang menyampaikan agihan. Rumah Pemuliharaan *Al-Riqāb* ertinya mana-mana Rumah Pemuliharaan *Al-Riqāb* yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan berdaftar di bawah

¹⁸⁶ *Ibid.*, Peraturan 36-37.

¹⁸⁷ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemuliharaan *Al-Riqāb*), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Oktober 2017.

¹⁸⁸ *Ibid.*

¹⁸⁹ Majlis Fatwa Negeri Selangor 7 Jun 2012.

¹⁹⁰ Peraturan 40, Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemuliharaan dan Pengawalan *Riqāb* (Negeri Selangor) 2013.

Majlis di bawah peraturan 31 yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap *al-riqāb*.¹⁹¹ Terdapat 29 buah rumah pemulihan *al-riqāb* mengikut daerah di Selangor. Dua daripadanya adalah di bawah MAIS iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Manakala selebihnya adalah di bawah badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang berdaftar dengan MAIS.¹⁹² Berikut adalah merupakan senarai rumah pemulihan *al-riqāb* yang terdapat di Selangor:

Jadual 3.5: Senarai Rumah Pemulihan *Al-Riqāb* Di Bawah MAIS Dan Rumah Pemulihan *Al-Riqāb* Di Bawah NGO Yang Berdaftar Dengan MAIS

Bil	Nama Rumah Pemulihan <i>Al-Riqāb</i>	Kategori	Daerah
1.	Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS	Masalah Sosial/ Perintah Mahkamah (Wanita/Remaja)	Sabak Bernam
2.	Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, MAIS	Masalah Sosial/Akidah/ Perintah Mahkamah (Lelaki)	Hulu Selangor
3.	Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah	Masalah Sosial (Perempuan)	Gombak
4.	Rumah Sahabat	Masalah Dadah/Sosial (Lelaki)	Hulu Langat
5.	Bela Insan	Masalah Dadah (Lelaki)	Hulu Langat
6.	Rumah Sahabat Perkid	Masalah Sosial (Lelaki)	Hulu Langat
7.	Rumah Kebajikan Perkid	Masalah Sosial (Perempuan)	Hulu Langat
8.	PAFI Ampang	Golongan LGBT (Lelaki)	Hulu Langat

¹⁹¹ *Ibid.*, Peraturan 3.

¹⁹² Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*).

Jadual 3.5: Sambungan

9.	Rumah Perlindungan dan Bimbingan Wanita Bayt Baitul Rahmah	Masalah Sosial (Perempuan)	Hulu Langat
10.	Rumah Solehah Kanak-kanak Ampang	Kanak-kanak HIV	Hulu Langat
11.	Rumah Penawar (Batang Kali)	Masalah Dadah/Sosial/HIV/AIDS (Lelaki)	Hulu Selangor
12.	Baitul Islah	Masalah Sosial (Perempuan)	Hulu Selangor
13.	Rumah Perlindungan dan Rawatan Budi	Masalah Dadah/HIV/AIDS (Lelaki)	Hulu Selangor
14.	Teduhan Kasih	Masalah Dadah/HIV/AIDS (Lelaki)	Hulu Selangor
15.	Prokim Malaysia	Masalah Dadah/Sosial (Lelaki)	Hulu Selangor
16.	Rumah Wahidayah	HIV (Perempuan)	Hulu Selangor
17.	Rumah Pemulihan Akhlak Insani	Masalah Dadah/Sosial (Lelaki dan Perempuan)	Hulu Selangor
18.	Rumah Penawar (Port Klang)	Masalah Dadah/Sosial/HIV/AIDS (Lelaki)	Klang
19.	Rumah Hidayah Insani	Masalah Dadah/Sosial (Lelaki)	Klang
20.	Rumah Penjagaan Damai	Masalah Mental (Lelaki)	Klang
21.	Rumah Kebajikan Darul Islah Lil Banat	Masalah Sosial (Perempuan)	Klang
22.	Pertubuhan Amal dan Kebajikan Anak-anak Islam Tersisih Selangor (PAKATs)	Kanak-kanak HIV (Lelaki)	Klang

Jadual 3.5: Sambungan

23.	Rumah Ikhtiar	Masalah Sosial/Dadah (Lelaki)	Kuala Langat
24.	Rumah Penawar (HQ)	Masalah Dadah/Sosial/HIV/AIDS (Lelaki)	Kuala Selangor
25.	Rumah Darul Ukhwah	Masalah Dadah/HIV/AIDS (Lelaki)	Petaling
26.	Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah Selangor	Masalah Sosial (Perempuan)	Petaling
27.	Rumah Puteri Arafiah	Masalah Sosial (Perempuan)	Petaling
28.	Rumah Safiyyah	Kanak-kanak Terabai/ Keganasan Rumahtangga (Perempuan)	Petaling
29.	Rumah Penawar (Desa Manzil)	Masalah Dadah/Sosial/HIV/AIDS (Lelaki)	Sabak Bernam

Sumber: Direktori Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*

Justeru, mana-mana pusat pemulihan atau rumah perlindungan yang ingin mendapatkan bantuan zakat *al-riqāb* perlu membuat permohonan kepada MAIS berdasarkan anggaran perbelanjaan yang diperlukan. Apabila permohonan diterima, pihak MAIS akan menjalankan siasatan dengan melihat kepada kriteria-kriteria sebagaimana yang telah digariskan oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor iaitu ketiadaan sumber kewangan yang cukup dan/atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain serta seseorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belunggu yang dihadapi. Setelah memenuhi kriteria-kriteria yang digariskan, MAIS akan membuat pengesahan iaitu individu tersebut layak untuk menerima bantuan zakat

asnaf *al-riqāb* yang mana dengan bantuan tersebut dapat meringankan beban pusat pemulihan dalam menjalankan usaha memulih akhlak atau akidah asnaf berkenaan. Agihan yang disalurkan juga akan mengambilkira jumlah asnaf dan jenis-jenis kes.¹⁹³ Setiap Rumah Pemulihan *al-Riqāb* hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan atau akaun yang telah diauditkan kepada Majlis pada atau sebelum 31 Disember setiap tahun.¹⁹⁴

Telah ditetapkan bahawa sejumlah dana zakat yang diperuntukkan untuk asnaf-asnaf akan diagihkan melalui program agihan yang telah disusun. Di bawah program-program agihan ini pula disusun pelbagai aktiviti dan jenis-jenis bantuan. Jenis-jenis bantuan inilah yang akan menentukan cara dan kaedah agihan yang akan dilaksanakan ke atas asnaf. Jenis-jenis bantuan ini kemudiannya digariskan pula dengan beberapa syarat dan kaedah pelaksanaannya bagi memastikan pengagihan yang dilaksanakan adalah bersistematik. Walaubagaimanapun, jenis-jenis bantuan yang digariskan ini tidaklah bersifat kekal, sebaliknya boleh berubah, tertakluk pada pindaan yang diluluskan.

Pengurusan zakat Selangor telah menetapkan bahawa jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada asnaf *al-riqāb* terletak di bawah Program Pembangunan Insan. Antaranya ialah program dakwah *al-riqāb*, program pemulihan akhlak dan akidah serta program pemulihan pesakit HIV. Kesemua program ini sangat menekankan aspek kerohanian yang menjadi matlamat utama pembangunan insan. Ketinggian akhlak, sahsiah dan jati diri merupakan matlamat dalam pembangunan insan yang mesti dicapai untuk membangun diri dan potensi bagi membangunkan masyarakat dan negara.

¹⁹³ *Ibid.*

¹⁹⁴ Peraturan 41, Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqāb (Negeri Selangor) 2013.

Keutamaan pengagihan dana zakat *al-riqāb* ini telah melibatkan bantuan atau aktiviti ke arah untuk memulihkan asnaf dan supaya mereka dapat keluar atau bebas daripada belenggu yang dihadapi. Dengan adanya rumah pemulihan *al-riqāb* ianya juga dapat memberi perlindungan kepada asnaf. Melalui agihan zakat dilaksanakan proses pemulihan asnaf yang mana disediakan kelas-kelas dan program mengikut kategori yang berbeza. Selain daripada rumah pemulihan, di ibu pejabat Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Klang juga turut diadakan kelas-kelas pemulihan bagi asnaf yang tidak tinggal di rumah pemulihan. Mereka ini adalah berdaftar dengan MAIS sebagai asnaf tetapi hanya mendapat bantuan dengan mengikuti kelas-kelas pemulihan sahaja.

Bagi memastikan agihan dapat dijalankan secara berkesan, sebagai contoh, asnaf atau pelatih yang mempunyai masalah dadah perlu mematuhi segala syarat dan peraturan seperti wajib mengikuti kelas pemulihan dan menandatangani kehadiran. Ini kerana tujuan duit asnaf *al-riqāb* ini adalah untuk membantu memulihkan penagih agar mereka bertaubat, mengingati Allah dan mati dalam iman. Program yang dibuat adalah berbentuk pemulihan, kesedaran, pemantapan secara berkala ataupun rutin. Sekiranya asnaf tidak menghadiri kelas yang dijalankan tanpa sebab yang munasabah maka duit asnaf *al-riqāb* tidak akan diberikan. Pemberian bagi enam bulan pertama adalah berdasarkan tandatangan asnaf di buku yang membuktikan kehadiran mereka ke kelas. Apabila asnaf telah menandatangani rekod kehadiran baru boleh dibuat penyambungan bantuan duit zakat untuk tempoh enam bulan seterusnya.¹⁹⁵

Asnaf atau pelatih yang mengikuti kelas akan mendapat makanan dan minuman. Di samping itu duit agihan juga digunakan untuk bayaran guru yang mengajar kelas tersebut. Ketua Pendaftar *Riqāb* boleh, menurut budi bicaranya memberikan apa-apa bantuan yang difikirkan perlu kepada asnaf yang masih dalam proses pendaftaran *Riqāb*

¹⁹⁵ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*).

di bawah peraturan-peraturan bantuan kepada *Riqāb*.¹⁹⁶ Ini adalah seperti pemberian saguhati Hari Raya secara langsung kepada asnaf. Manakala, terdapat juga kes kecemasan iaitu bagi asnaf yang tidak tinggal di rumah pemulihan dan memerlukan duit makan dan minum, maka dibolehkan untuk mereka pergi ke kaunter ekspres zakat. Mereka boleh membuat permohonan dan diberikan bantuan kecemasan sebanyak RM200. Akan tetapi kes seperti ini sedikit dan prosedurnya agak terperinci.¹⁹⁷

3.7 Kadar Agihan Zakat *Al-Riqāb* Di Selangor

Kadar agihan zakat yang diperuntukkan untuk *al-riqāb* adalah berdasarkan jumlah asnaf serta keperluan di bawah Program Pembangunan Insan. Selain daripada keperluan asnaf itu sendiri, segala usaha ke arah pembangunan insan ini melibatkan guru agama, guru pembimbing, kaunselor, penceramah, kakitangan perubatan dan peguam yang melibatkan bayaran untuk mereka menggunakan duit zakat. Masalah sosial dan akidah merupakan sebahagian daripada masalah dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut al-Qardāwī, antara hikmah dan tujuan zakat ialah untuk kehidupan kemasyarakatan yang secara umumnya zakat merupakan suatu bahagian daripada sistem jaminan sosial dalam Islam bagi mengatasi masalah kehidupan dan kemiskinan.¹⁹⁸

Selain daripada terbelenggu dengan sesuatu keadaan, asnaf *al-riqāb* yang memperoleh agihan zakat ini juga adalah mereka yang tiada sumber kewangan yang cukup. Oleh yang demikian agihan zakat ke atas *al-riqāb* ini dapat dikategorikan sebagai keperluan. Dan apabila statistik yang menunjukkan masalah sosial yang tinggi dan ditambah pula dengan keadaan hidup yang mendesak dan miskin, maka keperluan

¹⁹⁶ Peraturan 29(2) “Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqāb* (Negeri Selangor) 2013.

¹⁹⁷ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*).

¹⁹⁸ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fī Daw’ al-Quran wa al-Sunnah*, 848-876.

ke atas agihan untuk *al-riqāb* ini juga dianggap sebagai keperluan yang mendesak. Ini selaras dengan pendapat Ibnu al-Qayyim iaitu asnaf *al-riqāb* dikategorikan sebagai penerima zakat kerana hajatnya. Pemberian zakat adalah mengikut kekuatan hajat tersebut, sama ada mendesak atau tidak, banyak atau sedikit.¹⁹⁹ Dalam agihan zakat kepada *al-riqāb*, prinsip yang amat penting ialah untuk memenuhi keperluan bagi mengeluarkan mereka daripada belenggu yang dihadapi. Bagi kadar agihan zakat *al-riqāb*, perincian agihan dapat dilihat sebagaimana berikut:

Jadual 3.6: Perincian Agihan Zakat *Al-Riqāb*
(Perbandingan Bagi Tahun 2015 dan 2014)

Jenis Bantuan	2015 (RM)	2014 (RM)
Program Dakwah <i>Riqāb</i>	10,971,260	10,627,237
Emolumen Kakitangan MAIS	2,782,390	2,682,129
Program Pemulihan Akhlak	2,665,221	2,456,092
Pusat Pemulihan Dadah Tegar	2,351,175	1,062,652
Program Pemulihan Akidah	2,342,573	2,125,748
Pembinaan Kompleks Pemurnian Akidah	979,134	2,649,741
Pengurusan dan Baikpulih Baitul Ehsan	193,553	457,682
Program Pemulihan Pesakit HIV	-	635,354
Pusat Perlindungan dan Pemulihan Dadah dan HIV	-	215,014
Jumlah	22,285,306	22,911,649

Sumber: Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015

¹⁹⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, ed. Muhammad Muhyi al-Dīn, 'Abd al-Āzīz, *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed.2, jld.3, (Beirut: Dār al-Fikr,1977), 20.

Berdasarkan perincian ini, peruntukan agihan untuk program dakwah *al-riqāb* adalah paling besar berbanding dengan program pemulihan asnaf. Ini kerana usaha dakwah golongan ini memainkan peranan yang lebih penting dalam membanteras kesemua masalah akhlak, akidah dan dadah. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan, peruntukan untuk tahun 2015 menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2014. Ini disebabkan jumlah keseluruhan agihan bagi tahun tersebut adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kutipan zakat. Oleh yang demikian untuk sesetengah perbelanjaan terpaksa dikurangkan.

3.8 Manfaat Agihan Zakat *Al-Riqāb*

Program-program agihan yang disusun oleh institusi zakat telah dirancang bagi memberi manfaat dan kepentingan kepada asnaf khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Manfaat agihan zakat *al-riqāb* yang dapat dikenalpasti ini secara langsung menjelaskan skop dan ruang lingkup *al-riqāb* pada pengamalannya di Selangor. Bahagian *al-riqāb* yang diagihkan ini telah tertumpu kepada beberapa program atau aktiviti yang telah membawa manfaat kepada empat lapangan berikut:

3.8.1 Program Dakwah *Al-Riqāb*

Dalam perincian agihan zakat *al-riqāb*, program dakwah merupakan program yang melibatkan jumlah perbelanjaan yang besar. Ini menunjukkan bahawa program dakwah memainkan peranan penting bagi keseluruhan pembangunan diri asnaf. Dalam perkara ini, terdapat usaha untuk mengurangkan bilangan asnaf *al-riqāb* dan dalam masa yang sama, MAIS sentiasa bersedia untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam yang perlu ditangani secara serius. Antara fungsi dan tanggungjawab Rumah Pemulihan *Al-Riqāb* ialah meningkatkan kemajuan penghuni melalui pelaksanaan aktiviti pembangunan

modal insan dengan pendekatan *dakwah bī al-hikmah* serta penggunaan kewangan yang cekap dan optimum.²⁰⁰ Program dakwah dijalankan dalam pelbagai bentuk dan pengisian. Manfaat agihan dalam perkara ini boleh dilihat dalam beberapa aktiviti pengagihan seperti pembiayaan kepada aktiviti dan program dakwah/keagamaan, program ceramah agama, kursus-kursus agama dan pengajian al-Quran. Aktiviti-aktiviti ini akan didanai dari dana *al-riqāb* kerana ianya adalah sebahagian daripada usaha untuk mendekatkan kembali mereka yang telah tersasar dari landasan Islam ke jalan Allah. Segala kos pengurusan di bawah aktiviti-aktiviti ini turut dibiayai dari dana *al-riqāb* seperti pemberian suguhati kepada penceramah agama dan sukarelawan dakwah.

3.8.2 Program Pemulihan Akhlak

Asnaf *al-riqāb* yang terbelenggu dengan masalah akhlak akan menjalani proses pemulihan akhlak di mana-mana rumah pemulihan *al-riqāb* yang berdaftar dengan MAIS. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan yang terletak di Sabak Bernam merupakan sebuah pusat perlindungan wanita yang ditubuhkan di bawah pentadbiran MAIS melalui peruntukan di bawah Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995 (EJSS 2003). Penghuni di Baitul Ehsan adalah merujuk kepada pelatih atau individu yang berdaftar bagi menjalani proses pemulihan dan perlindungan. Pelatih di pusat ini atau asnaf *al-riqāb* terdiri daripada tiga kategori iaitu kemasukan melalui perintah mahkamah, sukarela dan perlindungan sementara. Secara asasnya, tempoh proses rawatan, pemulihan dan perlindungan di pusat ini adalah

²⁰⁰ Peraturan 34, Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqāb* (Negeri Selangor) 2013.

selama enam bulan. Namun begitu, tempoh ini mungkin berbeza mengikut kategori dan masalah yang dihadapi oleh pelatih.²⁰¹

Di bawah program pemulihan akhlak ini telah dirangka satu modul khusus iaitu Modul Transformasi Ehsan (MTE) yang menjadi garis panduan dalam usaha membimbing dan mendorong pelatih untuk berubah secara holistik dan melahirkan sifat positif, emosi yang stabil serta membentuk amalan yang istiqamah. Di dalam modul utama MTE ini terdapat beberapa elemen iaitu dengan menggunakan angka 1957. Elemen-elemen ini adalah untuk memerdekakan asnaf daripada kebelengguan. Perinciannya ialah angka 1 merujuk kepada diri pelatih, yang menjadi fokus untuk melaksanakan segala perubahan demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Seterusnya 9 falsafah diterapkan kepada para pelatih iaitu iman, model, ukhuwwah, jati diri, pedoman, ikhlas, prihatin, ilmu, rela dan bahagia.

Semua ini akan melalui 5 proses iaitu tahap-tahap yang perlu mereka lalui ke arah perubahan menyeluruh iaitu tahu, percaya, taat, jihad dan cinta. Tahap pertama iaitu tahap tahu memerlukan ilmu pengetahuan. Setakat tahu sahaja tidak mencukupi, oleh itu perlu ada iman atau percaya yang merupakan tahap kedua. Apa yang diketahui perlu diamalkan. Memandangkan iman bersifat bertambah dan berkurang maka di sini perlunya membina ketaatan. Kemudian dalam proses untuk membina ketaatan akan mengalami cubaan dan cabaran dalam kehidupan. Jadi di situlah perlu adanya jihad iaitu kesungguhan daripada membina ketaatan. Ini kerana apabila asnaf berada di dalam tahap pulih memerlukan istiqamah dengan apa yang mereka lakukan. Di situ akan lahir rasa cinta dan takwa. Manakala 7 pula adalah tujuh aktiviti yang utama iaitu dari segi

²⁰¹ Manual Pelaksanaan Utama Modul Transformasi Ehsan (MTE), Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (MAIS dan UPSI), 2-4.

kerohanian, kemahiran, akademik, disiplin, kaunseling, jasmani dan hidup bermasyarakat.²⁰²

Seterusnya Sub Modul MTE bahagian Kerohanian pula melibatkan aktiviti-aktiviti seperti qiamullail, *nidā' subhi*, *smart* solat, kelas tahsin al-Quran, terapi sendiri, tazkirah zohor, *liqā'* asar, penawar bagi hati, kuliah maghrib, halaqah sentuhan kalbu, usrah, halaqah zikrullah dan kelas pemulihan iqra'.²⁰³ Manakala Sub Modul MTE bahagian Akademik merangkumi pengisian-pengisian berbentuk kelas-kelas pengajian akademik dan fardu ain. Ianya juga melibatkan kelas tuisyen bagi membantu pelatih menghadapi peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM. Selain itu diadakan juga kursus pra perkahwinan bagi memberi pendedahan kepada pelatih berkaitan ilmu kekeluargaan. Di samping itu program pengurusan jenazah pula diadakan sebagai sebahagian daripada pengetahuan fardu kifayah yang diperlukan oleh pelatih serta dapat memberi keinsafan dan nilai tambah kepada mereka yang menerima program pemulihan di pusat ini.²⁰⁴

Melalui program yang dijalankan ini, telah memperlihatkan manfaat dan keberkesanannya walaupun bukan seratus peratus. Hampir 80 peratus daripada pelatih dapat dipulihkan setelah menjalani program pemulihan akhlak di Baitul Ehsan ini. Sebahagian daripada tuntutan yang Allah Taala perintahkan telah dapat dilaksanakan. Penilaian prestasi pelatih dibahagikan kepada tiga berdasarkan sistem merit iaitu dari sudut fardu ain termasuklah amali, kaunseling dan pengurusan diri iaitu disiplin.²⁰⁵ Sekiranya dengan tiga perkara ini mencukupi dengan tahap yang dikehendaki, maka mereka boleh keluar dari rumah pemulihan. Jika tidak memuaskan, pelatih masih boleh

²⁰² Ustaz Makhi bin Adnan (Penguasa Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan) dalam temubual dengan pengkaji, 27 Oktober 2017.

²⁰³ Manual Fasilitator Sub Modul 2 Kerohanian, Modul Transformasi Ehsan (MTE), Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (MAIS dan UPSI), 6-7.

²⁰⁴ Manual Fasilitator Sub Modul 4 Akademik, Modul Transformasi Ehsan (MTE), Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (MAIS dan UPSI), 7.

²⁰⁵ Ustaz Makhi bin Adnan (Penguasa Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan).

meneruskan tempoh pemulihan dan menjadi asnaf sehingga tempoh maksimum iaitu setahun. Walaubagaimanapun, ini adalah untuk kes sukarela sahaja. Bagi kemasukan melalui kes mahkamah, pelatih terikat dengan enakmen ganti hukuman yang tidak membolehkan mereka menjalani pemulihan di rumah pemulihan melebihi tempoh 6 bulan.²⁰⁶

3.8.3 Program Pemulihan Akidah

Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Ulu Yam yang merupakan pusat pemulihan akidah khusus bagi lelaki juga adalah di bawah pentadbiran MAIS dan segala pengurusannya dibiayai melalui dana *al-riqāb*. Ianya merupakan usaha berterusan MAIS bagi memastikan umat Islam yang dibelenggu kembali kepada akidah Islam yang sebenar dan tidak terpesong ke jalan yang tidak diredhai. Walaubagaimanapun, secara realitinya di Baitul Iman ini, pelatih atau asnaf dicampur sekali bagi masalah akidah dan sosial. Secara umumnya, masalah sosial berkait juga dengan masalah akidah. Cuma ia bukanlah di bawah kesalahan akidah ajaran sesat. Di samping itu ianya disebabkan oleh cuma terdapat satu sahaja pusat pemulihan akidah di Malaysia iaitu Baitul Iman.

Manfaat daripada program pemulihan akidah yang dibangunkan oleh bahagian pemulihan *al-riqāb*, telah berjaya memulihkan pesalah-pesalah akidah.²⁰⁷ Melalui usaha ini juga, satu modul telah dilancarkan iaitu Modul *Istitābah*. Modul ini adalah hasil daripada Resolusi Persidangan Meja *Istitābah* dalam kerangka menangani masalah *riddah* di negeri Selangor. Modul ini dibangunkan dengan menggabungkan elemen

²⁰⁶ Cik Noor Huda bt Tajudin (Kaunselor Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan), dalam temubual dengan pengkaji, 27 Oktober 2017.

²⁰⁷ Ustaz Izhar bin Ismail (Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman), dalam temubual dengan pengkaji, 4 Disember 2017.


wahyu dan sains serta merupakan modul pertama yang menggunakan pendekatan ini bagi menangani masalah *riddah* di dunia. Modul ini dibangunkan khusus untuk memulihkan pesalah akidah dengan memaparkan proses pemulihan bermula daripada saringan klinikal, saringan kerohanian Islam dan pengukuran tahap *riddah*. Berasaskan kepada data yang diperolehi semasa sesi saringan, para pelatih akan mengikuti proses pemulihan dan pengukuhan.

Modul ini mula diuji cuba ke atas pesalah akidah iaitu Abdul Kahar Bin Ahmad yang mendakwa dirinya Rasul Melayu, di penjara Kajang selama enam bulan bermula 2 Mac hingga 25 Ogos 2015. Program ini mendapat kerjasama yang amat baik dari Jabatan Penjara Malaysia. Hasilnya Jawatankuasa Program Pemulihan Akidah bersetuju bahawa Abdul Kahar Bin Ahmad menunjukkan respon yang positif terhadap modul yang digunakan dan menunjukkan tanda-tanda dia telah mula insaf. Pada 16 Mei 2016, Abdul Kahar telah mengisytiharkan taubatnya serta menyeru kepada semua bekas pengikutnya untuk segera bertaubat.

Usaha pemurnian Modul *Istitābah* diteruskan dan akhirnya Mesyuarat Jawatankuasa *al-riqāb* MAIS Bilangan 3/2015 bertarikh 27 Ogos 2015 bersetuju meluluskan Modul *Istitābah* dan pelaksanaannya supaya masalah murtad di negeri Selangor boleh dibendung.²⁰⁸ Dalam memastikan akidah asnaf terus kekal di dalam Islam, modul ini juga menyediakan khidmat sokongan pasca pemulihan. Pelatih yang telah disahkan pulih oleh Jawatankuasa Penilaian *Istitābah* MAIS akan bebas dari asnaf *al-riqāb* namun akan terus dibantu oleh MAIS dengan menggunakan asnaf zakat yang lain dalam memastikan mereka boleh berdikari sendiri. Gambaran umum Modul *Istitābah* MAIS adalah seperti berikut:

²⁰⁸ Modul *Istitābah* (Selangor: MAIS, 2017), 2.

Jadual 3.7: Carta Umum Modul Istitābah MAIS



Sumber: Modul Istitābah MAIS 2017

Berdasarkan carta di atas, pengendalian kes murtad di negeri Selangor bermula dengan aduan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau dari Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kes dari Bahagian Penguatkuasaan JAIS adalah merujuk kes jenayah khususnya yang berkaitan dengan kesalahan akidah. Kes ini akan

dibawa ke mahkamah. Sekiranya mahkamah mendapati orang yang dituduh bersalah dan memerintahkan supaya pesalah melalui proses *istitābah*, maka pesalah akan dipulihkan sama ada di penjara atau di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Manakala kes murtad yang dirujuk ke Jabatan Mufti lazimnya merujuk kepada permohonan untuk menjelaskan status agama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 61(3)(x) Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003. Selepas sesi penasihat akidah di Jabatan Mufti Negeri Selangor, kes ini akan dirujuk ke Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Sekiranya mahkamah mengarahkan supaya proses *istitābah* dilaksanakan, maka pemohon akan dihantar ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman untuk memulakan proses pemulihan.²⁰⁹

3.8.4 Program Pemulihan Pesakit HIV

Melalui Program Pemulihan Pesakit HIV, sebuah Pusat Pemulihan Rawatan Penagih Dadah di Serendah, Hulu Selangor akan dibuka bermula Januari 2018. Program ini merupakan kerjasama di antara MAIS dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Ianya menjadi inisiatif untuk memberi perlindungan dan bantuan kepada penagih atau pesakit HIV/AIDS di Selangor. Asnaf *al-riqāb* yang tersasar dari landasan Islam terutama yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah serta hidup dengan HIV/AIDS wajar diberi peluang mendekati diri dengan Allah.

Pusat yang dinamakan sebagai Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dan AADK ini menawarkan perkhidmatan pemulihan, rawatan dan perlindungan bagi penagih dadah yang hidup dengan HIV/AIDS. Ianya dibina di atas tanah milik MAIS dengan

²⁰⁹ Modul Istitabah (Selangor: MAIS, 2017),4.

kos keseluruhan sebanyak RM9.1 juta menggunakan sumber *al-riqāb* Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pusat ini mampu menempatkan 40 orang asnaf atau penagih dan penghidap HIV/AIDS kategori lelaki pada satu-satu masa. Dengan penubuhan pusat ini, MAIS menjadi Majlis Agama Islam Negeri pertama yang melaksanakan usaha sama dengan AADK bagi program seumpama ini.²¹⁰

Dengan tertubuhnya Pusat Pemulihan Baitul Islah ini, akan menambahkan lagi pusat-pusat seperti ini yang dikendalikan sepenuhnya oleh orang Islam untuk menjaga pesakit AIDS yang beragama Islam. Ini sangat penting dalam menjaga akidah umat Islam. Selain daripada Pusat Pemulihan Baitul Islah, terdapat beberapa lagi pusat yang memberikan perlindungan dan rawatan kepada penagih dadah dan penghidap HIV/AIDS di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam dan berdaftar dengan MAIS, khusus untuk asnaf *al-riqāb*.

Dengan adanya pusat sebegini yang dapat menjaga hal ehwal asnaf, keadaan penagih dan penghidap HIV/AIDS yang ingin bertaubat akan lebih terurus. Selain daripada mendapat tempat perlindungan dan bantuan perubatan, mereka juga dipantau urusan agama. Mereka diajar cara bertaubat, mengikuti kelas-kelas agama, solat jemaah, membaca al-Quran dan berzikir. Manfaatnya ialah supaya jika mereka meninggal dunia, mereka dapat meninggal dalam Islam. Bagi yang berupaya, mereka juga dilatih dan diberi kursus dalam beberapa kemahiran supaya mereka boleh keluar bekerja dan dalam masa yang sama boleh melupakan perkara-perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan dahulu.

²¹⁰ Berita Harian, *Pusat Pemulihan Untuk Penagih HIV/AIDS*, 18 Disember 2017.

3.9 Kesimpulan

Fatwa agihan zakat negeri Selangor yang memperluaskan tafsiran *al-riqāb* telah memberi implikasi dari sudut agihan zakat dan membawa manfaat dalam beberapa aspek. Ini secara langsung telah membuka jalan kepada pengagihan untuk kelapan-lapan asnaf di negeri ini menerusi pelbagai program agihan. Selain daripada memastikan kesemua golongan asnaf terbela, ia juga salah satu usaha untuk memperkasakan lagi agihan zakat.

Agihan zakat melalui perantaraan menjadi kaedah utama untuk *al-riqāb* di mana ianya berbentuk manfaat dan dianggap lebih sesuai dengan keadaan dan keperluan untuk golongan seperti ini. Seiring dengan usaha memulihkan masalah akhlak dan memurnikan akidah, pelbagai program juga diatur untuk memartabatkan dakwah dan tarbiyyah Islam kepada golongan *al-riqāb* ini menerusi Program Pembangunan Insan. Kesemuanya ini membawa manfaat tidak hanya kepada asnaf tersebut sahaja namun ia juga lebih kepada kemaslahatan ummah.

Seiring dengan langkah perluasan tafsiran *al-riqāb* ini, penubuhan Baitul Iman yang merupakan pusat pemurnian akidah yang dikendalikan oleh MAIS dan merupakan satu-satunya institusi yang bersifat sedemikian di Malaysia menjadi pemangkin dalam memulihkan akidah asnaf. Baitul Iman dibiayai oleh LZS di bawah asnaf *al-riqāb*. Tidak setakat itu sahaja, malah Modul *Istitābah* pula dibangunkan dan menjadi modul pertama yang menggunakan pendekatan gabungan elemen wahyu dan sains bagi menangani masalah *riḍdah* di dunia. Seterusnya institusi zakat negeri ini telah mengorak langkah lagi dengan membina Baitul Islah yang menjaga kebajikan penagih dadah dan pesakit HIV/AIDS Islam yang ingin kembali ke pangkal jalan. Secara tidak langsung ia menunjukkan golongan ini mempunyai kedudukan yang penting untuk dibantu oleh institusi zakat sebagaimana asnaf-asnaf yang lain juga.

BAB 4

ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-RIQĀB* DI SELANGOR DARI PERSPEKTIF FIQH

4.1 Pendahuluan

Asnaf *al-riqāb* telah mula diberi perhatian apabila institusi zakat bagi beberapa negeri di Malaysia memutuskan untuk memperuntukkan agihan zakat kepada mereka. Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempelopori agihan zakat kepada asnaf ini selaras dengan perluasan pentafsiran terhadap *al-riqāb* dan dengan mengambilkira kepentingan untuk membebaskan mereka dari kebelengguan serta demi untuk menyelamatkan akidah umat Islam.

Pentafsiran *al-riqāb* di Selangor yang diberikan pada hari ini merupakan satu bentuk perluasan tafsiran asnaf dan telah membawa kepada kemaslahatan umat Islam. Biarpun telah diberi perluasan tafsiran dan senarai jenis penerima, namun masih tidak dapat lari daripada beberapa kesan khususnya dari sudut pengagihan. Sejak pengagihan zakat kepada asnaf ini mula dilakukan, kadar agihannya merupakan bahagian yang kedua paling rendah jika dibandingkan dengan asnaf-asnaf lain. Keadaan ini seperti menampakkan kedudukan asnaf *al-riqāb* pada keadaan yang kurang penting meskipun masalah sosial dan akidah agak meruncing khususnya di Selangor. Statistik-statistik semasa yang menunjukkan bilangan yang terlibat dengan masalah sosial dan akidah agak ketara saban tahun dan serentak dengan itu bilangan asnaf *al-riqāb* juga dijangka akan bertambah.²¹¹

²¹¹ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Oktober 2017.

Meskipun kedudukan asnaf ini adalah di tempat kelima dan berada dalam kategori empat asnaf yang terakhir iaitu dianggap kurang kepentingannya berbanding empat asnaf terawal, namun begitu asnaf *fi sabīlillāh* yang berada di dalam kategori yang sama menerima agihan yang paling banyak serta mengatasi bahagian yang diperolehi oleh asnaf fakir dan miskin. Sedangkan di masa kini tiada lagi golongan perang serta negara dalam keadaan aman. Ditambah pula dengan faktor bentuk pentafsiran *fi sabīlillāh* yang terlalu umum membolehkan asnaf ini mendapat agihan yang banyak. Menjadi persoalan bagaimana kaedah pengagihan zakat dilakukan sehingga menjadikan perolehan bahagian zakat bagi asnaf *al-riqāb* setiap tahun adalah yang kedua paling sedikit. Dalam bab ini akan dibuat analisis dan penilaian dari sudut fiqh bagi segala yang berkaitan dengan *al-riqāb* di Selangor iaitu dari aspek pentafsiran, kaedah agihan, jumlah agihan yang diperuntukkan serta manfaat agihan.

4.2 Pentafsiran Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor Dari Perspektif Fiqh

Ulama terdahulu telah mentafsirkan asnaf *al-riqāb* sebagai golongan hamba. Walaupun *al-riqāb* ini dapat diklasifikasikan sebagai hamba sahaya, *mukatāb* dan tawanan perang, namun kesemuanya tidak lari daripada skop perhambaan. Dalam era perkembangan mazhab fiqh pula, fuqahā“ telah berusaha mentafsirkan asnaf sesuai dengan pemahaman mereka terhadap nas dan realiti semasa. Oleh yang demikian, tafsiran dan pengamalan agihan zakat kepada *al-riqāb* pada masa kini telah menunjukkan perbezaan dengan konsep *al-riqāb* yang telah digariskan oleh jumhur terdahulu memandangkan sasaran pengagihannya tidak lagi diberikan kepada golongan hamba dalam erti kata yang sebenar.

Pada zaman Rasulullah SAW sesuatu perubahan hukum berlaku secara umumnya adalah berlandaskan kepada evolusi atau *al-tadarruj* dalam pensyariatian yang

dilaksanakan berdasarkan realiti semasa dan setempat bagi memastikan umat Islam mampu menerima hukum tersebut. Realiti semasa dan setempat yang dimaksudkan mempunyai hubung kait dengan adat, *'urf*, keadaan peribadi, keadaan kawasan setempat dan sebagainya.²¹² Dalam masa kini, pertimbangan dalam memperluaskan tafsiran *al-riqāb* yang relevan dengan keadaan semasa dilihat berkait dengan kaedah fiqh yang membenarkan perubahan tafsiran ini. Kaedah لا ينكر تغير الأحكام بتغير الزمان والمكان iaitu bermaksud *tidak dinafikan bahawa hukum boleh berubah dengan perubahan zaman (masa) dan tempat*;²¹³ adalah selaras dengan perubahan dan cara hidup manusia dan mempunyai kaitan dengan *'urf* atau adat semasa dan setempat yang menyebabkan keperluan yang mendesak ke atas hukum fiqh. Al-Qarḍāwī dalam banyak penulisannya sangat menekankan kepentingan mengambilkira perubahan realiti masyarakat sebelum memutuskan sesuatu fatwa.²¹⁴

Dalam pentafsiran asnaf, keadaan akan menjadi sukar apabila berlaku perubahan kehidupan dalam struktur masyarakat dan terdapat juga sesetengah golongan seperti hamba yang tidak lagi wujud dalam erti kata konsep asalnya. Justeru, pentafsiran yang sewajarnya diperlukan agar pengagihan zakat yang dilakukan benar-benar bertepatan dengan tuntutan syarak serta tidak menyimpang daripada fungsi asal pensyariatannya. Ketiadaan golongan hamba pada masa kini telah mewujudkan perundangan dan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang menggariskan berkaitan asnaf *al-riqāb* dan menjadi panduan oleh LZS dan MAIS dalam usaha menjelaskan maksud *al-riqāb* bagi meneruskan tanggungjawab mereka menyantuni asnaf ini.

²¹² Hasanah Abd. Khafidz, *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat* (Negeri Sembilan: USIM, 2017), 32-33.

²¹³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, ed. Muhammad Muhyi al-Dīn, *Abd al-Āzīz, I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed. ke-2, jld. ke-3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1977), 14.

²¹⁴ Yūsuf al-Qarḍāwī, *Taysīr al-Fiqh Li al-Muslim al-Mu'āṣir Fī Daw' al-Qurān Wa al-Sunnah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999), 37.

Pentafsiran *al-riqāb* di Selangor yang digunakan sekarang adalah berasaskan kepada fatwa tahun 2012. Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mentafsirkan seseorang yang terbelenggu di bawah satu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik diistilahkan sebagai *al-riqāb*. Fatwa ini mengambilkira keadaan *al-riqāb* pada zaman sekarang diqiyāskan dengan hamba *mukātab* dari sudut ciri-cirinya sahaja iaitu seseorang yang hampir dibebaskan tetapi terbelenggu.²¹⁵

Dalam hal ini *qiyās* ialah mentakdirkan atau menyamakan sesuatu perkara dengan sesuatu yang lain.²¹⁶ Al-Shāfi'ī pula mentakrifkan *al-qiyās* dengan pengertian yang umum, iaitu segala bentuk keterangan dan bukti yang menuntut supaya menyamai dengan hukum dalil al-Quran dan al-Sunnah.²¹⁷ Beliau berpendapat istilah ijtihad dan *al-qiyās* saling berkait maksudnya, kerana keduanya memberi makna yang sama sekalipun berbeza perkataannya.²¹⁸ Dalam menyatakan kedudukan *al-qiyās* sebagai dalil, baginya dalil *al-qiyās* bukan merupakan dalil syarak bagi kes-kes yang sudah jelas keterangan hukumnya dari al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma". Kerana beliau menganggap *al-qiyās* sebagai untuk menzahirkan hukum pada perkara *furu'* melalui persamaan 'illah hukum dengan masalah asal yang sudah jelas hukumnya.²¹⁹ Dalam beramal dengan *al-qiyās*, al-Shāfi'ī ada menetapkan beberapa rukun penting iaitu pertama, *al-Aṣl* iaitu perkara yang terdapat nas hukum mengenainya. Ia juga dinamakan sebagai perkara yang diqiyāskan ke atasnya (*al-maqīs 'alāyih*). Kedua, *al-Furū'* iaitu perkara yang tidak terdapat nas hukum padanya. Ia juga dinamakan sebagai perkara yang diqiyāskan kepada yang lain (*al-maqīs ilāyih*). Ketiga, *Hukm al-Aṣl* iaitu hukum

²¹⁵ Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Januari 2018.

²¹⁶ Zakī al-Dīn Sha'bān, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Qalam, 1974), 59.

²¹⁷ Al-Shāfi'ī, Muhammad bin Idrīs, *al-Risālah*, ed. Sheikh Ahmad ,Ali, (Damsyiq: Matba'ah Mustafā Halabī, 1940), 40.

²¹⁸ *Ibid.*, 477.

²¹⁹ Muhammad ,Ali Zafzaf, *Muḥāḍarāt Fī al-Uṣūl al-Fiqh* (Mesir: Dār al-Fikr al-,Arābī, 1970), 8.

yang telah diterangkan oleh syarak pada masalah asal. Dan keempat, *al-'Illah* iaitu sifat yang dibina daripadanya hukum bagi masalah asal.²²⁰

Berdasarkan perbincangan mengenai *al-qiyās* ini, untuk *diqiyās*kan golongan-golongan yang terbelunggu di Selangor sebagaimana yang disenaraikan sebagai *al-riqāb* maka sudah pastinya memerlukan segala hukum-hakam pada *al-riqāb* sepertimana tafsiran asalnya iaitu seseorang hamba boleh disesuaikan pelaksanaan kepada golongan ini. Dan perkara ini tidak boleh terjadi pada hukumnya. Dalam hal ini berlaku masalah untuk dikatakan pentafsiran *al-riqāb* di Selangor menggunakan aplikasi *al-qiyās*. Ini kerana *al-qiyās* memerlukan *'illah*, sedangkan dalam hal ini tidak berlaku. Sebagai contoh, situasi seseorang penagih dadah sifatnya adalah sangat berbeza dengan sifat seseorang hamba dalam erti kata sebenarnya. Oleh yang demikian, bagi pengkaji apa yang dilakukan terhadap pentafsiran *al-riqāb* di Selangor bukanlah berasaskan *al-qiyās* sebenarnya, tetapi berasaskan kepada pentafsiran yang diperluaskan merangkumi mana-mana golongan yang berada dalam situasi tertentu yang mana dengan situasi tersebut menyebabkannya berada dalam keadaan tertekan dan perlu dibebaskan. Walaubagaimanapun, dalam konteks negeri Selangor yang mana masalah sosial dan akidahnya sangat mengancam keharmonian masyarakat, maka perluasan tafsiran ini sangat perlu dilihat oleh fatwa Selangor supaya golongan ini dapat dibantu keluar daripada permasalahan tersebut.

Apa yang diamalkan pada hari ini iaitu diserahkan zakat kepada MAIS melalui LZS selaku *'āmil* untuk membebaskan asnaf *al-riqāb* daripada belunggu adalah sepertimana tafsiran ulama-ulama semasa terhadap *al-riqāb*. Pandangan ini dijadikan

²²⁰ Zakī al-Dīn Sha'abān, *Uṣūl al-Fīqh al-Islāmī*, 122.

asas dalam pengagihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor melalui penetapan kriteria *al-riqāb* iaitu seseorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belenggu dan tiada sumber kewangan yang cukup atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain. Ini bersesuaian dengan pandangan ulama semasa iaitu Ibnu „Asyur, „Abd al-Karīm Zaydān, Al-Uthaimin, Sayyid Rashid Riḍā, Mahmud Shaltut, al-Qarḍāwī dan Wahbah al-Zuhaylī. Mereka juga bersetuju dengan pendapat jumhur „ulama dengan dilakukan sedikit perluasan pada maksud *al-riqāb* tersebut merangkumi umat Islam yang terbelenggu. Dengan demikian pandangan ini pula didapati menjadi asas melalui penetapan konsep agihan *al-riqāb* yang menekankan usaha memulihkan akhlak dan akidah.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah cuba menyesuaikan pentafsiran *al-riqāb* dalam konteks kemaslahatan umat Islam pada masa kini. Walaupun terdapat pelbagai punca perubahan hukum, namun matlamatnya adalah satu, iaitu untuk merealisasikan maslahat. Berdasarkan al-Quran yang memberikan tafsiran „*wa fī al-riqāb*“ sebagai „*dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya*“, maka *maqāṣid al-syarāh* di sini adalah memerdekakan diri. Memandangkan di Selangor sudah tiada lagi perhambaan, maka diambil roh perkataan ini, dengan mentakwilkan atau mentafsirkan *al-riqāb* dengan dua perkara iaitu masalah sosial dan akidah. Ini bertujuan untuk membebaskan mereka daripada isu sosial dan juga akidah. Oleh yang demikian fokus asnaf *al-riqāb* di Selangor ini adalah tertumpu kepada masalah akidah dan sosial.²²¹ Tafsiran ini mempunyai tujuan bagi membebaskan individu daripada belenggu iaitu kuasa luaran atau keadaan yang merampas dan menjatuhkan maruah dan kebebasan seseorang sebagai seorang muslim. Dengan itu, segala usaha-usaha ini juga

²²¹ Sāhibul Samāḥah Dato“ Dr. Haji Anhar bin Haji Opir (Timbalan Mufti Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 9 November 2017.

dilihat berkaitan dengan kaedah *تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة* iaitu „*Kebijakan seseorang pemimpin atas rakyat harus berdasarkan kemaslahatan*“. Negeri Selangor menuju ke arah negeri kebajikan dan banyak membantu perkara kebajikan termasuklah pengagihan zakat kepada kelapan-lapan asnaf meliputi *al-riqāb*.²²²

Perluasan tafsiran ini juga dilihat selari dengan pandangan dan fatwa yang dikemukakan oleh ulama semasa Rashīd Ridhā dan Mahmūd Shaltūt iaitu pembebasan bangsa daripada penjajahan pemikiran, harta, kuasa dan kebebasan yang meliputi belenggu masalah sosial dan akidah.²²³ Ini juga bersesuaian dalam zaman moden ini, di mana pentafsiran *al-riqāb* perlu dibuka kepada pendapat yang lebih luas.²²⁴ Di dalam kemelut isu sosial dan akidah di Selangor, maka langkah memperluaskan tafsiran *al-riqāb* ini telah memberikan manfaat kepada umat Islam. Ini bertepatan dengan kaedah *maqāṣid al-syarāh* iaitu *درء المفسد* yang bermaksud menyingkirkan kesulitan dan menjauhkan kesusahan yang membelenggu manusia serta menyekat kepentingan buruk (*sadd al-dharāi*).

Daripada tafsiran ini, melalui peruntukan zakat untuk asnaf *al-riqāb* membolehkan untuk diguna bagi membiayai program pemurnian akidah dan program pemulihan akhlak dan seterusnya akan dapat melepaskan mereka daripada belenggu yang mana bertujuan untuk menjaga agama, akal, harta, jiwa dan keturunan.²²⁵ Ini kerana Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai banyak masalah sosial dan akidah. Dari sudut masalah sosial, statistik bagi beberapa kesalahan berhubung dengan

²²² Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor).

²²³ Dr. Azman Ab. Rahman (Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 14 November 2017.

²²⁴ Zulkifli Mohamed al-Bakri, “*Al-Riqāb*: Tafsiran Aplikasi Semasa Dari Sudut Syarak,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 6, No. 2 (2012).

²²⁵ Sāhibul Samāḥah Dato“ Dr. Haji Anhar bin Haji Opir (Timbalan Mufti Selangor).

dadah, jenayah syariah, gaya hidup songsang dan penyakit HIV/AIDS menunjukkan Selangor antara negeri yang mencatatkan angka yang tinggi bagi beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan sumber daripada Statistik Dadah, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut negeri bagi tahun antara 2013 – 2017 adalah sepertimana Jadual 4.1:²²⁶

Jadual 4.1: Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Negeri

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT NEGERI, 2013-2017					
TAHUN/NEGERI	2013	2014	2015	2016	2017
PULAU PINANG	3,043	2,780	4,280	5,081	3,844
	14.57%	12.77%	16.05%	16.47%	14.83%
KEDAH	2,702	2,535	2,945	3,862	2,655
	12.94%	11.64%	11.04%	12.52%	10.24%
SELANGOR	2,226	2,051	2,987	3,176	2,375
	10.66%	9.42%	11.20%	10.30%	9.16%
PERAK	2,789	2,716	3,106	2,639	1,557
	13.35%	12.47%	11.65%	8.56%	6.01%
KELANTAN	895	1,399	1,994	3,233	3,700
	4.28%	6.42%	7.48%	10.48%	14.27%
JOHOR	1,874	1,992	2,541	2,565	2,108
	8.97%	9.15%	9.53%	8.32%	8.13%
PAHANG	1,621	1,903	2,066	2,419	2,088
	7.76%	8.74%	7.75%	7.84%	8.05%
WP KUALA LUMPUR	1,841	1,698	1,328	1,695	1,655
	8.82%	7.80%	4.98%	5.50%	6.38%
TERENGGANU	641	579	1,022	1,676	2,044
	3.07%	2.66%	3.83%	5.43%	7.89%
NEGERI SEMBILAN	1,008	951	1,050	1,172	1,012
	4.83%	4.37%	3.93%	3.80%	3.90%
SABAH	513	940	898	1,044	1,047
	2.46%	4.32%	3.37%	3.37%	4.03%

²²⁶ Laman sesawang Agensi Anti Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, dicapai pada 1 April 2018, <http://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>

Jadual 4.1: Sambungan

MELAKA	675	845	944	930	613
	3.23%	3.88%	3.54%	3.02%	2.36%
SARAWAK	650	854	658	534	440
	3.11%	3.92%	2.47%	1.73%	1.70%
PERLIS	374	499	781	692	654
	1.79%	2.29%	2.93%	2.24%	2.52%
WP LABUAN	15	19	36	79	92
	0.07%	0.09%	0.13%	0.26%	0.35%
WP PUTRAJAYA	20	16	32	47	38
	0.10%	0.07%	0.12%	0.15%	0.15%
JUMLAH	20,887	21,777	26,668	30,844	25,922
	100%	100%	100%	100%	100%

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Berdasarkan Jadual 4.1 ini, dapat dilihat bahawa Selangor merupakan negeri yang ketiga tertinggi yang mencatatkan bilangan penagih dadah yang dikesan antara tahun 2013-2017. Di samping itu, laporan daripada AADK juga menunjukkan statistik jumlah penagih dadah berbangsa Melayu berbanding kaum lain di Malaysia adalah sangat tinggi.²²⁷ Bagi negeri Selangor sahaja, statistik penagih dadah bagi tahun 2017 menunjukkan menunjukkan bangsa Melayu mendominasi di mana seramai 1,834 orang penagih dikesan daripada jumlah keseluruhan seramai 2,375 orang.²²⁸ Keadaan ini amat membimbangkan bagi bangsa Melayu khususnya umat Islam.

Berhubung dengan kesalahan jenayah syariah, antara statistik yang diperolehi adalah bagi kes khalwat dan buang anak. Bagi kes khalwat di Malaysia, jumlah tangkapan masih mencatatkan angka tertinggi di antara kesalahan utama jenayah syariah sepertimana yang telah direkodkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

²²⁷ *Ibid.*

²²⁸ Laman sesawang Data Terbuka Malaysia, dicapai pada 2 April 2018, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-kes-penyakit-hiv-tahunan-mengikut-negeri-

bagi tempoh antara 2011 hingga 2014.²²⁹ Jadual 4.2 ini menunjukkan statistik tangkapan kesalahan khalwat mengikut negeri bagi tahun 2011 hingga 2014.

Jadual 4.2 : Statistik Tangkapan Kesalahan Khalwat Mengikut Negeri Bagi Tahun 2011 - 2014

Bil.	Negeri	Tahun			
		2011	2012	2013	2014
1.	Johor	2473	2526	1733	1269
2.	Selangor	1673	1815	1527	1484
3.	Pulau Pinang	738	921	826	750
4.	Pahang	948	584	434	475
5.	Kedah	776	541	534	387
6.	Kelantan	625	541	468	498
7.	Wilayah Persekutuan	495	439	320	279
8.	Terengganu	403	375	274	329
9.	Perak	35	924	35	160
10.	Melaka	784	-	-	-
11.	Perlis	135	119	103	59
12.	Sarawak	144	139	-	100
13.	Sabah	32	46	34	-
14.	Negeri Sembilan	-	-	-	-
Jumlah		9261	8970	6288	5790

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Daripada jadual ini menunjukkan Selangor berada pada kedudukan kedua tertinggi daripada keseluruhan negeri yang mencatatkan jumlah tangkapan yang dilakukan bagi tahun 2011 – 2014. Seterusnya bagi kes-kes buang anak, statistik Polis

²²⁹ Nurul Jzzati Mohamad, "Khalwat:Keperluan Kepada Hukuman Sebat dan Alternatif," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, No.19 (2015).

Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan Selangor mencatat jumlah kes pembuangan bayi tertinggi iaitu sebanyak 157 kes antara tahun 2010 hingga 2016. Ia diikuti Sabah dan Johor dengan masing-masing mencatat 84 kes, Kuala Lumpur 65 kes dan Sarawak 49 kes.²³⁰

Selain itu, berdasarkan petikan daripada isi khutbah Jumaat yang di sampaikan pada 24 Ogos 2018, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) khususnya Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan menjalankan tindakan berdasarkan peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 1995 sedia ada seperti peruntukan Seksyen 27 bagi kesalahan hubungan jenis bagi orang yang sama jantina, Seksyen 28 bagi kesalahan persetubuhan luar tabi'ī dan Seksyen 30 bagi kesalahan lelaki berlagak perempuan. Bagi tempoh bermula tahun 2015 sehingga 2018, sebanyak 30 aduan direkodkan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dan daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh tangkapan telah dilakukan oleh pihak penguatkuasa JAIS.²³¹ Kes-kes seperti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang agak serius kebelakangan ini walaupun termasuk dalam masalah sosial, namun ia juga adalah budaya songsang yang boleh merosakkan akidah. Malah sebilangan besar kes-kes HIV dan AIDS berpunca daripada golongan LGBT selain daripada dadah.

Dalam kes HIV/AIDS pula, statistik yang diperolehi bagi tahun 2015 hingga 2017 turut mencatatkan Selangor adalah yang tertinggi bilangannya berbanding negeri-negeri lain. Perinciannya adalah sebagaimana Jadual 4.3:²³²

²³⁰ Nazura Ngah, "Selangor Tertinggi Kes Buang Bayi," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 2 Mei 2018, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/305488/selangor-tertinggi-kes-buang-bayi>

²³¹ Abdul Halem Hapidz bin Salihin, "Menangani LGBT," laman sesawang *Portal Pengurusan Masjid*, dicapai 30 Oktober 2018, <http://www.e-masjid.jais.gov.my>.

²³² Laman sesawang Data Terbuka Malaysia, dicapai pada 2 April 2018, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-kes-penyakit-hiv-tahunan-mengikut-negeri-

Jadual 4.3: Bilangan Kes HIV Mengikut Negeri Bagi Tahun 2015-2017

BILANGAN KES HIV MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2015-2017			
TAHUN/NEGERI	2015	2016	2017
SELANGOR	767	888	968
JOHOR	451	321	347
WP KUALA LUMPUR	448	499	464
SABAH	233	256	211
SARAWAK	230	258	226
PAHANG	177	212	127
KELANTAN	169	189	136
TERENGGANU	165	134	74
PERAK	149	119	154
KEDAH	137	171	187
NEGERI SEMBILAN	133	117	112
MELAKA	128	113	113
PULAU PINANG	103	81	193
PERLIS	27	34	19
WP LABUAN	13	5	16

Lanjutan daripada statistik ini juga, didapati seramai 423 orang bangsa Melayu di Selangor yang terlibat dengan HIV bagi tahun 2015, 524 orang bagi tahun 2016 dan 550 orang bagi tahun 2017.²³³

Manakala dari sudut masalah akidah, pihak JAIS mendapati sebanyak 19 daripada 39 kumpulan ajaran sesat yang dikenal pasti sebelum ini masih bergerak aktif.

²³³ Laman sesawang Data Terbuka Malaysia, dicapai pada 2 April 2018, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-kes-penyakit-hiv-tahunan-mengikut-negeri-jantina-etnik

Hasil usaha komited dan konsisten JAIS dan agensi berkaitan, sebanyak 246 tangkapan dilakukan sepanjang tahun 2017 berkaitan ajaran sesat ini.²³⁴

Berdasarkan statistik kes-kes yang berlaku di Selangor bagi tahun-tahun kebelakangan ini menjadi *'urf* semasa untuk pengagihan zakat. *'Urf* ini memainkan peranan dari sudut pentafsiran *al-riqāb* di Selangor sehingga dikhususkan kepada belunggu masalah akidah, sosial dan kesihatan.²³⁵

Justeru, berdasarkan keadaan ini, pengagihan di bawah asnaf ini telah diberikan kepada beberapa jenis penerima asnaf *al-riqāb* yang terbelunggu dengan dadah, masalah jenayah syariah, amalan salah Islam, gaya hidup songsang, kes juvana, penyakit kronik, masalah syirik dan khurafat serta memurnikan akidah orang Islam yang terpesong. Sekiranya golongan ini tidak ditangani, maka berkemungkinan akan membahayakan masyarakat lain.

Bagi pengkaji, perluasan tafsiran *al-riqāb* di Selangor ini telah menunjukkan satu kewajaran kerana pentafsiran yang jelas dan tepat kepada asnaf yang berhak ke atas harta zakat sangat penting agar sesuai dengan keperluan semasa masyarakat Malaysia. Ini dilihat relevan dengan keadaan semasa di mana statistik masalah sosial yang tinggi di Selangor. Demikian juga dengan penularan kes-kes akidah di kalangan masyarakat Islam yang boleh mengancam kesucian agama lebih-lebih lagi isu LGBT yang sedang hangat diperkatakan sekarang yang berlawanan dengan fitrah dan merosakkan akidah. Pentafsiran asnaf yang relevan dapat mengelakkan sebarang pemahaman yang ekstrem dan sempit terhadap sistem pengagihan zakat. Perkara-perkara yang diputuskan dalam

²³⁴ Zanariah Abd Mutalib, "17 Ajaran Sesat Baharu Dikesan Tahun Lalu," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 12 Januari 2018, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/373094/17-ajaran-sesat-baharu-dikesan-tahun-lalu>

²³⁵ *Ibid.*

perundangan seperti tafsiran, hukum penggunaan wang zakat *al-riqāb* bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial, kriteria, konsep agihan, jenis bantuan dan jenis penerima menunjukkan kepada pengaplikasian bidang tafsiran dan konsep pelaksanaannya yang lebih luas.

Melalui tafsiran yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, peruntukan dana zakat *al-riqāb* yang diberikan menjurus kepada bantuan pemurnian akidah dan pemulihan akhlak telah membuka ruang kepada kepelbagaian usaha untuk diletakkan di bawah tujuan-tujuan ini. Apa yang jelas, hasil daripada perluasan tafsiran ini telah membantu usaha dan amal dalam penubuhan pusat perlindungan dan rawatan bagi kes-kes dadah, penyakit HIV dan AIDS atas tuntutan daripada keperluan fardu ain dan fardu kifayah. Sebelum tahun 2009, tidak terdapat rumah pertubuhan Islam yang menjaga pesakit AIDS yang bergama Islam. Yang ada pada masa tersebut hanyalah rumah-rumah jagaan yang dikendalikan oleh golongan bukan Islam. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Profesor Adibah Amin selaku Presiden AIDS Malaysia pada ketika itu.²³⁶

Sejajar dengan itu langkah ini telah membuka jalan kepada penubuhan Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi serta Rumah Darul Ukhuwwah di Selangor.²³⁷ Kedua-duanya merupakan rumah perlindungan dan rawatan bagi penghidap HIV/AIDS dan penagih dadah yang terawal dibina di Malaysia dan dimiliki serta dikendalikan oleh orang Islam sepenuhnya.²³⁸ Demikian juga apabila tafsiran *al-riqāb* telah diperluaskan kepada masalah akidah, telah mengembangkan lagi usaha memerangi masalah akidah di

²³⁶ En. Mahdan b. Mohamed (Penolong Pengurus, Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi), dalam temubual dengan pengkaji, 7 Disember 2017.

²³⁷ Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi serta Rumah Darul Ukhuwwah merupakan pusat perlindungan dan rawatan untuk asnaf *al-riqāb*. Kedua-dua pusat ini adalah di bawah NGO Islam dan berdaftar dengan MAIS. Ia memberi penjagaan yang khusus bagi masalah dadah dan HIV/AIDS untuk lelaki sahaja. Selain itu, bagi Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi, ia menerima juga kemasukan pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit kronik yang lain.

²³⁸ En. Idris b. Hj Hussin (Pengurus Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi), dalam temubual dengan pengkaji, 7 Disember 2017.

mana terhasilnya Modul *Istitābah* yang merupakan modul pertama seumpamanya di Malaysia yang memberikan panduan ke arah memulihkan pesalah akidah dalam kalangan umat Islam di Selangor dan mereka yang mencemarkan agama Islam.²³⁹

Walaubagaimanapun, bagi pengkaji apabila seseorang menjadi asnaf *al-riqāb* seperti pelatih-pelatih yang bermasalah sosial, sekiranya telah pulih tetapi selepas itu kembali melakukan masalah dan masuk semula sebagai asnaf *al-riqāb*, maka timbul persoalan adakah ianya benar-benar menepati tafsiran *al-riqāb* dan perkara ini perlu dikaji dengan lebih lanjut. Ini kerana secara asasnya, *al-riqāb* adalah seseorang yang terbelunggu dan akhirnya boleh dipulihkan. Dan tidak berlaku dalam sejarah seseorang asnaf *al-riqāb* kemudiannya menjadi *al-riqāb* semula. Keadaan ini dilihat seperti tidak dapat keluar daripada belunggu yang dihadapi. Namun, sekiranya seseorang pelatih itu ternyata benar-benar pulih dan insaf serta tidak akan mengulanginya, maka ia bermaksud telah benar-benar dapat keluar daripada belunggu yang dihadapi serta dari sudut pentafsiran ianya menepati fiqh.

4.3 Kaedah Agihan Zakat Kepada *Al-Riqāb* di Selangor Dari Perspektif Fiqh

Kaedah agihan zakat memainkan peranan penting dalam memastikan objektif agihan zakat tercapai. Dalam perkara ini, kaedah dan agihan kepada asnaf *al-riqāb* adalah bergantung kepada keperluan asnaf itu sendiri. Kaedah agihan untuk *al-riqāb* adalah bersifat dua iaitu melalui zat dan manfaat.²⁴⁰ Zat adalah agihan yang berbentuk pemilikan sempurna seperti pemilikan wang tunai dan bantuan modal. Manakala manfaat pula ialah agihan berbentuk bukan pemilikan sempurna seperti program

²³⁹ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*).

²⁴⁰ Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor).

perlindungan dan rumah sementara.²⁴¹ Proses pemberian zakat (*al-tamlīk*) telah dibincangkan dengan jelas oleh kebanyakan ulama terdahulu. *Al-tamlīk* bermaksud pemindahan hak pemilikan zakat daripada pembayar atau wakilnya kepada penerima yang sah mengikut syarak kecuali jika terdapat kekangan.²⁴²

Kebiasaannya, zakat diserahkan secara langsung kepada penerima supaya mereka memiliki hak penuh dalam pemilikan ke atasnya. Kesannya, penerima dapat menggunakan zakat secara optimum seperti yang mereka inginkan tanpa campur tangan daripada orang lain. Namun untuk asnaf *al-riqāb* di Selangor, agihan adalah lebih banyak berbentuk manfaat. Agihan berbentuk zat mungkin kurang kerana ia akan ditetapkan melalui pengurusan rumah-rumah pemulihan *al-riqāb* itu.²⁴³ Secara ringkasnya, kaedah agihan untuk asnaf *al-riqāb* di Selangor meliputi perkara-perkara berikut iaitu:²⁴⁴

1. Membantu asnaf hingga melepasi belunggu dan rintangan melalui pelbagai program, tindakan dan skim bantuan.
2. Membantu organisasi atau pihak yang menjalankan usaha-usaha pembaikan dan pemulihan.
3. Mengadakan pelbagai kemudahan dan keperluan pemulihan dan pendidikan meliputi infrastruktur, sumber manusia, bahan-bahan rujukan, bacaan, peralatan, pakaian, kesihatan dan sebagainya yang sesuai.
4. Membantu asnaf melalui program dan skim bantuan berbentuk ekonomi, pendidikan, kebajikan, kesihatan, kewangan dan sosial.

²⁴¹ Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor.

²⁴² Ibn Nujaym, Zayn al-, Ābidīn ibn Ibrāhīm, *al-Ashbāh Wa al-Nazāir 'alā Madhhab Abī Hanifāh al-Nu'man* (Beirut: Dār al-Kutub al-, Ilmiyyah, 1993), 346.

²⁴³ Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor).

²⁴⁴ Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor.

5. Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak yang dapat mencapai objektif agihan *al-riqāb*.

Secara umumnya konsep agihan dapat dirumuskan daripada perkataan *itā* atau beri di dalam ayat-ayat berikut:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Al-Baqarah 2:43

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

Dan Allah Taala berfirman lagi:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ﴿١١٠﴾

إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Al-Baqarah 2:110

Terjemahan: Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.

Selain itu, majoriti ulama bersetuju bahawa kaedah agihan kepada penerima zakat juga dapat difahami berdasarkan kepada ayat 60 di dalam Surah al-Taubah yang menghadkan penerima zakat kepada lapan asnaf sahaja sebagaimana ketetapan syarak.

Ini dapat disimpulkan daripada penggunaan „*Jam al-tamlik*“ kerana ia dianggap sebagai kata ganti yang menunjukkan perpindahan hak.²⁴⁵

Allah berfirman:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي

الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ

حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Al-Taubah 9:60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan *amil-amil* yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Konsep *al-tamlik* merupakan elemen penting dalam agihan zakat. Dalam membincangkan perkara ini, mazhab Hanafī berpandangan sangat tegas berbanding para fuqahā²⁴⁵ lain di mana baginya pemilikan sempurna mesti sentiasa dititikberatkan serta diperluaskan kepada semua penerima yang ditetapkan. Pemilikan sempurna juga menjadi elemen penting dalam memastikan keberkesanan pengagihan zakat²⁴⁶ dan

²⁴⁵ Al-Buhūfī, Mansūr ibn Yūnus ibn Idrīs, *Kashāf al-Qinā' 'an Matni al-Iqnā'*, vol.2 (Beirut: „Alim al-Kutub,1997), 282.

²⁴⁶ Menurut al-Kasānī, zakat ialah ibadat yang mesti dilakukan demi Allah. Dalam agihan zakat, ibadat ini hanya selesai apabila pemilik memberikan zakat secara langsung kepada penerima dan dengan itu hak pemilik dianggap telah selesai. Lihat al-Kasānī, „Alaw al-Dīn Abī Bakr ibn Mas‘ud, *Badā' i Sanā' i Fī Tartīb al-Sharā' i*, vol. 2 (Beirut: Dār al- Kutūb al-„Ilmiyya, 1986), 39.

terhasil apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi.²⁴⁷ Antaranya ialah penerima diberi kebebasan penuh untuk mengguna dan memanfaatkan harta mengikut kehendaknya. Oleh yang demikian, agihan zakat bagi tujuan membina sebuah masjid, menyediakan makanan untuk orang miskin, membayar hutang si mati dan membebaskan hamba adalah tidak termasuk. Seterusnya hanya kekayaan yang nyata dapat diagihkan demi zakat. Oleh itu, membayar zakat dalam bentuk manfaat tidak ketara, seperti memberi hak untuk tinggal di rumah, adalah tidak sah bagi Hanafi kerana tidak menganggap keuntungan sedemikian sebagai kekayaan. Di samping itu, penerima mestilah berakal (*'aqil*) dan mempunyai kemampuan untuk memiliki dan menguruskan kekayaan (*ahl al-tamalluk*). Oleh sebab itu, orang gila, bawah umur, mati dan hamba tidak layak untuk menerima zakat.

Walaupun, sebahagian fuqahā²⁴⁸ terdahulu juga membincangkan tentang keadaan di mana *al-tamlik* yang sempurna mungkin tidak diperlukan. Merujuk kepada Surah al-Taubah ayat 60 tentang pengagihan, selain penggunaan perkataan *li*, separuh daripada penerima yang lain telah disebut menggunakan perkataan *fi*. Perkataan yang berbeza digunakan untuk golongan kedua iaitu sebagai hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibnu sabīl* menunjukkan perbezaan bagaimana zakat itu harus diagihkan kepada mereka.

Mazhab Hanbali dan al-Shāfi'i membahagikan penerima zakat kepada dua kumpulan. Bagi kumpulan yang pertama yang terdiri daripada empat asnaf terawal, harta zakat hendaklah diserahkan secara langsung. Awalan *lam* dari empat kumpulan pertama menunjukkan perpindahan pemilikan mutlak kerana ia melibatkan penerima peribadi yang boleh memiliki zakat.²⁴⁸ Bagaimanapun, Malikī dalam hal ini

²⁴⁷ *Ibid.*

²⁴⁸ Al-Buhūtī, *Kashāf al-Qinā' 'an Matni al-Iqnā'*, vol.2, 103.

menganggap *ibnu sabīl* termasuk ke dalam kumpulan pertama.²⁴⁹ Pengagihan zakat berbeza untuk empat penerima yang terakhir di mana *'fi' al-zarfiyyah* menandakan bahawa pemilikan dibatasi untuk tujuan khusus sahaja. Bagi al-Qarḍawī, hal ini menjustifikasikan betapa membantu asnaf *al-riqāb* adalah suatu tuntutan yang mendesak dan tidak boleh dipandang ringan.²⁵⁰

Jika dirujuk tafsir berkaitan ayat *ahkām*, ada perbincangan tentang perkara ini iaitu mustahil bagi Allah Taala apabila menyebut perbezaan sesuatu tetapi tidak ada maksud. Sudah pasti apabila Allah menyebut sesuatu yang berbeza mempunyai maksud yang tersendiri. Menjadi peranan para ulama dalam membahaskan perkara ini. Maka sebahagiannya mentafsirkan perbezaannya ialah empat golongan pertama, zakat diberikan untuk menjadi milik kepada mereka. Adapun untuk golongan *„wa fi'* agihan zakat lebih kepada untuk memberi manfaat kepada asnaf dan ini bermaksud dibolehkan menggunakan perantara dalam agihan kepada mereka. Allah Maha Mengetahui tentang sesuatu dan penggunaan perantara dalam agihan pastinya mempunyai hikmah tersendiri untuk asnaf ini.²⁵¹

Dalam proses menyalurkan bantuan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor ini, pengagihan melalui perantara menjadi kaedah utama. Dalam perkara ini, pemberian bantuan zakat kepada asnaf ini adalah ketika mereka terbelenggu. Oleh yang demikian, dalam keadaan tersebut adalah mustahil bagi asnaf seperti penagih dan bekas-bekas penagih dadah, pesakit HIV dan AIDS, pesakit kronik yang lain dan yang seumpamanya untuk mereka dapat menguruskan duit zakat dengan cara yang betul. Agihan zakat akan

²⁴⁹ Al-Dusūqī Muhammad Ibn „Arafah, *Hāshiyat al-Dusūqī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1996), 495-497.

²⁵⁰ Al-Qarḍawī, *Fiqh al-Zakāt*, 2: 612-613.

²⁵¹ Sāhibul Samāḥah Dato“ Dr. Haji Anhar bin Haji Opir (Timbalan Mufti Selangor).

disalurkan melalui Baitul Ehsan, Baitul Iman serta rumah-rumah pemulihan *al-riqāb* yang lain. Kesemua pusat-pusat perlindungan ini menjadi perantara dalam pengagihan zakat dan bertindak menyelaraskan zakat dalam beberapa bentuk. Melalui kaedah ini, asnaf dapat menerima manfaat daripada agihan zakat dalam bentuk kelas agama, sesi kaunseling, latihan, kursus dan bengkel kemahiran yang dijalankan sepanjang proses pemulihan dan rawatan ke atas mereka dan bukan secara langsung melalui pembayaran wang atau pemberian barang.

Dalam melaksanakan agihan zakat kepada asnaf yang berhak, prinsip-prinsip agihan perlu diambilkira sebagai panduan. Bahagian Pemulihan *al-Riqāb* yang menyelaraskan kesemua bantuan kepada asnaf ini akan menjalankan siasatan dan pengesahan bagi setiap permohonan yang diterima. Dalam menentukan bantuan kepada asnaf ini, kriteria khusus yang perlu ialah beragama Islam, tiada sumber kewangan yang cukup atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain dan seseorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belenggu yang dihadapi. Begitu juga bantuan zakat diberikan hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka. Oleh yang demikian kesemua prosedur dan tatacara ini didapati menepati prinsip agihan zakat الإحصاء iaitu mendapatkan maklumat dengan lengkap yang meliputi kerja-kerja mengesan, menyiasat dan memperakukan pemohon yang berhak menerima zakat. Bertepatan juga dengan prinsip الرقابة iaitu pengawasan di mana semua agihan zakat hendaklah dilakukan dengan pengawasan dan kawalan yang rapi.

Dalam pemberian bantuan kepada asnaf, perlu dipastikan apakah bantuan zakat itu bersifat zat, manfaat atau kedua-duanya sekaligus. Sebagai contoh, jika mereka memerlukan wang, maka disalurkan kewangan yang memenuhi keperluan mereka. Jika

mereka memerlukan peralatan, maka ia juga perlu disalurkan sesuai dengan keperluan. Di sini lah peranan *'āmīl* dalam melihat apakah jenis dan bentuk bantuan yang sesuai dihulurkan, bukan sekadar wang ringgit semata-mata.

Saiyidina Umar al-Khattab berkata:

“Apabila kamu memberikan zakat kepada mereka (asnaf), maka kayakanlah (memenuhi keperluan) mereka.”²⁵²

Pihak pengurusan zakat berhak membuat ijtihad sesuai dengan keperluan asnaf. Ini kerana Allah Taala dan Rasul SAW tidak menyatakan secara jelas jumlah dan jenis bantuan bagi semua asnaf. Kaedah fiqh menyatakan “*Tiada ijtihad terhadap sesuatu perkara yang sudah dinaskan ke atasnya.*” Maka kerana tiada nas tentang perincian berkenaan, pihak pengurusan zakat boleh berijtihad dalam mencorakkan bantuan zakat. Kesemua jenis bantuan *al-riqāb* adalah dengan berkonsepkan untuk memulihkan akhlak, memurnikan akidah dan membantu mereka yang terbelenggu dengan penyakit kronik yang mana membawa kepada manfaat yang tersendiri bersesuaian dengan keadaan asnaf tersebut.

Kesemua bantuan yang berbentuk manfaat ini memerlukan perantara bagi memastikan keberhasilan pengagihan. Melalui perantara atau secara tidak langsung, bantuan seperti rumah sewa dan bantuan baik pulih rumah diberikan kepada asnaf. Akan tetapi bantuan duit zakat tidak akan diberi kepada asnaf tersebut, tetapi diberikan kepada tuan rumah untuk melunaskan bayaran sewa. Begitu juga bayaran duit zakat diberikan kepada pihak yang membaiki rumah. Bantuan perubatan pula adalah ubat yang diperlukan oleh pesakit dan rawatan berkala diberikan melalui pihak yang

²⁵² Abu „Ubayd, *al-Amwāl* (Beirut: Muassasah Nasir Lil Thaqafat, 1981), 565.

bertanggungjawab menjaga dan menguruskan asnaf. Dalam masa yang sama, setiap asnaf yang layak mendapat bantuan zakat perlu menghadiri kelas-kelas agama dan bimbingan kaunseling yang antara tujuan utamanya ialah untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah dan bertaubat selain daripada menjadi syarat penerimaan bantuan zakat. Di samping agihan secara tidak langsung, terdapat juga agihan yang diberikan secara langsung kepada asnaf. Namun ianya hanya sebahagian kecil sahaja seperti bantuan sumbangan saguhati Hari Raya.

Kesimpulannya, pelaksanaan agihan melalui perantara yang menjadi kaedah utama ini dilihat menepati objektif agihan dengan mengambilkira sebahagian besar asnaf *al-riqāb* tidak mampu untuk menguruskan duit dengan cara yang betul dan bermanfaat sekiranya duit zakat diberikan secara langsung kepada mereka. Ia adalah satu kaedah yang diizinkan syarak kerana keutamaan pengagihan kepada *al-riqāb* adalah perlu dilihat kepada manfaat atau kesan yang diperolehi oleh asnaf setelah menerima bantuan zakat. Ini bertepatan dengan prinsip *maqasīd al-syariah* yang memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pelaksanaan agihan yang menjaga prinsip *maqasīd al-syariah* ini juga membawa kepada kemaslahatan selaras dengan saranan kaedah fiqh iaitu:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

“Tindakan pemerintah ke atas rakyat, mestilah berasaskan masalah atau keperluan mereka.”

Perkara ini juga selari dengan fatwa berkenaan dengan keharusan mengagihkan dana zakat kepada mana-mana asnaf dalam bentuk agihan secara manfaat. Dalam perkara ini, pusat perlindungan Baitul Iman dan Baitul Ehsan yang dibina dan dibiayai melalui dana asnaf *al-riqāb* hukumnya adalah harus. Oleh itu, kos pengurusan agihan

zakat secara manfaat seperti kos keperluan pentadbiran dan pengurusan, sumber manusia dan keperluan peralatan asasi yang munasabah boleh dibiayai melalui dana zakat.²⁵³

4.4 Kadar Agihan Zakat Kepada *Al-Riqāb* di Selangor Dari Perspektif Fiqh

Dalam proses pengagihan zakat, jumlah peruntukan yang diberi memainkan peranan penting bagi memastikan segala program agihan yang telah dirangka dapat dijalankan dengan lancar. Negeri Selangor mempunyai satu sumber yang membolehkan zakat diagihkan kepada kelapan-lapan asnaf. Hasil daripada kutipan zakat akan diagihkan kepada semua asnaf menerusi lima program utama iaitu Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Sosial, Pembangunan Insan dan Pembangunan Institusi Agama. Jadual 4.4 menunjukkan jumlah agihan yang diagihkan kepada lapan golongan asnaf bagi tahun 2012 sehingga 2016.

Jadual 4.4: Jumlah Agihan Zakat Kepada Asnaf Lapan Di Selangor Sepanjang Tahun 2012-2016.

ASNAF	AGIHAN (RM)				
	2012	2013	2014	2015	2016
Fakir	44,331,005	53,447,469	73,858,225	97,649,765	98,441,593
Miskin	94,851,508	121,654,756	161,400,790	201,962,277	200,234,552
<i>‘Āmil</i>	56,415,628	64,663,159	72,781,986	78,402,597	84,217,035
Mualaf	23,080,149	38,754,712	52,632,083	53,776,646	60,924,010
<i>Al-Riqāb</i>	6,935,823 (1.7%)	13,220,017 (2.9%)	22,911,649 (3.5%)	22,285,306 (3.0%)	30,431,614 (4.4%)
<i>Al-Ghārimīn</i>	33,735,823	46,138,174	55,425,409	59,531,558	72,864,047

²⁵³ Fatwa Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya, 2 Februari 2012.

Jadual 4.4: Sambungan

<i>Fī Sabīlillāh</i>	140,471,029	123,722,002	155,935,155	161,237,237	150,174,800
<i>Ibnu Sabīl</i>	1,896,717	1,872,537	800,343	1,202,193	206,362
JUMLAH	401,717,682	463,472,826	595,745,640	676,047,579	697,494,013

Sumber: Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor

Secara keseluruhannya berdasarkan jadual di atas, boleh dikatakan hampir setiap tahun berlaku pertambahan jumlah dalam agihan kepada setiap asnaf. Namun jika dibandingkan dalam keseluruhan asnaf, didapati agihan zakat untuk asnaf *al-riqāb* adalah yang kedua terendah dibandingkan dengan asnaf-asnaf lain dengan peruntukan untuk asnaf ini adalah sekitar 1.7% hingga 4.4% daripada jumlah keseluruhan agihan. Daripada jumlah keseluruhan agihan ini juga dapat dikatakan bahawa kadar agihan adalah tidak sama rata dan tidak seimbang iaitu tidak tertakluk kepada 1/8 untuk setiap asnaf. Setiap tahun kadar agihan zakat kepada *al-riqāb* adalah bergantung kepada bilangan asnaf, program-program yang akan dijalankan dan juga kes-kes yang dijangka akan berlaku.

Berdasarkan temubual pengkaji, memandangkan keperluan *al-riqāb* lebih kepada bentuk manfaat, maka peruntukan untuk asnaf ini kelihatan tidak begitu besar jika dibandingkan dengan agihan berbentuk zat. Dan agihan untuk asnaf ini sememangnya tidak sampai 1/8 daripada keseluruhan asnaf lain. Selain daripada keperluan *al-riqāb* sedemikian, faktor kos juga memainkan peranan.²⁵⁴ Tahun 2017 pula menyaksikan jumlah peruntukan tahunan untuk agihan *al-riqāb* semakin menyusut di

²⁵⁴ Ustaz Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor).

mana hanya RM 16 juta sahaja yang diperuntukkan atau tiga peratus sahaja daripada keseluruhan peruntukan.²⁵⁵

Di samping itu, jumlah peruntukan *al-riqāb* yang diterima bagi tahun 2017 semakin berkurang berbanding tahun sebelumnya mungkin disebabkan oleh berlakunya sedikit penurunan dari segi bilangan asnaf yang menjalani pemulihan di rumah pemulihan *al-riqāb* di samping faktor bilangan asnaf fakir dan miskin yang semakin bertambah maka peruntukan untuk asnaf-asnaf tersebut lagi banyak.²⁵⁶

Jadual 4.5: Bilangan Pelatih/ Asnaf di Rumah Pemulihan *Al-Riqāb* Bagi Tahun 2016 dan 2017.

Bil.	Rumah Pemulihan <i>Al-Riqāb</i>	Bilangan Penghuni	
		2016	2017
1.	Baitul Ehsan	95	82
2.	Baitul Iman	29	14
3.	Rumah Ikhtiar	5	6
4.	Rumah Penawar	77	77
5.	Rumah Baitul Islah	79	48
6.	Rumah Hidayah Insani	31	48
7.	Rumah Sahabat	34	42
8.	Rumah Bela Insan	8	13
9.	Raudhatus Sakinah	36	31
10.	Rumah Budi	39	35
11.	Rumah Darul Ukhwah	42	39
12.	Rumah Kebajikan Darul Islah	27	37
13.	Rumah Penjagaan Damai	26	73
14.	Rumah Perkid	32	78
15.	Rumah Teduhan Kasih	73	75
16.	Rumah Darul Islah Līl Banat	27	20
17.	Rumah Darul Wardah	21	26
18.	Rumah Prokim	20	30
19.	Rumah Wahidayah	5	4
20.	Rumah Puteri Arafiah	35	39
21.	Rumah Safiyah	76	76

²⁵⁵ Ringkasan Prestasi Kutipan dan Agihan Lembaga Zakat Selangor 2017.

²⁵⁶ Pn. Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*).

Jadual 4.5: Sambungan

22.	Rumah PAFI	20	-
23.	Rumah Bayt Rahmah	15	8
24.	Rumah Solehah Kanak-kanak Ampang	10	8
25.	Rumah Solehah Wanita Ampang	5	5
26.	Rumah PAKAT's	9	11
27.	Rumah Pemulihan Akhlak Insani	76	66
28.	Rumah Jaringan Islam	212	-
29.	Sahabat Perkid	48	-
30.	Rumah Usrah Fitrah	-	10
31.	Rumah Sinar Salam	-	16
32.	Pusat Jagaan Titian OKU Nur	-	65
JUMLAH		1212	1085

Sumber: Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Jadual 4.5 di atas menunjukkan jumlah pelatih atau asnaf *al-riqāb* yang menjalani pemulihan di rumah pemulihan *al-riqāb* bagi tahun 2016 dan 2017. Walaupun terdapat sedikit penurunan jumlah pelatih bagi tahun 2017, namun jumlah ini belum termasuk lagi dengan jumlah asnaf yang hanya mengikuti kelas-kelas pemulihan sahaja di Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* tanpa menjalani latihan di mana-mana rumah pemulihan.

Namun demikian, asnaf *al-riqāb* merupakan antara yang paling ramai dan dijangka akan berkembang apabila berlakunya pertambahan masalah sosial dan akidah. Hal ini memerlukan lebih perhatian khususnya dari segi peruntukan agihan.²⁵⁷ Jadual-jadual 4.6 dan 4.7 berikut adalah berdasarkan maklumat yang diterima oleh pengkaji sepanjang menjalankan temubual di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*:

²⁵⁷ *Ibid.*

Jadual 4.6: Statistik Kemasukan Pelatih Perintah Mahkamah Tahun 2011-2015
Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS

Bil	Daerah	Tahun					Jumlah
		2011	2012	2013	2014	2015	
1.	Shah Alam	1	14	16	19	6	56
2.	Petaling Jaya	14	4	0	0	6	24
3.	Sabak Bernam	3	13	8	8	2	34
4.	Kuala Selangor	0	11	0	3	5	19
5.	Klang	2	7	2	1	2	14
6.	Kuala Langat	0	2	1	0	0	3
7.	Hulu Langat	6	5	3	1	1	16
8.	Gombak Timur	0	0	0	0	1	1
9.	Gombak Barat	0	0	0	0	0	0
10.	Sepang	0	0	0	0	0	0
11.	Hulu Selangor	1	2	7	7	2	19
JUMLAH		27	58	37	39	25	186

Sumber: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS

Jadual 4.7: Jumlah Klien Sesi Khidmat Nasihat Setiap Bulan Tahun 2016

Bulan	Jumlah Klien
Januari	30
Februari	30
Mac	33
April	31
Mei	30
Jun	25
Julai	27
Ogos	31

Jadual 4.7: Sambungan

September	29
Oktober	31
November	27
Disember	35
JUMLAH	359

Sumber: Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Jadual 4.7 ini menunjukkan jumlah klien sesi khidmat nasihat iaitu bagi asnaf-asnaf yang mengikuti kelas-kelas pemulihan dan bimbingan yang diadakan di ibu pejabat MAIS, Klang. Mereka ini tidak termasuk dengan yang menjalani pemulihan di rumah pemulihan *al-riqāb*.

Berhubung dengan kadar agihan untuk asnaf *al-riqāb*, tidak terdapat dalil khusus daripada al-Quran dan hadith tentang perkara ini. Dalam perkara ini fuqahā²⁵⁸ memberi beberapa pandangan tentang kadar yang diberikan kepada asnaf ini. Dari sudut kadar agihan secara sama rata, persoalan ini terbahagi kepada dua pendapat. Menurut Mazhab Hanafī, Malīkī dan Hanbalī, ayat 60 Surah al-Taubah hanya menerangkan golongan yang berhak menerima zakat dan tidak menunjukkan kewajipan sama rata pada pembahagiannya. Pendapat ini bersandarkan kepada tafsiran Ibn „Abbas R.A.²⁵⁸

المراد به بيان المصارف فإلى أيها صرفت أجزاءك

Terjemahan: Yang dimaksudkan dengannya (ayat 60 Surah al-Taubah) ialah menerangkan tentang golongan yang berhak menerima zakat. Kepada mana-mana golongan yang kamu berikan zakat, nescaya akan memadai.

²⁵⁸ Ibn Hummam, *Fath al-Qadīr*, jld.2 (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 2651.

Selain itu juga terdapat pendapat daripada Hanafī dan Malīkī bahawa tidak ditentukan golongan asnaf mana yang harus menerima zakat terlebih dahulu. Keutamaan haruslah berdasarkan keperluan asnaf. Mana-mana golongan asnaf yang memerlukan zakat pada kadar yang lebih banyak maka akan diberi keutamaan dalam menerima zakat.²⁵⁹

Manakala Mazhab Shāfi,ī dalam masalah ini telah berbeza pendapat dengan jumhur ulama. Mereka mengatakan bahawa zakat perlu dibahagikan secara sama rata sebagaimana kata Imam al-Syirazi.²⁶⁰

ويجب أن يسوى بين الأصناف في السهام ولا يفضل صنفا على صنف لأن الله سوى بينهم.

Terjemahan: Dan wajib menyamaratakan antara asnaf-asnaf pada bahagian zakat. Dan tidak boleh dilebihkan satu golongan daripada golongan yang lain kerana Allah telah menyamakan antara mereka.

Demikian juga didapati bahawa ulama-ulama Shāfi'īyyah yang terkemudian menyatakan perkara yang sama. Kata al-Sharbinī:²⁶¹

وتجب أن التسوية بين الأصناف غير العامل

Terjemahan: Dan wajib menyamakan agihan zakat antara asnaf-asnaf kecuali 'āmīl."

²⁵⁹ Wizārah al-Awqāf, *Al-Mausūah al-Fiqhiyyah*, vol.23 (Kuwait: Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwait, 2002), 331.

²⁶⁰ Al-Nawāwī, Yahya bin Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, jld. 7 (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-ʿArabī, t.t), 261.

²⁶¹ Al-Sharbinī, *Al-Iqna' Fīhi al-Alfāz Abī Syuja'*, jld.1 (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1997), 463.

Bagi pengkaji, walaupun kaedah asal pengagihan zakat, setiap asnaf berhak mendapat 1/8 bahagian daripada pengagihan wang zakat, namun pada masa kini adalah sukar dari segi praktiknya untuk mengimbangi setiap asnaf zakat itu agar memperolehi satu perlepasan bahagian bagi setiap asnaf. Ini kerana keperluan asnaf adalah berbeza mengikut kerangka kapasiti dan tanggungan keperluan asnaf itu sendiri.

Berhubung dengan kadar agihan ini pengkaji berpandangan LZS dan MAIS telah melakukan keseluruhan pengagihan zakat berdasarkan *fiqh al-awlawiyyat* iaitu mengikut keutamaan supaya tercapai matlamat pengagihan. Ini kerana semenjak beberapa tahun ini didapati bahawa pengagihan zakat di Selangor lebih banyak tertumpu kepada golongan asnaf *fi sabīlillah* bagi menampung keperluan aktiviti dakwah, pendidikan dan pengembangan syiar Islam yang secara tidak langsung membantu menangani kemiskinan jiwa, jati diri, akhlak dan ilmu dalam kalangan umat Islam. Kesemuanya ini memerlukan kos yang sangat besar dan manfaat jangka panjang. Kemudian diikuti dengan asnaf miskin, fakir, *'āmīl*, *muallaf*, *ghārimīn*, *al-riqāb* dan *ibnu Sabīl*. Namun demikian apabila asnaf *fi sabīlillah* menerima jumlah zakat yang agak besar, secara tidak langsung ia akan mengurangkan jumlah zakat yang akan diterima oleh golongan yang lain termasuklah *al-riqāb* yang setiap tahun merupakan asnaf yang kedua terendah dari sudut kadar agihan yang diterima.

Di Selangor, bantuan yang diberikan kepada asnaf *al-riqāb* terletak di bawah program pembangunan insan. Di bawah program ini dilaksanakan segala aktiviti yang bertujuan memulihkan akhlak dan akidah serta usaha-usaha yang dilakukan bertujuan memulihkan penagih dadah dan pesakit HIV. Kesemua ini pastinya memerlukan jumlah kewangan yang mencukupi kerana perbelanjaan dan kos yang besar. Setiap tahun akan diperuntukkan agihan zakat untuk program-program ini berdasarkan permohonan yang dibuat dengan mengambilkira keadaan semasa seperti bilangan asnaf yang ada dan

keperluan pengurusan program tersebut. Pada tahun 2012 sehingga 2016, jumlah agihan ke atas asnaf *al-riqāb* melalui Program Pembangunan Insan adalah seperti berikut:

Jadual 4.8: Program Pembangunan Insan

Asnaf	Jenis Bantuan	Jumlah Agihan (RM Juta)				
		2012	2013	2014	2015	2016
<i>Al-Riqāb</i>	Program Pemulihan Akhlak (Baitul Ehsan)	1.4	1.3	2.5	2.7	3.3
	Program Pemulihan Akidah (Baitul Iman)	0.5	2.9	2.1	2.3	1.4
	Pembinaan Kompleks Pemurnian Akidah	-	1.1	2.6	1.0	1.1
	Bantuan Pemulihan Pesakit HIV	0.8	0.1	0.6	-	-
	Pusat Pemulihan Dadah Tegar	-	-	-	2.4	3.1
Jumlah		2.7	5.4	7.8	8.4	8.9

Sumber: Ringkasan Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Berdasarkan jadual ini dapat dilihat berlaku peningkatan dalam jumlah agihan yang diberikan ke atas asnaf *al-riqāb* melalui Program Pembangunan Insan dan ini menunjukkan kepada keperluan kewangan yang besar terutamanya bagi usaha memulihkan dadah tegar.

Dalam pengagihan zakat, penentuan definisi asnaf adalah amat penting memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam ayat al-Quran adalah umum dan

perlu diperhalusi konsep agihan. Mujaini dalam perkara ini telah mengklasifikasikan semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori asas agihan iaitu:²⁶²

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan *ibnu sabīl*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah muallaf dan *fi sabīlillah*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah *'āmīl*.

Kenyataan ini mengukuhkan pandangan bahawa agihan ke atas *al-riqāb* di Selangor adalah satu keperluan. Dalam temubual pengkaji dengan Penolong Pengurus Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi, bantuan zakat *al-riqāb* dianggap sebagai sumber kewangan yang utama untuk pengurusan asnaf di pusat ini meskipun ia sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Walaupun terdapat juga bantuan daripada pihak lain, namun hanyalah sebahagian kecil sahaja yang menjadi inisiatif untuk menampung kekurangan dana kewangan. Tanpa bantuan daripada agihan zakat *al-riqāb*, agak sukar juga untuk membiayai segala kos untuk pusat ini. Ini kerana sebahagian besar dana *al-riqāb* digunakan untuk keperluan pesakit HIV, penagih dadah dan pesakit bagi penyakit kronik yang lain, sewa bangunan dan utiliti, apabila berlaku kematian pula memerlukan bayaran untuk pengurusan jenazah serta elaun kakitangan. Walaubagaimanapun, bayaran untuk elaun kakitangan adalah dalam jumlah yang tidak banyak kerana ia lebih kepada sukarela. Walaupun adakalanya jumlah agihan yang diberi tidak mencukupi

²⁶² Mujaini Tarimin, "Memperkasakan Ijtihad Hukum Agihan Dana Zakat: Satu Saranan Penjanaan Semula Fiqh al-Maṣārif al-Zakat," dalam *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*, ed. Muhammad Syukri Salleh et.al., (Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM, 2011), 154.

untuk menampung keperluan di pusat ini, namun dalam erti kata memandangkan segala usaha adalah bersifat kebajikan, maka ianya tetap akan menjadi cukup.²⁶³

Selain daripada menjadi keperluan, agihan kepada *al-riqāb* juga adalah berdasarkan masalah. Menurut al-Tabarī, asnaf *al-riqāb* diberikan zakat sekiranya mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan ini berkait dengan masalah khusus mereka. Namun, menurut al-Zamakhsharī, al-Razī dan Ahmad bin al-Munir, *al-riqāb* berada dalam kategori penerima zakat masalah umum. Ini kerana zakat tidak diberikan kepada hamba tetapi kepada tuannya. Manakala menurut Ibnu al-Qayyim, asnaf *al-riqāb* dikategorikan sebagai penerima zakat kerana hajatnya. Pemberian zakat adalah mengikut kekuatan hajat tersebut. Sama ada mendesak atau tidak dan banyak atau sedikit. Sebaliknya, menurut Muhammad „Abduh dan Rashīd Rīḍa, *al-riqāb* menerima zakat untuk memenuhi masalah umum umat Islam.²⁶⁴ Kata Rashīd Rīḍa:²⁶⁵

ان خلاف السلف وائمة الامصار في المسألة يدل على انه لم يسبق فيها سنة عملية
مجمع عليها من عهد الرسول ولا من خلفاء الراشدين فدل هذا على انهم كانوا يرونها
من المصالح التي يرجح فيها العمل بما يراه اولو الامر في درجة الاستحقاق وقلة المال
وكثرته من الصدقات وفي بيت المال .

Terjemahan: Berlakunya perbezaan pendapat di antara ulama salaf dan ulama mutakhir di beberapa buah negara Islam dalam masalah agihan menunjukkan tidak ada petunjuk pelaksanaan yang standard pada masa Nabi dan pemerintahan Khulafa“ al-Rāshīdīn yang disepakati. Oleh itu, mereka meletakkan masalah sebagai dasar utama agihan zakat serta pemerintah menentukan secara khusus sasaran asnaf dan jumlah dana yang akan diagihkan.

²⁶³ En. Mahdan b. Mohamed (Penolong Pengurus, Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi).

²⁶⁴ Azman Ab Rahman et. al., “Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia,” 88.

²⁶⁵ Rashīd Rīḍa, *Tafsir al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsir al-Manar*, 948.

Berdasarkan pandangan-pandangan fuqahā²⁶⁶ dan apa yang telah dibincangkan ini, dapat dijelaskan bahawa kadar agihan zakat kepada *al-riqāb* adalah boleh mengikut budi bicara pemerintah dan pada masa yang sama dapat memenuhi matlamat pembebasan *al-riqāb* daripada belunggu yang dihadapi. Dalam pengagihan zakat boleh dilakukan penyesuaian demi memastikan agihan tersebut lebih berkesan dan meraikan keperluan asnaf. Beberapa keadaan yang berbeza boleh menyebabkan agihan zakat boleh berubah iaitu:²⁶⁶

1. Jika semua asnaf itu ada (lapan asnaf), maka wajib diserahkan kepada semua tanpa ada sebarang pengecualian.
2. Jika satu golongan atau asnaf itu tidak ada, maka bahagian yang tidak ada itu hendaklah diagihkan kepada asnaf yang lain.
3. Jika bahagian kepada satu asnaf itu sudah melebihi daripada keperluan, maka lebih itu boleh diagihkan kepada asnaf yang lain.

Walaupun LZS dan MAIS telah melakukan keseluruhan pengagihan zakat berdasarkan *fiqh al-awlawiyyat* untuk mencapai objektif agihan, namun pengkaji berpandangan jumlah peruntukan agihan untuk *al-riqāb* boleh dipertingkatkan lagi sekalipun dalam jumlah yang tidak banyak. Ini supaya sekurang-kurangnya pelbagai usaha lagi boleh dilakukan untuk golongan yang ingin kembali ke pangkal jalan ini benar-benar pulih dan dapat keluar dari belunggu yang dihadapi. Di samping golongan *fi sabīlillah* yang mendapat keutamaan pengagihan, realiti masyarakat pada hari ini lebih melihat kepada faktor kemiskinan yang perlu dibantu, sedangkan jika diteliti, golongan *al-riqāb* yang menjurus kepada masalah akhlak akan mengancam masyarakat sekiranya kurang usaha

²⁶⁶ Muṣṭafā al-Khin et.al., *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shāfi'ī* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1992), 2:62-63.

untuk mengeluarkan mereka daripada belunggu yang dihadapi dan kedudukan asnaf ini juga tidak kurang pentingnya berbanding asnaf lain.

4.5 Manfaat Agihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Riqāb* di Selangor Dari Perspektif Fiqh

Lembaga Zakat Selangor sebagai sebuah agensi yang memegang amanah mengagihkan zakat di Selangor telah melaksanakan pelbagai bentuk program agihan dan bantuan zakat demi manfaat umat Islam seluruhnya. Bagi *al-riqāb*, manfaat agihan secara keseluruhannya boleh dilihat berdasarkan program dakwah *al-riqāb*, program pemulihan akhlak, program pemurnian akidah serta program pemulihan pesakit HIV dan penyakit kronik lain.

Dalam perkara ini, pengkaji berpandangan bahawa program-program ini memenuhi beberapa aspek *maqāṣid al-ḍarūriyyāt al-khams*. *Al-ḍarūriyyāt* merupakan keperluan masalah yang diperlukan dan dihajati sehingga ke tahap atau keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak. Ini boleh menyebabkan keadaan yang merbahaya dan mengancam nyawa seseorang apabila luputnya keperluan tersebut. *Al-ḍarūriyyāt al-khams* pula terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama iaitu memelihara agama (*al-dīn*), jiwa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-māl*).²⁶⁷ Agama lebih utama dipertahankan dari menjaga nyawa, akal, keturunan dan harta. Bahkan mereka yang murtad atau keluar dari naungan agama Islam dengan menganut agama lain, hukum yang layak baginya adalah hukuman bunuh selepas *istitāb* atau diminta supaya bertaubat tetapi enggan berbuat demikian. Nyawa pula lebih utama dipertahankan dari akal, keturunan dan harta.

²⁶⁷ Izz al-Dīn „Abd Aziz ibn „Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam Fī Maṣālīh al-Anam* (Beirut: Dār al-Ma'rīfah, t.t), 11.

Jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada asnaf *al-riqāb* di bawah Program Pembangunan Insan yang disusun oleh pihak MAIS dan LZS adalah bertepatan dengan kehendak fiqh dan syarak. Ini kerana sebahagian asnaf yang bermasalah akidah dapat dipulihkan dan bertaubat. Ini menunjukkan keberkesanan Modul *Istitābah* yang dibuat khusus di negeri Selangor. Sebahagian mereka yang dahulunya mempunyai keinginan untuk keluar daripada agama Islam akhirnya tidak meneruskan niat asal mereka. Walaupun terdapat beberapa orang yang telah membuat permohonan, namun didapati mereka gagal meneruskan permohonan mereka. Sebahagian pula terdapat yang memeluk Islam bukan kerana mereka faham agama Islam yang sebenarnya. Jadi proses *istitābah* pada masa yang sama adalah proses memberi ilmu fardu ain kepada mereka dan dengan cara menjelaskan semula tentang Islam. Ini juga bermaksud yang menjalani pemulihan dengan perintah mahkamah itu sememangnya ada tetapi bukanlah semua sekali. Sebahagian daripada masalah sosial dan akidah bagi asnaf-asnaf *al-riqāb* ini dapat diselesaikan dan mereka kembali ke pangkal jalan. Sebahagian yang lain masih di dalam proses untuk benar-benar pulih dan mengambil masa.²⁶⁸

Di samping itu dari sudut kesihatan khususnya yang berpenyakit kronik, dengan adanya bantuan asnaf *al-riqāb*, terdapat bantuan perubatan, pengurusan operasi rumah dan pengurusan jenazah. Ianya membawa kepada beberapa manfaat kerana apabila seseorang yang menghidap penyakit HIV/AIDS yang ingin bertaubat, imunisasinya lemah. Oleh itu keadaan mereka memerlukan pemakanan yang sihat. Jadi apabila mereka tinggal di rumah pemulihan *al-riqāb*, makan dan minum serta ubatnya akan terjaga. Sebagai contoh di Pusat Rawatan Islam Manarah Astana Budi, pesakit akan diberi ubat dan penjagaan. Setiap hari secara berkala pesakit akan mengambil ubat dan dilakukan pemeriksaan oleh doktor. Di pusat rawatan ini lebih sistematik

²⁶⁸ Sāhibul Samāḥah Dato“Dr. Haji Anhar bin Haji Opir (Timbalan Mufti Selangor).

pengurusannya kerana setiap pesakit akan mempunyai buku perubatan dan pemantauan. Apabila meninggal dunia dan tiada waris, pihak pengurusan rumah yang akan menguruskan jenazah dan membuat bayaran bagi kos pengebumian. Rumah pemulihan *al-riqāb* yang akan membuat tuntutan kepada MAIS, walaupun ada kalanya untuk penyakit kronik, pihak hospital yang akan uruskan dan tidak perlu bayar. Untuk makan dan minum bagi pesakit di pusat ini pihak MAIS memperuntukkan RM18 sehari untuk seorang. Selain itu juga dihantar guru pembimbing untuk pesakit-pesakit ini. Mereka akan melakukan solat berjemaah, mengaji dan berzikir bersama. Manfaatnya ialah supaya kembali kekal dalam Islam dan apabila meninggal dunia, mereka akan pergi secara sempurna dalam Islam.²⁶⁹ Dalam sebuah hadis sahih dijelaskan sebagai berikut:

إِنَّ إِخْوَانَكُمْ حَوْلَكُمْ جَعَلَهُمُ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ، فَمَنْ كَانَ أَحْوَهُ تَحْتَ يَدِهِ، فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا
يَأْكُلُ، وَلْيُلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسُ، وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ، فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ
فَأَعْيُنُوهُمْ.

Terjemahan: Dia adalah saudara kamu yang Allah jadikan sebagai sebahagian dari tanggungjawab kamu. Kerana itu berilah dia makan dari apa yang kamu makan, berilah pakaian daripada apa yang kamu pakai dan janganlah kamu berikan dia beban dengan pekerjaan yang tidak disanggupinya. Jika kamu memberi tugas pekerjaan yang berat kepadanya maka bantulah dia.²⁷⁰

Hadith ini menjadi bukti bahawa Islam amat memberi perhatian secara serius terhadap pembebasan jiwa dan mental seseorang hamba sebelum jasad mereka benar-benar memperoleh kemerdekaan.

²⁶⁹ En. Mahdan b. Mohamed (Penolong Pengurus, Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi).

²⁷⁰ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitab al-Jāmi‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umūr Rasulallah SAW Wa Sunanuhu Wa Ayyāmuhu, Bab al-., Abd Ikhwānikum, no. Hadīth 2545.

4.6 Kesimpulan

Keseluruhannya dari aspek kaedah agihan, kadar agihan dan manfaat agihan kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor ini didapati menepati perspektif fiqh. Selain itu, dana zakat yang terkumpul adalah satu jaminan terhadap keperluan sosial ummah supaya mereka dapat turut serta dalam kehidupan bermasyarakat. Ini bersesuaian dengan hadith berikut.²⁷¹

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَخْبَرَهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ»

Terjemahan: Abdullah bin „Umar r.a mengkhabarkan bahawa Rasulullah SAW berkata, sesama muslim adalah bersaudara, tidak menzalimi dan membiarkan sesama mereka. Barangsiapa melepaskan keperluan saudaranya, Allah akan melepaskan kesusahannya. Barangsiapa melapangkan saudaranya di dunianya, Allah akan melepaskannya di hari kiamat.

Walaupun, pengkaji berpendapat bahawa dari aspek pentafsiran asnaf *al-riqāb* di Selangor ini yang diqiyāskan kepada golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah, penggunaan *al-qiyās* adalah tidak tepat. Istilah terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah yang dimaksudkan ini lebih kepada istilah *lughāwī*, bukannya *usūlī*. Maka ini menunjukkan ia lebih menjurus kepada perluasan tafsiran.

²⁷¹ Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Jāmi“ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umūr Rasulullah SAW Wa Sunanuhu Wa Ayyāmuhu, Bab Lā Yazlimu al-Muslim Wa Lā Yuslimuhu, no. Hadith 2442.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan

Kajian mengenai amalan pengagihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* di Selangor ini telah membuka kepada ruang perbincangan yang lebih luas terhadap golongan ini yang pada kebiasaannya ramai yang beranggapan bahawa ianya sudah tidak wujud pada masa kini. Walaupun di dalam al-Quran telah menyebut dengan jelas asnaf-asnaf yang layak mendapat agihan zakat, namun bagi keadaan di Malaysia hanya beberapa negeri tertentu sahaja yang melaksanakan agihan untuk kesemua asnaf. Berdasarkan Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1994, hanya tujuh asnaf sahaja yang berhak menerima agihan pada ketika itu dan asnaf *al-riqāb* terkecuali dalam hal ini. Namun selari dengan tuntutan semasa serta atas keperluan fardu ain dan fardu kifāyah, asnaf ini kemudiannya turut sama mendapat agihan zakat. Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa negeri Selangor telah membuka lembaran baru dalam aspek pengurusan asnaf *al-riqāb*. Ini membuktikan aspirasi semasa masyarakat untuk melihat zakat sebagai mekanisme kebajikan telah dapat direalisasikan oleh pengurusan zakat Selangor. Berdasarkan apa yang telah dibincangkan sebelum ini terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan berhubung dengan kajian ini:

5.1.1 Konsep *Al-Riqāb* Di Selangor

Asnaf *al-riqāb* di Selangor telah ditafsirkan sebagai seseorang yang terbelenggu di bawah suatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Hasil kajian mendapati bahawa tafsiran ini adalah berasaskan kepada pentafsiran yang diperluaskan merangkumi mana-mana golongan yang berada dalam situasi tertentu yang mana dengan situasi tersebut menyebabkannya

berada dalam keadaan tertekan dan perlu dibebaskan. Perluasan tafsiran ini telah membawa kepada penetapan kriteria *al-riqāb* di Selangor iaitu seseorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belunggu yang dihadapi serta konsep agihan berteraskan usaha memulihkan akhlak dan akidah. Walaupun pentafsiran yang digunapakai mengambil konsep perluasan tafsiran oleh ulama semasa iaitu dengan menggunakan *'illah* terbelunggu, namun pandangan ulama silam tidak diketepikan. Dengan berpandukan pandangan ulama semasa, tafsiran ini hanya diperluaskan dalam terbelunggu dengan masalah akidah dan sosial yang mengembalikan manfaat kepada Islam dan kemaslahatan umatnya. Dalam perkara ini umat Islam digalakkan untuk bersikap terbuka dalam memperluaskan kefahaman dan mendimensikan tafsiran *al-riqāb* selagimana ia tidak bertentangan dengan konsep asal. Ianya lebih baik dan bijaksana daripada memahami bahawa golongan *al-riqāb* sudah tidak wujud lagi pada zaman sekarang. Dalam konteks negeri Selangor yang mana masalah sosial dan akidahnya sangat mengancam keharmonian masyarakat, maka perluasan tafsiran ini sangat perlu dilihat oleh fatwa Selangor supaya golongan ini dapat dibantu keluar daripada permasalahan tersebut. Perluasan tafsiran *al-riqāb* ini telah menunjukkan satu kewajaran kerana pentafsiran yang jelas dan tepat kepada asnaf yang berhak ke atas harta zakat sangat penting agar sesuai dengan keperluan semasa masyarakat Malaysia. Ini dilihat relevan dengan keadaan semasa di mana statistik masalah sosial yang tinggi di Selangor. Di samping itu pentafsiran asnaf yang relevan dan berdasarkan realiti semasa dapat mengelakkan sebarang pemahaman yang ekstrem dan sempit terhadap sistem pengagihan zakat.

5.1.2 Selangor Mempelopori Agihan Zakat Kepada *Al-Riqāb*

Sehingga tahun 2016, didapati hanya lapan buah negeri sahaja di Malaysia yang melaksanakan agihan untuk asnaf *al-riqāb* iaitu Selangor, Pahang, Perlis, Melaka,

Negeri Sembilan, Terengganu, Sarawak dan Sabah. Namun begitu pengagihan kepada asnaf ini hanya aktif di empat buah negeri sahaja iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Melaka. Daripada keempat-empat negeri ini, negeri Selangor memelopori agihan ke atas asnaf ini. Di samping itu juga dalam masa yang sama MAIS turut menerima pelatih atau asnaf daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) bagi kategori tertentu berdasarkan perjanjian yang telah dibuat antara keduanya. Dengan perubahan zaman telah menyaksikan perubahan pengurusan zakat yang mana agihan zakat bukan lagi sekadar memenuhi keperluan sementara. Malah ia telah menjangkau dalam membebaskan golongan asnaf daripada belenggu keadaan. Dapat dirumuskan bahawa pengurusan zakat di Selangor telah menggunakan dasar yang berubah mengikut peredaran masa dalam memastikan nasib golongan asnaf ini terbela.

5.1.3 Kaedah Agihan Yang Diizinkan Syarak

Dalam pengagihan zakat ke atas asnaf *al-riqāb* di Selangor, agihan secara tidak langsung iaitu menerusi institusi pemulihan dan perlindungan menjadi kaedah utama. Ini dilaksanakan dengan membantu asnaf sehingga melepasi belenggu dan rintangan melalui pelbagai program, tindakan dan skim bantuan. Dalam mazhab Shāfi'ī dijelaskan bahawa *mukātab* yang dimaksudkan hendaklah diberi zakat pada kadar yang boleh membantunya membebaskan diri daripada perhambaan. Zakat itu hendaklah diberikan kepada orang yang hendak membebaskan *mukātab* tersebut iaitu tuannya dengan keizinan dan pengetahuan hambanya. Ini merupakan cara terbaik bagi memastikan zakat tersebut dapat memenuhi maksud *al-riqāb*. Kesannya, *mukātab* tersebut mendapat faedah daripadanya apabila pembebasan dilaksanakan. Sekiranya zakat diberikan kepada *mukātab*, terdapat kemungkinan harta tersebut digunakan untuk kepentingan sendiri dan tidak diberikan kepada tuannya.

Ini selari dengan apa yang diamalkan oleh LZS dan MAIS dalam melaksanakan agihan kepada asnaf ini di mana sebahagian besar agihan disalurkan melalui Rumah Pemulihan *Al-Riqāb*. Melalui pelbagai program dan tindakan yang dilakukan maka manfaat agihan akan kembali kepada asnaf dan dengan itu ianya dapat memenuhi maksud *al-riqāb*. Walaubagaimanapun, dijelaskan juga dalam mazhab Shāfi'ī bahawa pemberian zakat secara terus kepada *mukātab* di bawah asnaf ini adalah diharuskan walaupun tanpa pengetahuan tuannya. Tambahan pula, sekiranya harta zakat itu hanya sedikit, maka ia diharapkan dapat meringankan sebahagian bebanan kewangan yang ditanggung untuk membebaskan dirinya. Hal ini juga sama keadaannya di mana pihak MAIS turut memberikan agihan secara langsung kepada asnaf *al-riqāb* menerusi bantuan individu terkesan iaitu bagi asnaf yang benar-benar dalam kesempitan kewangan dalam memenuhi keperluan asasnya serta bantuan sumbangan hari raya sebagai saguhati dan kebajikan.

Jadi dapat dirumuskan bahawa kedua-dua kaedah agihan iaitu agihan secara langsung dan agihan secara tidak langsung adalah diizinkan syarak. Kedua-dua kaedah ini adalah perlu dalam menguruskan asnaf *al-riqāb* kerana mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Agihan secara tidak langsung adalah perlu dalam memastikan asnaf benar-benar dapat keluar daripada belenggu yang dihadapi. Manakala agihan secara langsung pula perlu meskipun untuk keadaan yang tertentu sahaja demi menjaga nilai-nilai keinsanan terhadap golongan ini.

5.1.4 Agihan Zakat *Al-Riqāb* Dalam Membasmi Masalah Sosial dan Akidah

Dalam menangani permasalahan sosial yang melanda umat Islam khususnya di Selangor, penyelesaian kepada masalah tersebut sewajarnya menjadi tanggungjawab

dan peranan pemerintah. Untuk itu, MAIS yang mempunyai Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb* berfungsi untuk menjalankan kuasa berhubung peruntukan dalam enakmen jenayah syariah dan undang-undang yang sedia ada, mengawal selia pusat pemulihan akidah, akhlak dan dadah serta memantau dan menyelaras Rumah Pemulihan *Al-Riqāb* di negeri Selangor. Kesemua usaha dan tindakan untuk membasmi masalah sosial serta menyelamatkan akidah umat Islam ini dijalankan melalui peruntukan dana zakat khusus untuk asnaf *al-riqāb*. Dalam erti kata lain perluasan tafsiran *al-riqāb* di Selangor ini adalah wajar di sisi syarak apabila ianya membolehkan agihan digunakan untuk aspek masalah sosial dan akidah yang semakin membarah dalam masyarakat. Pada ketika mana penglibatan pihak institusi zakat di negeri lain dilihat masih lagi berada pada tahap sederhana dalam aspek menangani masalah sosial, tindakan LZS dan MAIS ini sangat dihargai dalam menangani permasalahan umat dalam zaman moden ini. Demikian juga Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang boleh dikatakan telah memberikan lesen utama kepada pihak pengurusan zakat apabila telah memutuskan hukum penggunaan dana *al-riqāb* untuk membantu mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial adalah harus dalam menjamin akidah umat Islam.

5.1.5 Modul *Istitābah* Merupakan Modul Pertama Di Malaysia Yang Diguna Ke Atas Pesalah Akidah

Modul ini terhasil dari kerjasama Jawatankuasa *Al-Riqāb* MAIS, Ketua-ketua Panel Penggubal Modul *Istitābah* dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penilai *Istitābah* atas usaha menangani masalah akidah di negeri Selangor. Ia merupakan modul yang pertama di Malaysia yang digunakan ke atas pesalah akidah yang telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Syariah. Selain daripada menjadi bahan rujukan secara teori dan praktikal yang dibangunkan bertujuan memulihkan pesalah-pesalah akidah khususnya di negeri Selangor, modul ini juga diharap menjadi panduan kepada seluruh Majlis Agama Islam

negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam negeri di seluruh Malaysia bagi memelihara kesucian Islam di samping membimbing umat Islam untuk terus istiqamah serta kekal dengan ajaran Islam. Di sini dapat dirumuskan bahawa ia merupakan suatu usaha yang harus dipuji untuk pihak MAIS dalam usaha menyantuni asnaf *al-riqāb*.

5.1.6 MAIS Menjadi Majlis Agama Islam Negeri Yang Pertama Melaksanakan Usahasama Dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Serendah, Hulu Selangor adalah merupakan inisiatif untuk membantu dan memberi perlindungan kepada penagih dadah dan pesakit HIV/AIDS di mana penghuni akan tinggal di pusat ini sehingga keluar dari belenggu yang dihadapi sama ada kembali ke pangkuan keluarga untuk meneruskan kehidupan atau meninggal dunia dalam keadaan Islam. MAIS juga turut menanggung kos makan dan minum penghuni serta menempatkan tiga pegawai dari MAIS dan AADK. MAIS adalah majlis agama Islam negeri pertama yang melaksanakan usaha sama ini dalam membantu penagih tegar dari kalangan anak-anak Selangor dan pemastautin. Kerjasama ini mengambil pendekatan melalui proses pemulihan berlandaskan al-Quran dan sunnah sebagai asas pemulihan pesakit HIV/AIDS .

5.2 Cadangan

Dalam perkara ini, terdapat beberapa cadangan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh beberapa pihak yang berkenaan. Antaranya ialah:

1. Sepertimana yang diketahui, pihak LZS adalah institusi yang menyalurkan zakat kepada asnaf *al-riqāb* menerusi MAIS. Jadi, pengkaji mencadangkan supaya jumlah agihan yang diperuntukkan untuk asnaf *al-riqāb* dapat dinilai semula. Ini kerana tahun-tahun sebelum ini jumlah agihan untuk asnaf ini hanya sekitar 1.7% sehingga 4.4% sahaja daripada jumlah keseluruhan agihan. Sekiranya agihan untuk asnaf ini boleh dipertingkatkan lagi, lebih banyak program akan dapat dilaksanakan untuk mengeluarkan mereka daripada belunggu yang sedang dilalui. Ini juga memandangkan Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dengan usaha sama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Serendah, Hulu Selangor telah mula beroperasi pada tahun 2018 ini. Ia pastinya akan memerlukan kos pengurusan yang lebih tinggi untuk asnaf ini.
2. Adalah lebih elok sekiranya zakat terhadap asnaf *al-riqāb* ini dapat diaplikasikan secara lebih meluas di Malaysia terutamanya dengan mengkhususkan kepada belunggu masalah sosial dan akidah sepertimana yang diamalkan oleh Selangor. Ini memandangkan masalah sosial terjadi di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat. Oleh yang demikian penulis mencadangkan agar Majlis Fatwa Negeri atau Kebangsaan supaya dapat menilai semula takrifan *al-riqāb* dan peluasan konsep hamba. Ini memandangkan usaha untuk membantu memulihkan golongan ini menjadi tanggungjawab semua.
3. Mewujudkan penyelarasan antara institusi zakat di negeri-negeri yang berkenaan dalam perkara berkaitan tafsiran, kaedah agihan serta golongan sasaran di bawah asnaf *al-riqāb* biarpun setiap institusi zakat mempunyai garis panduan yang tersendiri. Sekiranya dikhususkan untuk belunggu kejahilan sahaja, ia juga memungkinkan bantuan dalam bentuk *fī sabīlillah* yang mana pentafsirannya terlalu umum. Dalam perkara ini terdapat pandangan daripada beberapa ilmunan tanah air dalam mengemukakan pandangan berkaitan golongan sasaran asnaf *al-*

riqāb yang dapat dilaksanakan pada ketika ini. Menurut Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor, Dr. Azman Ab. Rahman, terdapat cadangan beberapa golongan baru untuk dimasukkan ke dalam penerima agihan *al-riqāb*.²⁷² Namun begitu, hal ini masih boleh diperluas dan dilihat semula oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi menilai keperluan masalah dari masa ke semasa. Cadangan tersebut ialah bagi golongan orang kelainan upaya (OKU), gelandangan, mangsa perdagangan manusia, orang yang diculik, keluarga mangsa along, buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Begitu juga terdapat cadangan sekumpulan pengkaji dari Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berhubung dengan pengurusan agihan zakat asnaf *al-riqāb* berdasarkan realiti semasa. Kajian mereka mendapati terdapat beberapa kes yang kerap dirujuk di Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb* sebagaimana yang telah digariskan oleh ulama semasa. Kriteria-kriteria asnaf *al-riqāb* yang telah diperincikan oleh ulama semasa seperti belunggu pemikiran, belunggu kekuasaan, belunggu harta dan belunggu kebebasan ada pada kes-kes yang dirujuk di jabatan ini. Golongan tersebut ialah mangsa keganasan rumahtangga, mangsa penderaan kanak-kanak, kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan mangsa pengabaian di kalangan warga emas. Ini juga adalah kerana pusat-pusat perlindungan yang sedia ada sudah tidak mampu menampung jumlah mangsa-mangsa ini yang kian bertambah dari masa ke semasa.²⁷³

²⁷² Dr. Azman Ab. Rahman (Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 14 November 2017.

²⁷³ Mohd Rilizam bin Rosli et.al, "Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Berdasarkan Realiti Semasa," (e-Proceeding Of The 4th International Conference On Masjid, Zakat And Waqf Management 2017 (IMAF-2017), Bangi, 4-5 Disember 2017).

5.3 Penutup

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebagai sebuah organisasi pentadbiran agama amnya dan Lembaga Zakat Selangor sebagai sebuah pentadbiran zakat khususnya telah menunjukkan inisiatif bagi mewujudkan suatu peruntukan zakat yang mantap dan lebih bersifat semasa. Pada ketika mana negeri-negeri lain membuat agihan tidak menyeluruh untuk kesemua asnaf ataupun memindahkan bahagian zakat kepada asnaf tertentu, Selangor pula mengambil langkah prihatin diselaraskan dengan keperluan semasa demi menjaga kesejahteraan serta keharmonian masyarakat dan negara.

Dengan adanya fatwa khusus mengenai agihan ke atas *al-riqāb* telah membuka jalan untuk LZS dan MAIS melaksanakan pelbagai usaha untuk menyelamatkan golongan ini dan dapat mempertahankan kesucian agama Islam. Oleh yang demikian pengkaji beranggapan perluasan tafsiran *al-riqāb* di Selangor ini adalah satu kewajaran yang patut dicontohi kerana dengan langkah ini dapat mengembangkan lagi usaha-usaha yang dijalankan melalui agihan zakat. Ia juga merupakan langkah yang bijak dalam menggunakan dana zakat yang ada dan menyalurkannya kepada aliran keperluan yang membawa kepentingan kepada masyarakat. Penyampaian maklumat mengenai asnaf *al-riqāb* ini serta golongan penerimanya perlu disampaikan kepada masyarakat dengan sebaik mungkin agar ianya difahami dengan betul dan tiada kekeliruan mengenainya.

Kerjasama yang erat antara LZS dan MAIS dengan JAKIM, JAIS, MAIDAM, AADK, Jabatan Penjara Malaysia dan pihak-pihak yang berkenaan mampu membawa perubahan yang lebih baik dalam menyantuni asnaf *al-riqāb* serta dapat meletakkan rukun Islam ketiga ini setanding dengan pengurusan korporat yang lain sekaligus meningkatkan syiar Islam melalui mekanisme zakat.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- „Abd al-Karīm Zaydān. *Al-Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslim Fī al-Sharī’ah al-Islamiyyah*. Juzuk 1. t.tp: Muassasah al-Risālah, 1957.
- „Abdullah Nasih Ulwan. *Nizām al-Riqq Fi al-Islām*. Cetakan ke-2. Jordan: Dār al-Islam, 1984.
- Abdul Halim Mat Diah. *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987.
- „Abdul Razzāq Nawfal. *Farīdah al-Zakāh*. Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. *Al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Juzuk ke-8. Kaherah: Dār al-Kātib al-„Arabi Lil al-Taba’at Wa al-Nashr, 1967.
- Abu A’la al-Maududi. *Human Right In Islam*. Leicester: The Islamic Fondation, 1993.
- Abu Ja’fār Muhammad bin Jarir al-Ṭabarī. *Tafsir al-Ṭabarī*. Juzuk ke-6. Beirut: Dār al-Fikr, 1978.
- Abu Muhammad Abdullah bin „Abd al-Hakim. *Sirah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz ‘Ala Ma Rawāhu al-Imam Malik ‘Ibn Anas Wa Ashābuh*. Beirut: Dar al-„Ilm Lil Malayan, 1967.
- Abu Yahya Muhammad bin Sumadih al-Tujibi. *Mukhtasar Min Tafsir al-Imam al-Tabarī*. Juzuk 1. Kaherah: Al-Hay’at al-Misriyah al-Ammah, 1970.
- Ahmad bin Fāris bin Zakariyyā. *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*, ed. Abd al-Sallām Muhammad Hārūn; Jilid ke-2, t.tp:Dār al-Fikr, 1970.
- Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- „Ala al-Din Abu Bakar bin Mas’ud al-Kasāni al-Hanafī. *Badā’i al-Sanā’i Fī Tartīb al-Shara’i*. Beirut: Dār al-Ma’rifat, 2000.
- Al-Aṣfahānī. *Bayān Mukhtaṣar Sharh Mukhtaṣar Ibn al-Hājib*. Mekah: Markaz Iḥyā al-Turāth al-Islāmī, ed. Muḥammad Muzhir Baqā’, ‘t.t.
- Al-Baghawī. *Tafsīr al-Baghawī*. Beirut: Dār Ibnu Hazam, 2002.
- Al-Buhūtī. *Al-Rawḍu al-Murabba’ Sharh Zādal Mustaqna’*. Juzuk 1. Riyād: Maktabah al-Riyād al-Hadīthah, 1988.

- Al-Ghamrāwī. *Anwār al-Masālik Sharh ‘Umdah al-Sālik*. Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1948.
- Al-Hafiz „Imad al-Dīn Abī al-Fidā“ Ismā‘īl bin Kathīr al-Qursyī al-Damasyqī. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Jilid ke-2, t.tp: Muassasah al-Riyan, t.t.
- Al-Hattāb. *Mawāhib al-Jalīl Li Sharh Mukhtaṣar Khalīl*. Juzuk ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995.
- Al-Mardawī. *Al-Inṣāf Fī Ma’rifat al-Rājih Min al-Khilāf*. Juzuk ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1997.
- Al-Marghīnānī. *Al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtadā*. Juzuk 1. Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafa al-Bābī al-Halabī, t.t.
- Al-Mūṣilī. *Al-Ikhtiyār Lita’līl al-Mukhtār*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1998.
- Al-Nasafī. *Tafsīr al-Nasafī*. Kaherah: „Īsa al-Bābī al-Halabī, t.t.
- Al-Nawawī. *Sharh Majmu’ Li al-Nawāwī*. Juzuk ke-6. Kaherah: Maṭba‘ah al-Madanī, t.t.
- Al-Nawawī, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf. *Kitab al-Majmu’: Sharh Al-Muhadhdhab Lil al-Shirazi*. Beirut: Dār Ihya al-Turath al-„Arabi, t.t.
- Al-Qardāwī. *Fiqh al-Zakāt: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fī Daw’ al-Quran wa al-Sunnah*. Juzuk ke-2. Beirut: Dār al-Irsyād, 1969.
- Al-Qirāfī. *Al-Dhakhīrah*. Juzuk ke-3. Beirut: Dār al-Gharb al-Islamiyyah, 1994.
- Al-Rāghib al-Asfahanī. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qurān*. Jilid 1. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1961.
- Al-Ramlī. *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj*. Juzuk ke-6. Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1967.
- Al-Rāzī. *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Juzuk ke-16. Mesir: Tab‘u bī al-Matba‘ah al-Bahiyyah al-Misriyyah, 1938.
- Al-Sāwī. *Bulghat al-Sālik Li Aqrab al-Masālik*. Juzuk 1. Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1952.
- _____. *Hāshiyat al-ṣāwī*. Juzuk ke-2. Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafa al-Bābī al-Halabī, 1941.
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad bin Idrīs. *Al-Risālah*. Damsyiq: Matba‘ah Mustafā Halabī, ed. Sheikh Ahmad „Ali, Cet. 1, 1940.

- Al-Shawkānī. *Irshād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Haq mīn ‘Ilm al-Uṣūl*. Damsyiq: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shawkānī. *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqa al-Akhbar*. Juzuk ke-3. Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1961.
- Al-Shīrāzī. *Al-Muḥadḥab Fī Fiqh Al-Imām Al-Shāfi‘ī*. Juzuk 1. Mesir: Maktabah Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1976.
- „Ali „Abd al-Wahid Wafi. *Huquq al-Insan Fi al-Islam*. Cet. Ke-5. Mesir: Dār al-Nahda, 1979.
- Azman Ab Rahman dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin. “Kedudukan Asnaf Al-Riqāb Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya Di Negeri Perak.” Dalam *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*, ed. Razali Md Jani et.al. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ), 2016.
- Azman Ab Rahman et. al. *Kedudukan Asnaf Al-Riqab Sebagai Penerima Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2016.
- Bahāuddin „Abd Rahmān bin Ibrahīm al-Maqdisī. *Al-‘Uddah Sharḥ al-‘Umdah*. Kaherah: Abū Bakar al-Siddīq, 2005.
- Fakhrul al-Rāzī. *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Jilid ke-16. Kaherah: Al-Matbu‘ah al-Baihat al-Misriyyah, 1938.
- Ibnu „Ābidīn. *Hāshiah Radd al-Mukhtār*. Juzuk ke-2. Kaherah: Syarikat Maktabah Wa Matba‘at Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1966.
- Ibnu al-„Arabī, Abū Bakr Muhammad bin „Abdullah. *Ahkām al-Qurān*. Juzuk ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, t.t.
- Ibnu al-Hummām. *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr*. Juzuk ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995.
- Ibnu al-Athīr. *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa Āthar*. Juzuk ke-2. Kaherah: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1963.
- Ibnu „Aṭīyyah. *Al-Muharrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. Juzuk ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2001.
- Ibnu Kathīr. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Beirut: Dār al-Andalus, t.t.
- Ibnu Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Juzuk ke-5. Beirut: Dār Ihya‘ al-Turath al-‘Arabī, 1988.

- Ibnu Qudamah al-Maqdisi. *Al-Kāfi Fī Fiqh al-Imām Ahmad bin Hanbal*. Juzuk 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001.
- _____. *Al-Mughni Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*. t.tp:Dār al-Kitab al-„Arabi, t.t.
- _____. *Al-Mughni' Wa al-Sharh al-Kabir Wa Ma'ahuma al-Insaf Fī Ma'rifat al-Rajih Min al-Khilaf*. Juzuk ke-7. Al-Riyadh: Dār „Alam al-Kutub, 2005.
- Ibnu Rushd. *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Beirut: Muassasah al-Ma'ārif, 2006.
- Ibrahim Hashim Fallali. *Lā Riqq Fī al-Quran*. Qaherah: Dār al-Qalam, t.t.
- Ibrahim Mustafa. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. t.tp: Maktabah al-Sahwah, t.t.
- James D. Torr, ed. *Slavery: Opposing Viewpoints In World History*. U.S: Greenhaven Press, 2004.
- Junius P. Rodriguez. *Chronology of World Slavery*. California: ABC-CLIO,1999.
- Khairul Azhar Meerangani, “Model Agihan Dana Zakat *Al-Riqāb* Berteraskan Maqāṣid Al-Syarī'ah: Satu Kajian Awal.” Dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf Dan Filantropi Islam*, ed. Najahudin Lateh et.al. Shah Alam:UiTM, 2017.
- Khalīl bin Ishaq bin Mūsā. *Mukhtaṣar Khalīl Fī Fiqh al-Imām Mālik*. Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, 1922.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Mahmūd Shaltūt, *Al-Islam 'Aqidah Wa Syariat*. Qaherah: Dār al-Shuruq,1980.
- Milton Meltzer. *Slavery: A World History*. Vol.1. United States of America: Da Capo Press, 1993.
- Muhammad „Alī Zafzaf. *Muḥāḍarāt fī al-Uṣul al-Fiqh*. Mesir: Dār al-Fikr al-„Arābī, 1970.
- Muhammad bin Ahmad bin „Arafah al-Dasuqi. *Hāshiyat al-Dusūqī 'ala al-Sharh al-Kabīr*. Juzuk ke-2. Kaherah: Dār Ihya al-Kutub al-„Arabiyah, 1980.
- Muhammad bin Idris al-Shāfi'ī. *Al-Umm*, ed. Muhammad Zuhri al-Najjar. Juzuk ke-2. Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyat, 1961.

- Muhammad bin Soleh al-Uthaimīn. *Majmu' Fatāwa Wa Rasā'il Ibn al-Uthaimīn*. Juzuk ke-18. Riyadh: Dār al-Thurayya, 2003.
- Muhammad Rashid Riḍā. *Tafsir al-Quran al-Hakīm: al-Mushtahar Bi Ism Tafsir al-Manar*. Juzuk ke-2. Kaherah: al-Azhar, 1954.
- Muhammad Ammar Harith dan Mohd Anuar Ramli, “Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf *Ibnu Al-Sabil* dan *Al-Riqāb*.” Dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf Dan Filantropi Islam*, ed. Najahudin Lateh et.al. Shah Alam:UiTM, 2017.
- Muhammad Tāhir bin „Aāsyūr. *Tafsir al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Juzuk ke-10. Tunisia: Dār al-Tunisia Lil al-Nashr, 1984.
- Muhammad Shawqī al-Fanjarī. *Al-Islām Wa al-Damān al-Ijtimā'ī*. Meşir: Al-Haiat al-Mişriyyah al-„Ammah Lil Kitāb, 1990.
- Mujaini Tarimin.“Memperkasa Ijtihad Hukum Agihan Dana Zakat: Satu Saranan Penjanaan Semula Fiqh al-Maşārif al- Zakat.” Dalam *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*, ed. Muhammad Syukri Salleh et.al. Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM, 2011.
- Muṣṭafa al-Khin et.al. *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shāfi'ī*, Juz ke-2. Damsyik: Dār al-Qalam,1992.
- Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: MC Graw Hill Educarion, 2010.
- Said Hawa. *Al-Asās Fī al-Tafsir*. Juzuk 1. Cet. Ke-3. Kaherah: Dār al-Salam, 1991.
- Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Zakat: Analisis Perubahan Corak Agihan Di Negeri Sembilan.” Dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali dan Azizi Che Seman et.al. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Wahbah al-Zuhayli. *Al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu: al-Shāmil lil Adillah al-Syar'iyah Wa al-Ārā' al-Mazhabiyyah Wa Ahamm al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah Wa Tahqiq al-Ahādith al-Nabawiyyat Wa Takhrījihā*. Juzuk ke-3. Cet. Ke-6. Damsyik: Dār al-Fikr, 2008.
- Wahbah al-Zuhayli. *Al-Tafsir al-Munir Fī al-'Aqidah Wa al-Syariat Wa al-Minhaj*. Juzuk ke-9. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu“asir, 1991.
- Zakī al-Dīn Sha“bān. *Usūl al-Fiqh al- Islāmī*. Beirut: Dār al-Qalam, Cet. 1, 1974.

KERTAS KERJA

- Abdul Monir Yaacob. "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat." Kertas Kerja Seminar Kebangsaan "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam," IKIM, 8 -9 Februari 2000.
- Azman Ab Rahman et. al. "Kedudukan Penagih Dadah Sebagai Penerima Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia." Kertas Kerja Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2017.
- Azman Ab Rahman et. al. "Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia." Makalah, Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1, Universiti Sains Islam Malaysia, 11 Disember 2013.
- Hairunnizam Wahid et.al. "Cadangan Bantuan Zakat Asnaf *Al-Riqāb* Dan Fī Sabilillah Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor." Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10, Melaka, 18 – 20 September 2015.
- Hairunnizam Wahid et.al. "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan asnaf: Kajian di Malaysia." Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009.
- Mohd Noor Daud et.al. "Agihan Zakat Terhadap Asnaf Al-Riqāb Menurut Pandangan Ulama Dan Amalan Masa Kini." Prosiding International Seminar On Al-Quran In Contemporary Society (SQ 2015), Terengganu: UniSZA, 10-11 Oktober 2015.
- Nur Anisah Nordin et.al. " Pengagihan Zakat Kepada *Al-Riqāb*: Analisis Kritis Terhadap Pandangan Para Mufassir." Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Menangani Masyarakat Kontemporari 2018, Terengganu: UniSZA,15–16 September 2018.

JURNAL

- Azman Ab Rahman. "Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf *Al-Riqāb* Di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 12, No.1 (2018).
- Hj. Hailani bin Muji Tahir. "Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa." *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.3, No.1, 2009.

Khairani Ishak et.al. “*Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqāb Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian Di Penjara Wanita Kajang, Selangor.*” *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, Vol.7, 2016.

Nurul ,Izzati Mohamad. “*Khalwat:Keperluan Kepada Hukuman Sebat dan Alternatif.*” *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, No.19 (2015).

Zulkifli Mohamed al-Bakri. “*Al-Riqab: Tafsiran Aplikasi Semasa Dari Sudut Syarak.*” *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 6, No. 2, 2012.

DISERTASI/TESIS

Abd Wahid. “Hamba Abdi Menurut Al-Quran: Kajian Tafsir Maudu“i.” Tesis Kedoktoran, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

Hasanah Abd Khafidz. “Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia.” Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

Samuel Sheridan Haas. “The Contributions Of Slaves To And Their Influence Upon The Culture Of Early Islam” Dissertation, Faculty of Priceton University, 1942.

TEMUBUAL

Azman Ab. Rahman (Ahli Jawatankuasa *Al-Riqāb* Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 14 November 2017.

Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil (Pengurus Bahagian Pemulihan *Al-Riqāb*, Majlis Agama Islam Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Oktober 2017.

Haji Anhar bin Haji Opir (Timbalan Mufti Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 9 November 2017.

Idris bin Hussin (Pengurus, Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi), dalam temubual dengan pengkaji, 7 Disember 2017.

Izhar bin Ismail (Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman), dalam temubual dengan pengkaji, 4 Disember 2017.

Mahdan bin Mohamed (Penolong Pengurus, Pusat Perlindungan dan Rawatan Astana Budi), dalam temubual dengan pengkaji, 7 Disember 2017.

Makhi bin Adnan (Penguasa Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan), dalam temubual dengan pengkaji, 27 Oktober 2017.

Mohd Fariz bin Abdul Razak (Eksekutif Syariah (Agihan), Lembaga Zakat Selangor), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Januari 2018.

Noor Huda bt Tajudin (Kaunselor Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan), dalam temubual dengan pengkaji, 27 Oktober 2017.

LAMAN SESAWANG

Laman sesawang Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dicapai 16 Julai 2017, <http://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah>.

Laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 3 Disember 2017, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/347705/19-ajaran-sesat-masih-aktif-di-selangor>.

Laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 12 Januari 2018, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/373094/17-ajaran-sesat-baharu-dikesan-tahun-lalu>

Laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 2 Mei 2018, <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/305488/selangor-tertinggi-kes-buang-bayi>

Laman sesawang Data Terbuka Malaysia, dicapai pada 2 April 2018, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-kes-penyakit-hiv-tahunan-mengikut-negeri

Laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dicapai 30 Mac 2017, <http://www.islam.gov.my/e-penerbitan/59-buku/646-manual-islam-hiv-aids>.

- Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor (LZS), dicapai 28 Julai 2017, <http://www.zakatselangor.com.my>.
- Laman sesawang Malaysia Kini, dicapai 31 Mac 2017, <http://www.malaysiakini.com/news/166920>.
- Laman sesawang Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), dicapai 31 Mei 2017, <http://www.intranet.jawhar.gov.my>.
- Laman sesawang Portal Pengurusan Masjid, dicapai 30 Oktober 2018, <http://www.e-masjid.jais.gov.my>
- Laman sesawang Utusan Online, dicapai 2 Januari 2017, http://www1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20120713/ba_04/Siapa-asnaf_riqab.
- Laman sesawang Utusan Online, dicapai 22 April 2017, http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121122/dn_11/Disyor_kanlayak-terima-zakat.
- Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai 31 Mei 2017, <http://www.muftiselangor.gov.my>.
- Laman sesawang Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.muip.gov.my>.
- Laman sesawang Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.maidam.terengganu.gov.my>.
- Laman sesawang Majlis Agama Islam Melaka, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.maim.gov.my>.
- Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.mains.gov.my>.
- Laman sesawang Portal Rasmi E-Syariah, dicapai 4 Ogos 2017, <http://www2.esyariah.gov.my>
- Laman sesawang Sistem Pengurusan Fatwa, dicapai 9 Jun 2017, <http://www.fms.usim.edu.my>.